



Journal of Technical and Social Sciences

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial

17th Edition

Nov 2022

e-ISSN 2289 7356

Published by : Nilai Polytechnic Negeri Sembilan
Diterbitkan oleh : Politeknik Nilai Negeri Sembilan

Artikel/ Articles	Mukasurat/ Pages
TAHAP AMALAN, KEMAHIRAN SERTA PERSONALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (GPI KAFA) Mohammad Abu Bakar ^{1a} & Mohd Aderi Che Noh ^{2b} ^a Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) & ^b Universiti Sains Islam Malaysia	1-10
UJIAN AWAL KEBIMBANGAN, KUALITI TIDUR DAN KECERGASAN FIZIKAL DALAM KALANGAN PEMAIN BADMINTON REMAJA Mohamad Ikram Mat Saad ^{1a} & Wan Ahmad Munsif Wan Pa ^{1a} ^a Universiti Kebangsaan Malaysia	11-21
PERSEPSI INDUSTRI TERHADAP PENCAPAIAN GRADUAN LULUSAN KOLEJ KOMUNITI KLUANG TERHADAP KEBOLEHPASARAN Norhidayah Saleh ^{1a} , Faridatuljana Mohd Noor ^{1a} & Shaheela Abu Bakar ^{1a} ^a Kolej Komuniti Kluang	22-28
KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT) BAGI KURSUS LUKISAN KERJA 3 DI KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN HULU TERENGGANU (KKcHT) Nor Suraya Aini Ngah ^{1a} , Munirah Abd Manan ^{2a} & Tengku Azman Tengku Mohd ^{3b} ^a Kolej Komuniti Kuala Terengganu & ^b Politeknik Kuala Terengganu	29-38
PERPADUAN DAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MALAYSIA Nor Hayati Fatmi Talib ^{1a} Suhaily Abdullah ^{2b} , & Marzuki Sepiaail ^{3c} ^a Politeknik Nilai, ^b Politeknik Jeli Kelantan & ^c Politeknik Sultan Azlan Shah	39-49
ANALISIS TAHAP PENDIDIKAN TERHADAP KESEDIAAN GURU MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN SECARA TERADUN BERASASKAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI Sapie Sabilan ^{1a} , Suhana Mohamed Lip ^{2b} , Mohamad Fuad Ishak ^{3b} , Shazarina Zdainal Abidin ^{4b} & Suziana Hanani Sulaiman ^{5b} ^a Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & ^b Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor	50-60
MASTERY LEARNING SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN JAWI BERKESAN DALAM KERANGKA PEMBENTUKAN KOMPETENSI GURU: SATU KAJIAN KES Naquiah Nahar ^{1a} , Jimaain Safar ^{2a} , Aminudin Hehsan ^{2b} & Juhazren Junaidi ^{2b} ^a Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM Johor ^b Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (Cfirst), UTM Johor	61-74
PENILAIAN KOMPETENSI PENSYARAH DARI ASPEK PENGETAHUAN ASAS PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN TERHADAP KURSUS MPU PENGAJIAN ISLAM POLITEKNIK MALAYSIA Mohd Khairul Naim Sameri ^{1a} , Azmil Hashim ^{2a} & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim ^{3a} ^a Universiti Pendidikan Sultan Idris	75-84

© Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan
No. Tel: 06-7980400
No. Fax: 06-7911269
www.polinilai.edu.my

Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Nilai.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan

SIDANG EDITOR/ EDITORIAL BOARD

Penasihat/ Advisor

Haji Wan Zulkifly Wan Zakaria
(Pengarah Politeknik Nilai)
Dr. Ahmad Razimi Mat Lazim
(Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi)

Ketua Sidang Editor/ Editor-in-Chief

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib – Politeknik Nilai

Kumpulan Editor/ Editorial Team

Pn. Nur Hazeleen Bashah – Politeknik Nilai
Pn. Qyurulzeta Ishak – Politeknik Nilai
Pn. Azalinda Mat Saad – Politeknik Nilai
Pn. Nurul Azura Mohd Taib – Politeknik Nilai
Ts. Khairul Nizam Kamarudin – Politeknik Nilai
PM Dr. Latifah Abdul Majid – Universiti Kebangsaan Malaysia

Lembaga Penasihat Editor/ Editorial Advisory Board

PM. Dr. Gamal Zakaria – Universiti Brunei Darussalam
PM. Dr. Ahmad Tarmizi Talib – Universiti Putra Malaysia
Ajan Abdulrazak Panaemalae – Walailak Universiti, Thailand
PM. Dr. Ahmad Munawar Ismail – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Sarjit S. Gill Darshan Singh – Universiti Putra Malaysia

Pewasit/ Reviewer

Dr. Muhammad Nordin – IPG Kampus Teknik
Dr. Bani Hidayat Mohd Shafie – IPG Kampus Pendidikan Islam
Dr. Nor Hayati Fatmi Talib – Politeknik Nilai

Pembaca Pruf/ Proof Reader

Ts. Dr. Md. Baharuddin Abdul Rahman – Universiti Sains Malaysia

NOTE TO CONTRIBUTORS

Journal of Technical and Social Sciences (JTSS) is multi-disciplinary index journal covering from Technical, Engineering, Language, Education, Islamic Education, Islamic Civilization, Economy and Philosophy. This journal is publishing in soft-copy eISSN twice/thrice yearly in June and December/Mac, July and November. All articles should comply the following guidelines:

- Original manuscript that has never been published before, and not in any reviewing process by any publisher.
- Number of words is between 8000 to 11000 including 300 words (maximum) for the abstract.
- Number of pages is in between 10 to 15 pages including references, single-spaced, using font Cambria size 11 on A4 paper.
- Manuscript must be written either in Malay or English.
- Manuscript with illustrations (diagrams/tables/graphs/charts) that are associated with the coloured manuscripts must be retained and attached in jpeg file.
- Academic writing with endnote for reference consisting of author's details, year, full title, place of publication and publisher's name.
- The manuscript will go through plagiarism filters that must surpass similarity (similarity maximum 30%) with no sensitive elements.
- All contributors must display full name, position, institution and email address.
- Arabic transliteration can be used if necessary.
- Manuscripts are accepted when they comply to manuscript assessor feedback.
- Authors must agree to publish in Journal of Technical and Social Sciences.
- Outside `margin 'is 1 inch except for the left margin is 1½ inches.
- Title must contain the topic, author's name and name of institution.
- Pages are numbered on the bottom right corner.
- All manuscripts must contain an abstract, text (introduction, methodology, results, discussion of the findings and implications) and reference (no footnotes).
- The decision to publish or not will be based on the editorial board, referees' evaluation and has passed plagiarism screening.
- The publication fee for an article is MYR150.00
- For further enquiries, kindly contact:

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib
Editor-in-Chief
Polytechnic Nilai, Negeri Sembilan
norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my
yati_6709@yahoo.com

CATATAN BAGI PENYUMBANG ARTIKEL

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial (JTSS) merupakan jurnal berindeks yang diterbitkan merentasi pelbagai disiplin Ilmu merangkumi Teknikal, Kejuruteraan, Bahasa, Pendidikan, Pendidikan Islam, Tamadun Islam, Ekonomi, Falsafah dan sebagainya. Jurnal ini diterbitkan secara salinan lembut eISSN sebanyak 2/3 penerbitan setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember/Mac, Julai dan November. Sumbangan artikel perlulah menepati garis panduan berikut:

- Manuskrip asli oleh penulis yang belum pernah diterbitkan, bukan dalam peringkat penilaian atau penerbitan mana-mana pihak penerbit.
- Bilangan perkataan antara 8,000 hingga 11,000 perkataan sahaja termasuk 300 perkataan (maksimum) abstrak.
- Bilangan mukasurat hendaklah antara 10 hingga 15 mukasurat termasuk rujukan, bertaip langkau satu (*single*), menggunakan tulisan Cambria bersaiz 11 di atas kertas bersaiz A4.
- Manuskrip mesti ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Manuskrip lengkap dengan ilustrasi (gambarajah/jadual/graf/carta dan sebagainya) yang berkaitan dengan manuskrip yang berwarna hendaklah dikekalkan dan dilampirkan dalam fail jpeg.
- Penulisan secara ilmiah dengan nota hujung (*endnote*) bagi rujukan mempunyai maklumat penulis, tahun, tajuk lengkap, tempat diterbitkan dan nama penerbit.
- Manuskrip akan melalui saringan palagiat yang mesti melepasi kesamaan (*similarity maximum 30%*) dan tiada unsur-unsur sensitif.
- Kesemua penyumbang artikel mesti memaparkan nama penuh, jawatan, tempat bertugas dan alamat email.
- Boleh menggunakan transliterasi Arab jika perlu.
- Syarat penerimaan manuskrip adalah apabila menepati maklumbalas penilai manuskrip.
- Semua senarai penulis mesti bersetuju untuk manuskrip diterbitkan dalam Jurnal Teknikal dan Sains Sosial.
- `Outside margin' adalah 1 inci kecuali sebelah kiri 1½ inci.
- Tajuk mesti mengandungi topik, nama penulis dan nama institusi.
- Nombor mukasurat sebelah bawah kanan.
- Manuskrip mesti mengandungi abstrak, teks (pendahuluan, metodologi, dapatan, perbincangan dapatan dan implikasi) dan rujukan (tiada nota kaki).
- Keputusan penerbitan adalah berdasarkan sidang editor, penilaian pewasit dan melepasi saringan palagiat.
- Yuran penerbitan adalah RM150.00 bagi setiap artikel.
- Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib
Ketua Sidang Editor Jurnal Teknikal dan Sains Sosial
Politeknik Nilai Negeri Sembilan
norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my
yati_6709@yahoo.com

TAHAP AMALAN, KEMAHIRAN SERTA PERSONALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (GPI KAFA) *LEVEL OF PRACTICE, SKILLS AND PERSONALITY OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS OF AL-QURAN AND FARDHU AIN (GPI KAFA)*

Mohammad Abu Bakar^{1a}

^aUniversiti Pendidikan Sultan Idris
fitratulhayat@gmail.com

Mohd Aderi Che Noh^{1b}

^bUniversiti Sains Islam Malaysia
aderi@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardhu Ain yang berkesan dapat direalisasikan melalui amalan pedagogi pengajaran yang berkualiti. Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) perlu berperanan dalam meningkatkan tahap pedagogi pengajaran berasaskan pemikiran Islam. Peningkatan ilmu dalam pedagogi pengajaran ini mampu membina jajaran baru dalam pedagogi Pendidikan KAFA. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi dan personaliti dalam kalangan GPI KAFA. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan memperolehi data melalui kutipan data soal selidik. Kajian ini telah melibatkan 104 orang GPI KAFA di negeri Selangor. Statistik deskriptif iaitu min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai digunakan bagi melapor dapatan kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa min pada keempat-empat konstruk berada pada tahap tinggi; amalan pengajaran (min:4.53, sp:0.370), kemahiran pengajaran (min:4.27, sp:0.366), kemahiran komunikasi (min:4.69, sp:0.463) dan personaliti (min:4.69, sp:0.366). implikasi daripada kajian ini ialah peningkatan kepada kemahiran pedagogi dan kecekapan sosial dalam pengajaran. Kajian ini memberi kesan positif serta menjelaskan kepentingan dalam memperkasa GPI KAFA melalui keperluan latihan dan kemahiran pedagogi yang berterusan.

Kata Kunci: Pedagogi Pengajaran; Amalan Pengajaran; Kemahiran Pengajaran; Kemahiran Komunikasi, Personaliti Guru

ABSTRACT

Effective teaching and learning of Al-Quran and Fardhu Ain classes can be realized through quality teaching pedagogy. Islamic Education Teachers of Al-Quran and Fardhu Ain Class (GPI KAFA) need to play a role in improving the level of teaching pedagogy based on Islamic thinking. This increase in knowledge in teaching pedagogy is able to build new ranks in KAFA Education pedagogy. The purpose of this study is to identify elements of teaching practice, teaching skills, communication skills and personality among GPI KAFA. This is quantitative study that obtain data through questionnaire data collection. This study involved 104 KAFA GPIs in the state of Selangor. Descriptive statistics ie mean, percentage, frequency and standard deviation are used to report the findings of this study. Findings show that the mean on all four constructs is at a high level; teaching practice (min:4.53, sp:0.370), teaching skills (min:4.27, sp:0.366), communication skills (min:4.69, sp:0.463) and personality (min:4.69, sp:0.366). The implication of this study is for the improvement of pedagogical skills and social competence in teaching. This study has a positive impact and it explains the importance of empowering GPI KAFA through the need for continuous training and pedagogical skills.

Keywords: *Teaching Pedagogy, Teaching Practice, Teaching Skills, Communication Skills, Teacher Personality*

PENDAHULUAN

Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dilaksanakan di bawah penyelarasan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Agensi Bertanggungjawab Negeri. JAKIM telah menetapkan bahawa 6 bidang utama kurikulum KAFA yang diterapkan dalam Pendidikan KAFA dan ia perlu diambil perhatian dalam memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan (Atan Long, 1983; Esah Sulaiman, 2004; Kamarul Azmi et al., 2012; JAKIM 2016; Hiryanto, 2017; Rosnani, 2018). Falsafah KAFA menjelaskan bahawa "Pengajian al-Quran dan fardhu ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras kehendak al-Quran dan as-Sunnah" (JAKIM, 2014).

Pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran GPI KAFA perlu selaras dengan Pendidikan Islam dalam membina akhlak sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali (*Ihya' Ulum ad-Din*) dan Sheikh Profesor Dr. Abdullah Nasih Ulwan (*Tarbiyatul Aulad*). Fitrah manusia mempunyai kekurangan yang perlu diperbaiki. Maka bagi umat Islam Rasulullah SAW adalah sandaran guru unggul yang perlu diteladani sama ada dari aspek metodologi pengajaran mahupun aspek sosial Rasulullah SAW dalam Pendidikan. Perkara ini sudah pasti memberi impak positif kepada integriti GPI KAFA dalam meningkatkan profesionalisme dalam diri mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) telah dilaksanakan bermula dari tahun 1990 serta dilaksanakan di pelbagai premis seperti surau, masjid, balai raya dan sekolah kebangsaan. Berdasarkan kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan laporan daripada Jabatan Audit Negara mendapati antara isu yang menjadi perhatian adalah dalam aspek pedagogi guru iaitu amalan pengajaran, kemahiran pengajaran dan kemahiran komunikasi Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA).

GPI KAFA kurang mahir dalam ilmu pedagogi merupakan kesan kepada pengajaran dan pembelajaran GPI KAFA berada di tahap sederhana (MAMPU 1996; UPM 2002; Jabatan Ketua Audit Negara 2014; JAKIM 2016). Ini kerana berdasarkan pemantauan ke atas pengajaran dan pembelajaran (PdP) GPI KAFA mendapati bahawa mereka amat memerlukan pengukuhan khususnya dari aspek pedagogi bagi memastikan mereka memahami pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran berkesan.

GPI KAFA juga perlu mempelajari kemahiran sosial dalam pendidikan agar dapat membina kecekapan sosial (*social intelligence*) dalam diri mereka (Amjad, 2021; Mawil Izzidien, 2021). Berilmu tetapi tidak berkemampuan dalam aspek komunikasi dan sosial akan memberi kesan dalam hubungan guru sama ada dengan pihak pengurusan, pentadbir, ibu bapa, rakan sekerja dan juga murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenalpasti tahap amalan pengajaran dalam kalangan GPI KAFA.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran pengajaran dalam kalangan GPI KAFA.
3. Mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan GPI KAFA.

4. Mengenalpasti tahap personaliti guru dalam kalangan GPI KAFA.

PERSOALAN KAJIAN


Persoalan kajian ini ialah untuk: -

1. Apakah tahap amalan pengajaran dalam kalangan GPI KAFA.
2. Apakah tahap kemahiran pengajaran dalam kalangan GPI KAFA.
3. Apakah tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan GPI KAFA.
4. Apakah tahap personaliti guru dalam kalangan GPI KAFA

TEORI KAJIAN

Pengkaji telah mengadaptasi teori guru berkualiti berasaskan pemikiran imam al-Ghazali (*Ihya' Ulumuddin*), Model Pengajaran dan Pendekatan Sosial Rasulullah SAW (Noornajihan dan Ab. Halim, 2012).

Rajah 1 menunjukkan model guru cemerlang menurut al-Ghazali dan ini menjelaskan bahawa GPI KAFA perlu memiliki ilmu (amalan), kemahiran dan keperibadian (personaliti) yang kukuh dalam mencapai hasrat guru cemerlang. Ia juga merupakan asas kepada pembentukan keperibadian dan peningkatan ilmu pedagogi dalam Pendidikan Islam. Aspek komunikasi juga dilihat sebagai salah satu perkara penting dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan. Keempat-empat konstruk kajian ini juga dikaitkan dengan ciri-ciri Model Guru Cemerlang berdasarkan rajah di bawah.



Rajah 1: Teori Guru Berkualiti

Sumber: Kamarul Azmi & Noor Fadhlina (2012)

SOROTAN KAJIAN

Kajian JAKIM (2015) terhadap 1441 orang GPI KAFA berkaitan Profesionalisme GPI KAFA mendapati, secara keseluruhannya peranan JAKIM perlu dipergiat ke arah melahirkan GPI KAFA yang profesional dalam ilmu pedagogi khususnya dalam aspek amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahiran komunikasi serta personaliti guru. Berdasarkan kajian ini dan kajian-kajian lepas menjelaskan bahawa keempat-empat aspek iaitu amalan pengajaran (JAKIM, 2016), kemahiran pengajaran (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2019) dan komunikasi (Noor Shamsinar et al., 2019) serta personaliti (Syafiqah Solehah dan Tengku Sarina Aini, 2017) dalam kalangan perlu ditambah baik sesuai dengan kemajuan pendidikan. Maka, tidak dapat dinafikan

bahawa kepentingan menaik taraf empat aspek yang terdapat dalam elemen amalan pedagogi pengajaran perlu dilaksanakan sebaiknya. Ini amat bertepatan dengan pandangan Norlela & Shamsudin (2021) bahawa amalan pedagogi yang berkesan mampu memberi makna dan pengetahuan kepada murid dengan lebih efisien.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji memilih reka bentuk kajian tinjauan kerana pengutipan data hanya dibuat sekali dalam jangka masa yang telah ditetapkan iaitu kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik (Gay & Airisian, 2000). Selain itu kelebihan kaedah kajian ini adalah ia tidak melibatkan manipulasi eksperimen dan hasil kajian boleh digeneralisasikan untuk julat individu yang luas (Levinn dan Fox, 2007). Kajian tinjauan berfungsi dalam mengukur semua pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa atau keadaan tanpa menyoal serta mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada responden untuk analisis kajian (Elangkumaran, 2009).

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam memastikan kajian ini mencapai objektif yang dirancang, pengkaji telah memilih sasaran populasi untuk dicadangkan dalam kajian ini. Ini bertepatan dengan pandangan Sugiyono (2011) yang menjelaskan bahawa populasi sasaran diperlukan dalam mengenalpasti perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji. Justeru itu, kajian ini memilih populasi daripada Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) pada tahun 2021 yang berjumlah 36,161 orang di seluruh Malaysia (JAKIM, 2016). Memandangkan kajian ini berskala besar, pengkaji telah merujuk Krejcie dan Morgan (1970) bagi penentuan saiz sampel kajian ini. Dari itu, pengkaji telah memilih sejumlah 104 orang GPI KAFA dalam kajian rintis.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan bertujuan bagi menilai sejauh mana sesuatu instrumen yang akan digunakan boleh menguji apa yang sepatutnya diuji (Mohd Aderi 2008; Ghazali & Sufean, 2018). Justeru itu instrumen kajian ini telah dikemaskini melalui kesahan pakar yang terdiri daripada pakar dalam pengurusan dasar, bidang pendidikan Islam, bidang penyelidikan dan bahasa.

Kebolehpercayaan dilaksana melalui kaedah Cronbach di mana item-item yang memiliki nilai korelasi yang tinggi dengan skor indeks ujian iaitu pada aras 0.70 ke atas akan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Majid, 1994). Analisis kaedah cronbach boleh dilaksana dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Cronbach Alpha
Sangat Tinggi	>0.9
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 < 0.69
Rendah	0.30

Sumber: Babbie (2009)

Berdasarkan hasil analisis nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik kajian yang telah digunakan, menerangkan hasil sebagaimana yang dinyatakan pada jadual 2.

Jadual 2: Keputusan Nilai Alpha Cronbach

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha	Indikator
Permulaan Pengajaran	0.954	Sangat Tinggi
Perkembangan Pengajaran	0.951	Sangat Tinggi
Penutup Pengajaran	0.955	Sangat Tinggi
Perancangan	0.957	Sangat Tinggi
Kaedah Penyampaian	0.951	Sangat Tinggi
Kawalan Bilik Darjah	0.952	Sangat Tinggi
Motivasi	0.952	Sangat Tinggi
Komunikasi Lisan	0.951	Sangat Tinggi
Komunikasi Bukan Lisan	0.951	Sangat Tinggi
Penampilan	0.960	Sangat Tinggi
Pengucapan	0.954	Sangat Tinggi
Tingkah Laku	0.952	Sangat Tinggi

Jadual 2 menunjukkan bahawa nilai indeks konstruk item kukuh dengan nilai Alpha Cronbach antara 0.951 hingga 0.960. Manakala nilai nilai Alpha Cronbach keseluruhan adalah 0.948 dan menunjukkan nilai yang sangat tinggi. Ini bermakna dengan nilai yang sangat tinggi serta diterima untuk digunakan dalam kajian sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Profil responden dalam kajian ini menerangkan maklumat demografi berkenaan jantina dan pengalaman mengajar GPI KAFA. Seramai 90 orang (86.5%) adalah GPI perempuan manakala 14 orang GPI (13.5%) adalah lelaki. Analisis juga dilaksana kepada responden berkaitan tempoh pengalaman mengajar mereka. Bermula dari GPI KAFA yang baru berkhidmat serta berpengalaman mengajar selama 4 tahun ($n=14$; 13.5%). Kumpulan responden kedua adalah pengalaman 5 hingga 10 tahun ($n=17$; 16.3%). Jumlah tertinggi GPI KAFA yang berpengalaman mengajar dari 11 hingga 15 ($n=35$; 33.7%). Kumpulan GPI KAFA pengalaman 16 hingga 20 tahun ($n=23$; 22.1%). Manakala tempoh pengalaman 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun, masing-masing berkongsi dengan jumlah serta peratus yang sama iaitu ($n=7$; 6.7%). Walaubagaimanapun pengalaman GPI dari 31 hingga 35 tahun hanya diwakili oleh seorang respondengan dengan 1%.

Jadual 2 : Profil Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar

Sub konstruk	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	14	13.5
	Perempuan	90	86.5
Pengalaman Mengajar	0-4	14	13.5
	5-10	17	16.3
	11-15	35	33.7
	16-20	23	22.1
	21-25	7	6.7
	26-30	7	6.7
	31-35	1	1.0

Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan dari empat konstruk amalan pedagogi pengajaran dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperolehi akan ditafsirkan (Creswell, 2009) menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Nunally (1978) seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Min Nunally (1978)

Skor Min	Interpretasi	Singkatan
4.01-5.00	Tinggi	T
3.01-4.00	Sederhana Tinggi	SDT
2.01-3.00	Sederhana Rendah	SDR
1.01-2.00	Sangat Rendah	SR

Tahap Amalan Pengajaran GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi amalan pengajaran GPI KAFA ialah skor min 4.93 bagi item B2 iaitu 'saya memulakan pengajaran KAFA dengan bacaan doa' dan skor min terendah adalah 3.93 bagi item B6 iaitu 'Saya melaksanakan set induksi setiap kali sebelum memulakan pengajaran'. Secara keseluruhannya bagi amalan pengajaran dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.53.

Tahap Kemahiran Pengajaran GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi kemahiran pengajaran GPI KAFA ialah skor min 4.63 bagi item C20 iaitu 'saya memastikan diri saya bersemangat dan bersedia setiap kali pengajaran KAFA' dan skor min terendah adalah 3.63 bagi item C18 iaitu 'saya memegang bahu murid untuk menarik perhatian murid (iaitu menyentuh untuk sesama jantina sahaja)'. Secara keseluruhannya bagi kemahiran pengajaran dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.27.

Tahap Kemahiran Komunikasi GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi kemahiran komunikasi GPI KAFA ialah skor min 4.70 bagi item D1 iaitu 'saya menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami' dan skor min terendah adalah 4.13 bagi item D7 iaitu 'Saya mengaplikasi unsur kecintaan (jenaka) dalam pengajaran'. Secara keseluruhannya bagi kemahiran komunikasi dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.47.

Tahap Personaliti GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi personaliti guru GPI KAFA ialah skor min 4.88 bagi item E4 iaitu 'saya mengamalkan pemakaian patuh syariah' dan skor min terendah adalah 4.29 bagi item E16 iaitu 'Saya menegur rakan sejawat yang melakukan kesalahan secara berhemah'. Secara keseluruhannya personaliti guru dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.69.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, konstruk pertama iaitu amalan pengajaran menunjukkan skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.53. Ini menunjukkan amalan pengajaran GPI KAFA seperti memulakan pengajaran dengan bacaan doa merupakan amalan yang sentiasa diamalkan guru

sebelum memulakan pengajaran. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan guru kurang melaksanakan set induksi sebelum memulakan pengajaran. Biarpun dengan jumlah yang sedikit tetapi ia tetap memberi kesan kepada pengajaran GPI KAFA. Kajian Wan Ali Akbar et al., (2021) guru bukan hanya berperanan sebagai pembimbing serta *role model* kepada murid. Tetapi guru juga perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kerjaya dengan efektif. Perkara ini juga diperjelaskan dalam Kajian JAKIM (2016) berkenaan Profesionalisme GPI KAFA dan Keberkesanan Pendidikan KAFA. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran GPI KAFA perlu dipertingkatkan melalui latihan pedagogi bagi memberi kefahaman kepada mereka bahawa permulaan, perkembangan dan penutup memberi kesan kepada amalan pengajaran yang berkesan.

Dapatan kajian berkenaan kemahiran pengajaran menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.27. Kemahiran pengajaran seperti memastikan diri sentiasa bersemangat serta bersedia setiap kali sesi pengajaran merupakan nilai positif yang perlu di contohi oleh rakan sejawat yang lainnya. Walau bagaimanapun, aspek sosial iaitu memegang bahu murid sesama jantina untuk menarik perhatian mereka kurang dipraktikkan oleh GPI KAFA. Ini menunjukkan bahawa GPI KAFA perlu meningkatkan kemahiran sosial dalam pengajaran agar aspek ini dapat membantu dalam meningkatkan hubungan sosial antara guru dan murid ketika dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemampuan Guru dalam mempelbagaikan kemahiran pengajaran dapat mempertingkatkan keupayaan murid dalam belajar dengan mengikut kemudahan dan murid (Norehan & Mahaliza, 2021). Di samping itu, kaedah penyampaian dan motivasi berperanan penting dalam memperkasa pedagogi pengajaran (Lau Yeo Feng et al., 2021). Hal ini menjelaskan bahawa kemahiran pengajaran GPI KAFA perlu dipertingkatkan dan penerapan kecekapan sosial (*social intelligence*) perlu diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan KAFA.

Dapatan kemahiran komunikasi pula menunjukkan skor min juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.47. Pengajaran GPI KAFA dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami memberi nilai min tertinggi iaitu 4.70 manakala kurang mengaplikasikan usur jenaka dalam pengajaran menerima nilai min 4.13. Ini menunjukkan aspek-aspek yang melibatkan komunikasi lisan atau bukan lisan memberi kesan dalam aspek pengajaran. Dapatan ini disokong dengan kajian Nurul Izzati et al. (2021) yang menjelaskan bahawa GPI perlu mempertingkatkan kemahiran komunikasi agar sesi pengajaran guru akan lebih berkesan. Ini termasuklah aspek keceriaan atau unsur jenaka yang diaplikasi oleh guru telah berjaya mewujudkan keseronokan, menarik minat serta fokus murid dalam pembelajaran (Cyrene & Minah Sintian, 2019). Ini menunjukkan bahawa selain dapat menyelitkan unsur jenaka, GPI KAFA juga perlu bertenaga (*enegatic*) agar sentiasa ceria dan bersemangat dalam setiap sesi pengajaran yang dijalankan.

Dapatan keseluruhan personaliti guru menunjukkan skor min juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.69. Pemakaian GPI KAFA yang patuh syariah memberikan nilai min tertinggi iaitu 4.88 manakala amalan memberi teguran secara berhemah kepada rakan sekerja melakukan kesalahan berada pada nilai 4.29. GPI KAFA perlu memperlihatkan personaliti yang menarik serta menjadi contoh teladan yang baik bukan sahaja dalam kalangan rakan sejawat malah kepada murid KAFA. Ini amat bertepatan dengan peranan GPI KAFA sebagai guru agama yang mengajar perintah dan larangan dalam Islam. Antara ciri GPI KAFA yang boleh dijadikan contoh ikutan adalah *role model* ialah seperti berakhlak mulia, memiliki tingkah laku serta penampilan baik, bertutur dengan kata-kata yang sopan, ikhlas dan sentiasa menghormati orang lain (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini, 2013; Razila Kasmin, (2019). Ahmad Zaharuddin Sani (2015) pula menegaskan bahawa dalam situasi untuk menegur kesalahan perlulah beradab dan berhemah kerana ia bertujuan menjaga rakan yang ingin ditegur. Oleh yang demikian, kecekapan sosial (Abu Ghuddah, 1997) sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW amat penting untuk dicontohi dan dipelajari.

KESIMPULAN

Secara Keseluruhannya, Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) berperanan penting dalam menjadi membina generasi celik al-Quran dan berilmu dalam diri murid Islam di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa GPI KAFA telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Ini dilihat melalui dapatan dari konstruk-konstruk yang dijelaskan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, pemerkasaan dalam beberapa aspek perlu diambil perhatian seperti kemahiran pedagogi pengajaran yang merujuk kepada teori dan model pengajaran daripada ilmuwan Islam serta aspek kecekapan sosial (*social intelligence*) dalam pengajaran. Dari itu, kajian ini diharap memberi impak positif kepada GPI KAFA untuk meningkatkan daya usaha mendidik generasi Muslim yang berilmu, beramal dan berakhlak mulia.

RUJUKAN

- Abu Ghuddah, Abd. Fattah. 1997. *Ar-Rasul al-Muallim wa Asalibuhu fi at-Ta'lim, Mendidik Gaya Rasulullah*. Terjemahan Syuhahak Mahmud. Cetakan Kedua 2020. Terbitan: Galeri ilmu Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaharuddin Sani. 2015. *Menegur Biar Tertib, Beradab*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/77116/menegur-biar-tertib-beradab>. Dirujuk pada 30 Disember 2021.
- Amjad M. Hussain. 2021. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2021 (ICSSH 2021)*. Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. 2013. *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam terhadap Pembentukan Peribadi Murid*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Atan Long. 1983. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Amiza Publishing Sdn Bhd: Petaling Jaya. Cetakan kelima.
- Babbie, E. R. 2009. *The Practice of Sosial Research*. Ed. ke-12. Belmont C. A.: Wadsworth.
- Creswell. 2009. *Research Design: Quantitative, Qualitative and Mixed Method Approaches. (Third Edition)*, Pearson. USA.
- Cyrene Riman Junis & Minah Sintian. 2019. *Unsur Jenaka dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu Pengenalan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. <https://www.researchgate.net/publication/333601703>. Dirujuk pada 24 Disember 2021.
- Esah Sulaiman. 2014. *Pengenalan Pedagogi*. Penerbit UTM, 2004. Universiti Teknologi Malaysia.
- Elangkumaran Davarajoo. 2009. *Hubungan antara Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dengan Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Rendah di Zon Tanjung Karang*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gay, L. R. & Airisian, P. 2003. *Educational Research: Compentencies for Analysis and Study Applications. Seventh Edition*. Upper Saddle River, NJ: Merrill-Prentice Hall.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis kajian*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. *Inovasi Pengajaran untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC). Universiti Malaysia Pahang. Issue 6, Vol 1 Dis 2019. Hlm. 8-17.
- Hiryanto. 2017. *Pedagogi, Andragogi dan Heutagogi Serta Implikasinya dalam Pemberdayaan Masyarakat*. Dinamika Pendidikan Volume xxii. No.1 Mei 2017. Hlm. 65-71.
- Jabatan Ketua Audit Negara. 2014. *Kajian Keberkesanan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2016. *Kajian Profesionalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*.
- Kamarul Azmi Jasmi, Kamaluddin Abd. Rahman, Azhar Muhammad, Mohd Ismail Mustari & Muhamad Faiz Ismail. 2012. *Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar*

- dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam. [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 319-329. ISBN 99917-44-89-4.
- Kerjcie R. V & Morgan D. W. 1970. *Determining Sample Size for Research activities. Education and Psychological Measurement*. 30. 607-610.
- Lau Yeo Feng, F., Guek Fen, K., Phau Liang, K. & Huoy Shin, L. 2021. *Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021). Hlm. 57-74.
- Levin J. & Fox J. A. 2007. *Elementary Statistic in School Science Research*. (2nd Edition. Ne York: Allyn and Bacon.
- Mawil Izzidien. 2021. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2021 (ICSSH 2021)*. Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Aderi Che Noh. 2008. *Hubungan antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Murid Tingkatan Dua di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor. 2021. *Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Isu 7. Hlm. 416-421.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. 2020. *Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. International Journal of Education and Training (InJET) 6(2): November 2020. Hlm. 1-11.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pedagogi Rasulullah S.A.W. dalam Pengajaran*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 pada 3-6 Julai 2012 bertempat di Hotel Royale Bintang Seremban, anjuran IPG Kampus Pendidikan Islam Zon Tengah.
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul & Harun Baharudin. 2019. *Kemahiran Komunikasi Bukan lisan: Satu Kajian terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Malaysia Online Journal of Education. Vol. 3, No.2 (2019). Hlm. 1-10.
- Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. 2021. *Strategi Kemahiran Komunikasi dalam Pengajaran Bahasa Arab*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 1(3). Hlm. 48-56.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometrics Theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. 2019. *Amalan Kualiti Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan*. Journal of Management and Operation Research 2019, Vol. 1, No. 4. Hlm.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussien, Madihah Khalid & Rosemaliza Kamalludeen. 2018. *Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21*. Jurnal Pendidikan Malaysia 43(2)(2018). Hlm. 37-47.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2017. *Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Hlm. 277-290.
- Sugiyono. 2011. *Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D*. Bandung: Alfabeta.
- Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia. 1996. *Laporan Kajian Keberkesanan Program KAFA*. Jabatan Perdana Menteri. Julai 1996.
- Universiti Putra Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2002. *Keberkesanan Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)*. Februari 2002.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. 2021. *Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Volume 4 (1) January 2021. Hlm. 63-74

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Mohammad Abu Bakar

Pelajar Pascasiswazah (PhD)
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
Tanjung Malim, Perak
fitratulhayat@gmail.com

Professor Dr. Mohd Aderi Che Noh

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
aderi@usim.edu.my



UJIAN AWAL KEBIMBANGAN, KUALITI TIDUR DAN KECERGASAN FIZIKAL DALAM KALANGAN PEMAIN BADMINTON REMAJA *A PRELIMINARY TEST OF ANXIETY, SLEEP QUALITY AND PHYSICAL FITNESS AMONG ADOLESCENT BADMINTON PLAYERS*

Mohamad Ikram Mat Saad^{1a} & Wan Ahmad Munsif Wan Pa^{1a}

^aUniversiti Kebangsaan Malaysia
P110199@siswa.ukm.edu.my & munsif@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan ujian Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A), ujian Sleep Quality Scale (SQS) dan ujian Self-Reported Fitness. Kajian ini dijalankan terhadap beberapa kelab atau pasukan Badminton remaja yang terdapat di seluruh Malaysia. Seramai 30 orang pemain telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data kajian dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang ditadbir secara atas talian menggunakan perisian 'Google Form'. Instrumen soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian yang mana Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan demografi, bahagian B berkaitan tahap kebimbangan pemain Badminton tersebut, bahagian C berkaitan laporan sendiri kualiti tidur dan akhir sekali Bahagian D meliputi soalan-soalan berkaitan Kecergasan fizikal. Pengkaji juga menggunakan kaedah kajian rintis terhadap 30 orang pemain badminton bagi mendapatkan kebolehpercayaan 11angka soal selidik ini. Hasil analisis kajian rintis menunjukkan bahawa soal selidik ini boleh digunakan. Selain itu, kajian ini turut membincangkan implikasi sekiranya kebimbangan mempunyai hubungan terhadap kualiti tidur dan kecergasan fizikal serta 11langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan berlakunya kesan-kesan tersebut.

Kata kunci: Badminton; Tidur; Kebimbangan; Kecergasan Fizikal; Kualiti Tidur

ABSTRACT

This study aims to identify the validity and reliability of the Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A), the Sleep Quality Scale (SQS) test and the Self-Reported Fitness test. This study was conducted on several youth Badminton clubs or teams throughout Malaysia. A total of 30 players were selected as respondents for this study. This study is a quantitative study using the questionnaire method. Research data was collected using a set of questionnaires that were administered online using the 'Google Form' software. The questionnaire instrument in this study consists of four parts where Part A contains information related to demographics, part B relates to the Badminton player's level of anxiety, part C relates to the self-report of sleep quality and finally Part D covers questions related to physical fitness. To determine the reliability of this questionnaire, the researcher also conducted a pilot study with 30 badminton players. The result of the pilot study shown that this questionnaire can be used. In addition, this study also discusses the implication if anxiety has relationship with sleeping quality and physical as well as appropriate measures to reduce the occurrence of these effects.

Keywords: Badminton; Sleep; Anxiety; Physical Fitness; Sleep Quality

PENGENALAN

Asal usul permainan badminton terletak di India yang semakin popular pada pertengahan abad kelapan belas kebanyakannya dimainkan oleh pegawai tentera British ketika India berada di bawah Kolonial British. Permainan badminton yang dikenali sebagai “battledore dan bulu tangkis” dan bermain untuk keseronokan dan bukannya badminton. Berasal dari British India abad ke-19, badminton ialah sukan raket yang dimainkan dengan dua atau empat orang di atas gelanggang segi empat tepat dengan jaring di tengah (Kwan, 2013).

Apabila sukan badminton dibawa ke Asia dan dikuasai oleh China dan negara lain seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand. Di mana di China mereka mempunyai kedai khusus untuk badminton di China dan TV satelit yang menyiarkan permainan badminton. Mereka kemudiannya mempunyai kejohanan di tempatan dan antarabangsa di Asia Tenggara yang boleh menghasilkan wang yang besar.

Di Malaysia, terdapat liga untuk atlet junior yang biasa dipanggil Junior Purple League. Malaysia Purple League juga dikenali sebagai SS Purple League ialah liga badminton profesional terulung Malaysia yang diuruskan oleh Purple League (M) Sdn. Bhd. Musim ini biasanya berlangsung dari Disember hingga Januari. Liga ini menampilkan pemain tempatan dan antarabangsa yang terdiri daripada pemenang pingat Olimpik, Juara Dunia, bekas bintang dan juga bakat yang semakin meningkat. Liga ini telah bermula pada 2014 dan masih diteruskan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan ujian Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A), ujian Sleep Quality Scale (SQS) dan ujian Self-Reported Fitness. Kajian ini juga merupakan kajian awal terhadap pemain Badminton Junior di seluruh Malaysia sebelum kajian seterusnya di jalankan. Oleh yang demikian, amat penting bagi pengkaji untuk mengetahui sejauh mana kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang bakal digunakan ini. Kesahan dan kebolehpercayaan ini juga berdasarkan tiga pemboleh ubah iaitu kemurungan, kualiti tidur dan kecergasan fizikal.

Untuk mengekalkan kesihatan seorang atlet bukan satu proses yang mudah. Jika atlet menjalani rutin harian yang betul mereka akan mencapai keputusan yang baik tetapi jika mereka melakukan kesilapan dan kecuaiian, mereka akan mendapat keputusan yang sebaliknya. Salah satu faktor pemulihan yang paling penting ialah tidur tanpa ragu (Halsou, 2014). Tidur membantu memulihkan sistem imun, saraf, rangka dan otot (Krueger, Frank, Wisor, & Roy, 2016). Tidur adalah bahagian penting dalam proses pemulihan atlet (Maria, Frode, Kenneth, Christian, & Stale, 2018). Yayasan Tidur Kebangsaan 46 mengesyorkan tidur 8-10 jam setiap malam untuk remaja (14-17 tahun) (Jordan, Aaron, Robert, & Charli, 2016). Oleh itu, disebabkan beban fizikal dan psikologi yang berat yang dihadapi oleh atlet elit junior secara berterusan, keperluan tidur atlet elit junior harus sepadan dengan had atas cadangan umum (Simpson, Gibbs, & Matheson, 2017; Watson et al., 2015).

PENYATAAN MASALAH

Hubungan psikologi seperti tekanan, kebimbangan dan kemurungan adalah perkara penting yang perlu diambil kira kerana mereka memberi perhatian yang serius serta kesan kepada kualiti tidur yang lemah dalam kalangan remaja di sekolah Menengah (Kesintha, Rampal, Sherina, & Kalaiselvam, 2018). Atlet yang mempunyai kurang kemahiran untuk mengawal emosi negatif seperti kebimbangan persaingan itu sendiri, mereka cenderung untuk mencederakan diri mereka lebih kerap, atau lebih terdedah kepada kecederaan seperti yang dikatakan dalam kajian Jesus et al. (2021). Satu kerangka teori yang menerangkan bagaimana pendedahan

tekanan menjejaskan kesihatan ialah model integratif tekanan dan kesihatan jangka hayat (Epel et al., 2018).

Menghadapi tekanan daripada pelajaran, kehidupan, pekerjaan, dan lain-lain aspek, pelajar kolej terdedah kepada kemurungan gejala, gejala kebimbangan, gangguan tidur, dan masalah lain (Zhang et al., 2022). Lebih-lebih lagi, pendedahan yang lebih besar kepada tekanan sepanjang jangka hayat telah berkait dengan pelbagai keadaan kesihatan mental dan fizikal, termasuk gangguan kecemasan, kemurungan, dan penyakit jantung (Slavich & Shields, 2018). Hasil kajian lepas juga turut menerangkan bahawa pendedahan tekanan yang lebih besar telah dikaitkan dengan lebih banyak lagi gejala kemurungan dan gangguan kebimbangan serta lebih banyak kesan kesihatan fizikal (Pegg et al., 2019; Slavich et al., 2019).

Walaupun pengalaman kebimbangan adalah berbeza untuk setiap orang, sumber yang menyebabkan bahawa kebimbangan adalah serupa (Guillen & Sanchez, 2009), ianya menunjukkan bahawa sumber peribadi adalah kategori utama yang membawa kepada kebimbangan. Ia juga dilihat kerana semua orang mengalami kebimbangan berbeza, tafsiran kebimbangan itu berbeza (Walker & Nordin, 2010) jika dilihat dari faktor-faktor berbeza yang boleh memberi kesan kepada tafsiran seseorang atlet terhadap kebimbangan. Mempunyai pemahaman tentang sumber dan tafsiran kebimbangan boleh membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana kebimbangan memberi kesan kepada atlet. Pemahaman ini juga boleh membantu dalam bimbingan penyelidikan masa depan.

Gangguan tidur jangka pendek akan menjejaskan perhatian dan ingatan orang ramai, dan gangguan tidur jangka Panjang pula akan membawa kepada kemerosotan pada sistem imuniti manusia dan mendorong kepada beberapa potensi penyakit fizikal dan penyakit psikologi seperti gejala kebimbangan dan gejala kemurungan (Zhang et al., 2022). Menurut saranan WHO, ia juga menyatakan terdapat perkaitan antara aktiviti fizikal dan kualiti tidur serta menyatakan bahawa gejala kebimbangan dan kemurungan dikaitkan dengan masalah tidur (Merellano et al., 2022).

Jumlah tidur yang diperlukan individu adalah berkadar terus dengan umur mereka. Untuk melaksanakan aktiviti dengan baik, setiap orang perlu memenuhi keperluan tidur yang unik bagi mereka. Tahap kualiti tidur seseorang boleh diukur dengan seberapa mudah mereka tertidur dan seberapa baik mereka terus tidur. Tempoh tidur dan keluhan yang dirasakan sama ada semasa tidur atau selepas bangun adalah dua faktor yang boleh digunakan untuk mencirikan kualiti tidur seseorang. Kuantiti dan kualiti tidur seseorang adalah dua faktor utama yang menentukan keperluan seseorang untuk berehat yang mencukupi. Selain itu, kualiti tidur boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk faktor yang berkaitan dengan fisiologi, psikologi, persekitaran dan gaya hidup. Penurunan dalam aktiviti harian, keletihan, kelemahan, penurunan daya tahan, dan ketidakstabilan tanda-tanda vital adalah semua kesan yang boleh dikaitkan dengan kehadiran komponen fisiologi (Potter dan Perry, 2010).


Menurut Chen et al. (2016), kategori faktor berikut boleh memberi kesan kepada keupayaan tidur atau ketidakupayaan seseorang untuk tidur: (1) Keadaan Kesihatan Semasa, Jika tubuh badan seseorang sihat, mereka boleh tidur dengan lena, tetapi jika tubuh badan mereka sihat. tidak sihat, ia akan menjadi sukar bagi mereka untuk tidur dengan lena; (2) persekitaran, termasuk bunyi bising dan tahap cahaya. Persekitaran di sekeliling seseorang boleh memberi kesan pada tahap tidur mereka. Keupayaan seseorang untuk tidur lena boleh dipertingkatkan dengan mengekalkan persekitaran yang bersih, mengekalkan suhu sejuk, mengekalkan suasana yang tenang, dan mengekalkan pencahayaan yang mencukupi; sebaliknya, mengekalkan persekitaran yang kotor, mengekalkan suhu panas, mengekalkan suasana yang sesak, dan mengekalkan pencahayaan yang sangat terang boleh membawa kepada

kualiti tidur yang lebih buruk; (3) Tekanan psikologi, kebimbangan, dan kemurungan boleh menyebabkan gangguan kekerapan tidur.

Hari ini, remaja kurang tidur dan kurang aktiviti berbanding masa lalu. Dunia moden memaksa kita menjalani gaya hidup tanpa henti, yang menjadikannya mencabar untuk mengekalkan cara hidup yang sihat, juga dikenali sebagai tingkah laku sihat (Woods & Scott, 2016). Khususnya, jumlah masa yang dihabiskan di hadapan skrin oleh remaja telah meningkat dengan ketara sepanjang masa, terutamanya pada waktu malam. Bilangan jam tidur yang diperoleh remaja setiap malam telah menurun sebagai akibat langsung daripada trend dalam kalangan kumpulan umur ini ke arah waktu tidur yang lewat (LeBourgeois et al., 2017).

Penyelidikan terkini telah menunjukkan bahawa jumlah tidur berkualiti yang tidak mencukupi berkaitan dengan peningkatan kemungkinan kedua-dua kebimbangan dan kemurungan (Woods & Scott, 2016). Penggunaan meluas peranti elektronik dan media sosial juga telah menyumbang kepada tahap tingkah laku sedentari yang lebih besar di kalangan golongan muda. Tingkah laku ini boleh mempunyai pengaruh yang teruk terhadap kesihatan, terutamanya kerana hubungan antara tahap aktiviti fizikal yang rendah dan obesiti (Sheldrick, Tyler, Mackintosh, & Stratton, 2018). Sebaliknya, kualiti tidur yang lemah dan tahap aktiviti fizikal yang rendah mempunyai pengaruh yang memudaratkan kepada kualiti hidup, yang seterusnya memberi kesan negatif kepada kesejahteraan (Engstrom, 2008; Inchley, 2013).

Untuk pengetahuan yang terbaik, sangat sedikit penyelidikan telah dijalankan untuk mengkaji hubungan antara mendapat senaman yang mencukupi dan tidur yang lena. Kajian semasa adalah penyiasatan keratan rentas yang menggunakan soal selidik yang dilaporkan sendiri untuk menilai perkaitan antara tahap kebimbangan terhadap kecergasan aktiviti fizikal dan kualiti tidur yang dialami oleh populasi.



OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan ujian Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A).
2. Mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan Sleep Quality Scale (SQS).
3. Mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan ujian Self-Reported Fitness.

TINJAUAN LITERATUR

Freud (1977) berpendapat bahawa kebimbangan harus dilihat sebagai objektif atau neurotik. Kebimbangan objektif atau am ialah tindak balas terhadap ancaman luar seperti kematian, kelahiran, atau menghadiri temu duga. Kebimbangan ini adalah tindak balas semula jadi, ia adalah rasional, ia adalah untuk perlindungan diri. Kesediaan yang dijana secara automatik ini merupakan ciri penting kerana ia melindungi individu daripada ancaman secara tiba-tiba. Kebimbangan objektif ini sebenarnya tidak membentuk masalah psikologi.

Menurut kepada teori kognitif panik yang diperkenalkan oleh Wiley (1997), elemen penting dalam panik ialah pesakit mentafsir tanda-tanda fizikal kebimbangan dengan cara yang dahsyat. Reka bentuk tidur selalunya mengikut jadual yang boleh diramal, dan pakar percaya tidur memainkan peranan penting dalam kesejahteraan dan kesihatan. Gaya hidup seseorang sangat mempengaruhi tingkah laku tidur seseorang atlet. Menurut Nédélec et al. (2015) Kehidupan seorang atlet profesional adalah mencabar dan tertekan, jadi jumlah rehat dan pemulihan juga harus memenuhi permintaan yang tinggi ini. Menurut Robbie et al. (2014) pula, berjaga beberapa jam selepas latihan malam intensiti tinggi menyebabkan atlet mahu atau

memerlukan tempoh tidur yang lebih lama untuk memulihkan tenaga. Walau bagaimanapun, ia menjadi penghalang kepada tidur tambahan kerana komitmen kerja atau sekolah. Ini membawa kepada tingkah laku negatif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan ujian Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A), ujian Sleep Quality Scale (SQS) dan ujian Self-Reported Fitness. Kajian ini juga merupakan kajian awal terhadap pemain Badminton Junior di seluruh Malaysia sebelum kajian seterusnya di jalankan. Oleh yang demikian, amat penting bagi pengkaji untuk mengetahui sejauh mana kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang bakal digunapakai ini. Kesahan dan kebolehpercayaan ini juga berdasarkan tiga pemboleh ubah iaitu kemurungan, kualiti tidur dan kecergasan fizikal. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga akan meneliti waktu tidur yang diperolehi oleh para pemain badminton ini dalam tempoh satu minggu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data kajian dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang ditadbir secara atas talian menggunakan perisian 'Google Form'.

Instrumen

Instrumen yang digunapakai dalam kajian ini adalah kaedah kaji selidik yang mana borang kaji selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A hingga D. Borang kaji selidik akan di edarkan kepada 30 orang pemain badminton di persatuan dan juga akademi Badminton yang terdapat di Malaysia. 3 bahagian soal selidik tersebut adalah hasil terjemahan dari soal selidik Hamilton Anxiety Rating Scale (HAM-A), Sleep Quality Scale (SQS) dan SELF-REPORTED PHYSICAL FITNESS.

Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada 30 orang pemain badminton junior dari pelbagai jenis kelab, persatuan dan juga akademi Badminton di seluruh Malaysia. Berdasarkan senarai pendaftaran kontingen ke kejohanan Purple League 2020, terdapat 64 pemain terdiri daripada lelaki dan perempuan yang mewakili kelab dan secara umumnya mewakili 8 pasukan. 8 pasukan tersebut mempunyai 8 orang pemain utama bagi 5 jenis acara yang dipertandingkan dalam pertandingan Purple League pada tahun tersebut. Jumlah pemain tersebut tidak termasuk dengan jumlah bilangan pemain di bangku simpanan.

DAPATAN KAJIAN

Kebolehpercayaan instrumen yang bernilai 0.6 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu kajian (Konting, 2005). Selain daripada itu, sangat penting bagi penyelidik dalam menjalankan ujian awal kerana dengan adanya ujian awal ini, sedikit sebanyak dapat mengenal pasti dan mengurangkan keraguan terhadap format dan soalan di dalam soal selidik yang digunakan. Oleh itu, penyelidik merangka dengan teratur instrumen soal selidik dimana soal selidik telah diubah suai berpandukan daripada kelemahan dari ujian awal dan dibaiki kelemahan dengan lebih sempurna untuk digunakan dalam soal selidik kajian seterusnya.

Data deskriptif

Semua statistik deskriptif termasuk minimum, maksimum, mean, sisihan piawai, kekerapan, peritus dan peratus kumulatif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 hingga 6.

Jadual 1: Nilai Minimum, Maksimum, Mean dan Sisihan Piawaian Data Deskriptif

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Umur	30	15	26	20.00	3.162
Jantina	30	1	2	1.47	.507
Kategori	30	1	3	1.70	.651
Tangan	30	1	2	1.10	.305
Valid N (listwise)	30				

Jadual 2: Nilai Kekerapan Statistik

		Statistik			
		Umur	Jantina	Kategori	Tangan
N	Valid	30	30	30	30
	Missing	0	0	0	0

Jadual 3: Nilai Deskriptif Umur

		Umur			Cumulative
		Frequency	Percent	Valid Percent	Percent
Valid	15	1	3.3	3.3	3.3
	16	3	10.0	10.0	13.3
	17	2	6.7	6.7	20.0
	18	3	10.0	10.0	30.0
	19	4	13.3	13.3	43.3
	20	9	30.0	30.0	73.3
	21	3	10.0	10.0	83.3
	26	5	16.7	16.7	100.0
Total		30	100.0	100.0	

Jadual 4: Nilai Deskriptif Jantina

		Jantina			Cumulative
		Frequency	Percent	Valid Percent	Percent
Valid	lelaki	16	53.3	53.3	53.3
	perempuan	14	46.7	46.7	100.0
Total		30	100.0	100.0	

Jadual 5: Nilai Deskriptif Kategori Permainan

		Kategori			Cumulative
		Frequency	Percent	Valid Percent	Percent
Valid	single	12	40.0	40.0	40.0
	double	15	50.0	50.0	90.0
	mix double	3	10.0	10.0	100.0
Total		30	100.0	100.0	

Jadual 6: Nilai deskriptif penggunaan tangan

		Tangan			Cumulative Percent
		Frequency	Percent	Valid Percent	
Valid	kanan	27	90.0	90.0	90.0
	kiri	3	10.0	10.0	100.0
Total		30	100.0	100.0	

Data Empirikal

Jadual 7: Nilai Cronbach's Alfa bagi Pemboleh Ubah Kebimbangan

Statistik Kebolehpercayaan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.884	.889	13

Jadual 8: Nilai Cronbach's Alfa bagi Pemboleh Ubah Kualiti Tidur

Statistik Kebolehpercayaan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.840	.833	27

Jadual 9: Nilai Cronbach's Alfa bagi Pemboleh Ubah Kecergasan Fizikal

Statistik Kebolehpercayaan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.909	.910	5

Dimensi yang digunakan dalam kajian rintis tersebut adalah kebimbangan, kualiti tidur dan kecergasan fizikal. Kebimbangan dengan bilangan item sebanyak 13 item seperti dalam jadual 7 mempunyai nilai cronbach's alpha sebanyak 0.884 manakala kualiti tidur dengan 27 bilangan item seperti dalam jadual 8 mempunyai nilai cronbach's alpha sebanyak 0.840. Akhir sekali, dimensi kecergasan fizikal dengan bilangan item sebanyak 5 seperti didalam jadual 9, mempunyai nilai cronbach's alpha sebanyak 0.909. keseluruhan item adalah sebanyak 45 item dengan nilai 0.850.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kesemua ujian mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik berdasarkan ketiga-tiga pembolehubah iaitu kebimbangan, kualiti tidur dan kecergasan fizikal. Oleh yang demikian, ujian tersebut boleh digunakan untuk kajian yang akan datang. Kajian seterusnya akan mengkaji corak tidur atlet badminton yang mendorong mereka untuk menjadi pemain yang sihat dalam kerjaya mereka. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa faktor mental (kebimbangan) dan motivasi boleh menyebabkan seseorang atlet berada pada tahap terbaik (peak) semasa pertandingan dan pada masa yang sama juga boleh menjadi penyebab kegagalan mereka (Duda, 1998).

Kebanyakan pemain-pemain badminton di Malaysia ini adalah dari lingkungan remaja yang masih belajar. Tahap kebimbangan dalam kalangan pelajar peringkat kolej adalah sudah menjadi kebimbangan kesihatan awam. Salah satu faktor pemulihan yang paling penting ialah tidur tanpa ragu (Halson, 2014). Tidur membantu memulihkan sistem imun, saraf, rangka dan

otot (Krueger, Frank, Wisor, & Roy, 2016). Ramai sebenarnya masih belum memahami konsep tidur berkualiti kerana memikirkan ia masalah biasa. Mendapatkan tidur yang berkualiti merupakan perkara paling penting yang anda boleh lakukan demi kesihatan badan.

RUJUKAN

- Besharat, M. A., & Pourbohloul, S. 2011. Moderating Effects of Self-Confidence and Sport Self-Efficacy on the Relationship between Competitive Anxiety and Sport Performance. *Psychology*, 02(07), 760–765. <https://doi.org/10.4236/psych.2011.27116>
- Bogenfurst, A. A., Wong, H. S., & Noor, H. M. 2011. *ABPG1103: Introduction to Psychology*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Book Reviews: *Understanding Anxiety in Everyday Life*, By Eric J. Trimmer. 140 Pp. GEORGE ALLEN AND UNWIN LTD. London, 1970. £1.25. (1971). *Royal Society of Health Journal*, 91(5), 261–262. <https://doi.org/10.1177/146642407109100531>
- Brownson, R. C., Chang, J. C., Davis, J. R., & Smith, C. 1991. Physical Activity on The Job and Cancer in Missouri. *American Journal of Public Health*, 81(5): 639-642.
- Bryman, A. (2006). Integrating Quantitative and Qualitative Research: How Is It Done? *Journal Indexing & Metrics*. <https://doi.org/10.1177/1468794106058877>
- B. Sarjit Singh & Sheikh Kamaruddin. 1988. *Buku Sumber Kecergasan Fizikal*. Edisi 3. Persatuan Pendidikan Jasmani Malaysia dengan Kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
- Chang, S.P., Huang, S.C., Chen, Y.H., Wright, R. & Liao, L.C. 2016. *The Relationship between Sleep Quality and The Exercise Participation Behavior of College Students in the Central Taiwan Region*. *Int J Sport Exerc Psychol*. 2016;5(2): 13–18.
- Clarke, H. D. 1976. Book Review. *Simulation & Games*, 7(2), 225–226. <https://doi.org/10.1177/003755007672007>
- Duda, J. L. 1998. Advances In Sport and Exercise Psychology Measurement. *Fitness Information Technology*,
- Egil W. Martinsen. 2008. Physical Activity in The Prevention and Treatment of Anxiety and Depression, *Nordic Journal of Psychiatry*, 62: Sup47, 25-29, DOI: 10.1080/08039480802315640
- Engström, L. M. 2008. Who Is Physically Active? Cultural Capital and Sports Participation from Adolescence to Middle Age—A 38-Year Follow-Up Study. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 13(4), 319-343. DOI:10.1080/17408980802400510
- Epel, E. S., Crosswell, A. D., Mayer, S. E., Prather, A. A., Slavich, G. M., Puterman, E., & Mendes, W. B. 2018. More than a feeling: A unified view of stress measurement for population science. *Frontiers in Neuroendocrinology*, 49, 146–169.
- Farj Abd Al-Qadir Taha. 1993. *Mawsucah Ilm Al-Nafs Wa Al-Tahlil Al-Nafsiyy*. Kaherah: Su'Ad Al-Sabah.
- Ghrouz, Amer & Noohu, Majumi & Manzar, Dilshad & Spence, D. & Bahammam, Ahmed & Pandi-Perumal, Seithikurippu R. 2019. Physical Activity and Sleep Quality in Relation to Mental Health among College Students. *Sleep and Breathing*. 23. 10.1007/s11325-019-01780-z.
- Gochman, D. S. 1997. *Handbook of Health Behavior Research I: Personal and Social Determinants (Vol. 1)*: Springer Science & Business Media.
- Guillén, F., & Sánchez, R. 2009. Competitive Anxiety in Expert Female Athletes: Sources and Intensity of Anxiety in National Team and First Division Spanish Basketball Players. *Perceptual and Motor Skills*, 109(2), 407–419. <https://doi.org/10.2466/pms.109.2.407-419>
- Hidayat, A. 2006. *Pengantar Ilmu Keperawatan*. Jakarta: Salemba Medika
- Hoch, P. H., & Zubin, J. *Anxiety*. New York: Grune & Stratton, 1950
- Hoge, E. A., Bui, E., Marques, L., Metcalf, C. A., Morris, L. K., Robinaugh, D. J. & Simon, N. M. 2013. Randomized Controlled Trial of Mindfulness Meditation for Generalized Anxiety

- Disorder: Effects on Anxiety and Stress Reactivity. *The Journal of Clinical Psychiatry*, 74(8), 786.
- Hollmann, W., Strüder, H. K., Tagarakis, C. V. M., & King, G. 2007. Physical Activity and The Elderly. *European Journal of Cardiovascular Prevention & Rehabilitation*, 14(6), 730–739. <https://doi.org/10.1097/HJR.0b013e32828622f9>
- Jesus, R. G., Yanet, P. S., Ernesto, F. D., Yoanny, S. M., & Roswel, B. C. 2021. Anxiety and Psychological Variables of Sports Performance Related to Injuries in High-Performance Sportsmen. *Apunts Sports Medicine*, 56. <https://doi.org/10.1016/j.apunsm.2021.100358>
- Kamus Dewan. (4th Ed.). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (4th Ed.). 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia. (2nd Ed.). 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kesintha, A., Rampal, L., Sherina, M. S., & Kalaiselvam, T. 2018. Prevalence and Predictors of Poor Sleep Quality among Secondary School Students in Gombak District, Selangor. *The Medical journal of Malaysia*, 73(1), 31–40.
- Khoshaim, H. B., Al-Sukayt, A., Chinna, K., Nurunnabi, M., Sundarasan, S., Kamaludin, K., Baloch, G. M., & Hossain, S. F. A. 2020. Anxiety Level of University Students During COVID-19 in Saudi Arabia. *Psychiatry*, 11:579750. Doi: 10.3389/Fpsyt.2020.579750
- Kojima, M., Wakai, K., Kawamura, T., Tamakoshi, A., Aoki, R., Lin, Y., et al. 2000. Sleep Patterns and Total Mortality: A 12-Year Follow-up Study in Japan. *Journal of Epidemiology*, 10, 87–93.
- Krystal, A. D., & Edinger, J. D. 2008. Measuring Sleep Quality. *Sleep Medicine*, 9, S10–S17.
- Lebourgeois, M. K., Hale, L., Chang, A.-M., Akacem, L. D., Montgomery-Downs, H. E., & Buxton, O. M. 2017. Digital Media and Sleep in Childhood and Adolescence. *Pediatrics*, 140 (Supplement 2), S92-S96.
- Le, Z. Q., Du, Y., Ye, Y. L. & He, Q. Q. 2016. Associations of Physical Activity, Screen Time with Depression, Anxiety and Sleep Quality among Chinese College Freshmen. *PLoS One*. doi: 10.1371/journal.pone.0100914
- Lovibond, P. F. & Lovibond, S. H. 2018. The Structure of Negative Emotional States: Comparison of The Depression Anxiety Stress Scales (DASS) with the Beck Depression & Anxiety Inventories. *Behav Res Ther*. 2018;33(3):335–343. doi: 10.1016/0005-7967(94)00075-U
- Mackenzie, B. 2001. Sport Competition Anxiety Test [WWW] Available From: <https://www.brianmac.co.uk/scat.htm> [Accessed 20/5/2022]
- Martens, R. et al. 1990. Competitive Anxiety in Sport. Leeds: Human Kinetics
- Merellano-navarro, E., Bustamante-ara, N., Russell-guzm, J., Lagos-hern, R., Uribe, N., & Godoy-cumillaf, A. 2022. Association between Sleep Quality and Physical Activity in Physical Education Students in Chile in the Pandemic Context : A Cross-Sectional Study.
- Mitchell, F., Gray, S., & Inchley, J. 2015. 'This choice thing really works ...' Changes in experiences and engagement of adolescent girls in physical education classes, during a school-based physical activity programme. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 20(6), 593–611. <https://doi.org/10.1080/17408989.2013.837433>
- Mohd. Majid Konting. 1993. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur
- Monti, J.M., Monti, D. 2000. Sleep Disturbance in Generalized Anxiety Disorder and Its Treatment. *Sleep Medicine Reviews*, 4(3), 263-276
- Nédélec, M., Halson, S., Delecroix, B., Abaidia, A., Ahmaidi, S., & Dupont, G. 2015. Sleep Hygiene and Recovery Strategies in Elite Soccer Players. *Sports Medicine*, 45(11), 1547–1559. <https://doi.org/10.1007/S40279-015-0377-9>.
- Pandina, G. J., Garibaldi, G. M., Revicki, D. A., Kleinman, L., Turkoz, I., Kujawa, M. J., Mahmoud, R. A. 2010. Psychometric Evaluation of a Patient-Rated Most Troubling Symptom Scale for Depression: Findings from A Secondary Analysis of a Clinical Trial. *International Clinical Psychopharmacology*. 25(2):51-9

- Pegg, S., Ethridge, P., Shields, G., Slavich, G., Weinberg, A., & Kujawa, A. 2019. Blunted Social Reward Responsiveness Moderates The Effect of Lifetime Social Stress Exposure on Depressive Symptoms. *Frontiers in Behavioral Neuroscience*, 13, 178, 10.
- Potter, P. A., Perry, A. G., 2010. Fundamental Keperawatan. Salemba Medika. Jakarta. 7th Edition.
- Safaringga, E., 2018. Hubungan Antara Kebugaran Jasmani Dengan Kualitas Tidur. *Jurnal SPORTIF: Jurnal Penelitian Pembelajaran*, 4 (2).
- Robey, E., Dawson, B., S., Gregson, W., Goodman, C., & Eastwood, P. 2014. Sleep Quantity and Quality in Elite Youth Soccer Players: A Pilot Study. *European Journal of Sport Science*, 14(5), 410-417. <https://doi.org/10.1080/17461391.2013.843024>.
- Samuels, C. 2008. *Sleep, Recovery, And Performance: The New Frontier in High Performance Athletics. Neurologic Clinics*, 2(6), 169-180. <https://doi.org/10.1016/j.ncl.2007.11.012>.
- Sheikh Kamaruddin Sheikh Ahmad. 1987. *Buku Sumber Kecergasan Fizikal Tahap 1*, Persatuan Pendidikan Jasmani Malaysia & Kementerian Belia dan Sukan: Sri Bistari.
- Sheldrick, M., Tyler, R., Mackintosh, K., & Stratton, G. 2018. Relationship Between Sedentary Time, Physical Activity and Multiple Lifestyle Factors in Children. *Journal of Functional Morphology and Kinesiology*, 3(1), 15.
- Short, S. E., & Mollborn, S. 2015. *Social Determinants and Health Behaviors: Conceptual Frames and Empirical Advances. Current Opinion in Psychology*, 5, 78-84.
- Slavich, G. M. 2019. Stressnology: The primitive (and problematic) study of life stress exposure and pressing need for better measurement. *Brain, Behavior, and Immunity*, 75, 3-5, 10.
- Slavich, G. M., & Shields, G. S. 2018. Assessing Lifetime Stress Exposure using The Stress and Adversity Inventory For Adults (Adult STRAIN). *Psychosomatic Medicine*, 80(1), 17-27, 10.
- Tao Chen, et al., 2015. Tri-Axial Accelerometer-Determined Daily Physical Activity and Sedentary Behavior of Suburban Community-Dwelling Older Japanese Adults. *Journal Of Sports Science and Medicine*, 14, 507-514.
- Taras, H. 2005. Physical Activity and Student Performance at School. *J.Sch Health*.
- Tashakkori, A. & Creswell, J. W. 2007. Exploring The Nature of Research Questions in Mixed Methods Research. *Journal Of Mixed Methods Research*, 3 207-211. [Doi.Org/10.1177/1558689807302814](https://doi.org/10.1177/1558689807302814)
- Teddlie, C. And Tashakkori, A. 2009. *Foundations of Mixed Methods Research: Integrating Quantitative and Qualitative Approaches in The Social and Behavioral Sciences*. Sage, London.
- Tiong, S. I. & Mohd Khairi Zawi. 2022. Tingkah Laku Tidur di Kalangan Atlet Sekolah di Daerah Miri, Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), E001384. <https://doi.org/10.47405/Mjssh.V7i3.1384>
- Walker, I. J., & Nordin-Bates, S. M. 2010. Performance anxiety experiences of professional ballet dancers the importance of control. *Journal of Dance Medicine & Science*, 14(4), 133-145.
- Woods, H. C., & Scott, H. 2016. # Sleepyteens: Social Media Use in Adolescence Is Associated with Poor Sleep Quality, Anxiety, Depression, And Low Self-Esteem. *Journal of Adolescence*, 51, 41-49.
- Zhang, Q. 2001. Quality Dimensions, Perspectives, And Practices. A Mapping Analysis. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 18(7), 708-721. <https://doi.org/10.1108/EUM0000000000577>
- Zhang, Y. T., Huang, T., Zhou, F., Huang, A. Di, Ji, X. Q., He, L., Geng, Q., Wang, J., Mei, C., Xu, Y. J., Yang, Z. L., Zhan, J. B., & Cheng, J. 2022. Correlation between Anxiety, Depression, and Sleep Quality in College Students. *Biomedical and Environmental Sciences*, 35(7), 648-651. <https://doi.org/10.3967/bes2022.084>
- Zimmermann, T. M., Clouth, J., Elosge, M., Heurich, M., Schneider, E., Wilhelm, S. & Wolfrath, A. 2013. Patient Preferences for Outcomes of Depression Treatment in Germany: A Choice-Based Conjoint Analysis Study. *Journal Of Affective Disorders*; 148: 210-219

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Mohamad Ikram Mat Saad

Jurulatih Akademi Badminton
Bangi City BC & Iszz Brothers Academy
Livesport Galery Kipmall Level 4 Jalan Kemajua,
43650 Bangi, Selangor
P110199@gmail.com

Wan Ahmad Munsif Wan Pa

Pensyarah Sukan & Rekreasi
Jabatan Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
munsif@ukm.edu.my



PERSEPSI INDUSTRI TERHADAP PENCAPAIAN GRADUAN LULUSAN KOLEJ KOMUNITI KLUANG TERHADAP KEBOLEHPASARAN *INDUSTRY PERCEPTION TOWARDS THE ACHIEVEMENT OF KLUANG COMMUNITY COLLEGE GRADUATES TOWARDS MARKETABILITY*

Norhidayah Saleh^{1a}, Faridatuljana Mohd Noor^{1a} & Shaheela Abu Bakar^{1a}

^aKolej Komuniti Kluang
nor.hidayah@kkkluang.edu.my

ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi industri terhadap pelajar Kolej Komuniti Kluang sepanjang program siswazah mereka. Data untuk kajian ini dikumpul daripada 30 orang responden daripada pelajar jurusan Sijil Servis kenderaan Ringan (SKR) dan 10 responden daripada pelajar jurusan Sijil Terapi Kecantikan dan Spa (STK) yang telah mendaftar selama tiga bulan dalam industri berkaitan. Ia melibatkan dua syarikat yang berkaitan dengan automotif dan terapi kecantikan & spa di Kolej Komuniti Kluang. Data telah dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan dan peratusan. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua industri berpuas hati dengan tahap prestasi pelajar semasa program siswazah mereka dari segi kemahiran dengan purata 100%, manakala penilaian industri terhadap sikap dan personaliti pelajar dalam kedua-dua program juga menunjukkan purata 100%. Kesimpulannya, kebolehpasaran pelajar kolej komuniti Kluang adalah sangat memuaskan dan dikatakan berjaya mencapai sasaran.

Kata Kunci: Persepsi Industri; Pencapaian Pelajar; Kolej Komuniti

ABSTRACT

The aim of this study is to examine the industry's perception of Kluang Community College students throughout their graduate program. Data for this study was collected from 30 respondents from students majoring in the Light Vehicle Maintenance Certificate (SKR) and 10 respondents from students majoring in the Beauty Therapy and Spa Certificate (STK) who had registered for three months in the related industry. It involves two companies related to automotive and beauty therapy & spa at Kluang Community College. Data were analyzed descriptively using frequency and percentage. The study shows that both industries are satisfied with the level of performance of students during their graduate programs in terms of skills with an average of 100%, while the industry's assessment of the attitude and personality of students in both programs also shows an average of 100%. In conclusion, the marketability of Kluang Community College students is very satisfactory and is said to have successfully achieved the target.

Keywords: Industry Perception, Students' Achievement & Community College

PENGENALAN

Pendidikan TVET bukanlah merupakan perkara yang baru dan asing di Malaysia. Ia sering disalah erti oleh masyarakat dan sebahagian ibu bapa sebagai pilihan kedua bagi individu yang kurang cemerlang dalam pencapaian akademik. TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Hakikatnya TVET adalah merupakan proses pendidikan

dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri. Namun graduan program TVET kini semakin mendapat perhatian oleh pihak majikan. Pendidikan TVET adalah bertujuan memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global. Proses pendidikan TVET adalah lebih menuju ke arah industri yang memerlukan tenaga kerja yang terlatih serta berkemahiran tinggi dan menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan oleh industri.

Program siswazah merupakan salah satu usaha Kementerian Pengajian Malaysia (KPT) untuk meningkatkan peluang graduan TVET di industri pekerjaan yang dihasilkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan. Graduan bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan akademik (kemahiran siswazah) malah, mereka juga mesti memiliki kemahiran insaniah dan keusahawanan atau kemahiran perniagaan untuk meningkatkan kecekapan mereka. Semua ini adalah aset untuk kebolehpasaran graduan. Menurut usul Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dari tahun 2005 hingga tahun 2012, terdapat peningkatan graduan sebanyak 4% purata setahun. Kenaikan ini adalah selari dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi bagi kohort 17 hingga 25 tahun daripada 29% kepada 40%.

Sekiranya semua program yang dirancang oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berjalan dengan lancar, maka pada tahun 2012 seramai 1.6 juta pelajar akan berada di institusi pengajian tinggi secara terbuka dan di sektor swasta di seluruh negara. Pembangunan dunia globalisasi menuntut institusi pengajian tinggi melahirkan pelajar yang benar-benar berkelayakan dan berkemahiran serta pakar dan berpengetahuan kerana ia adalah kunci untuk persaingan yang semakin kompetitif di era pekerjaan zaman sekarang. Malah, mengikut perancangan KPT melalui Perancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menggariskan aspek graduan sebagai agenda kritikal yang perlu dicapai.

Para graduan mengalami kekangan dari segi kekurangan kemahiran dan imej diri, kelemahan kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris, selain faktor ekonomi yang juga memainkan peranan kerana terdapat lambakan graduan dalam pasaran yang kurang menyesuaikan diri dengan situasi dan perubahan pasaran buruh. Dalam konteks Kolej Komuniti, hasil daripada *Tracer Study 2011*, hanya 50% daripada graduan kolej komuniti berjaya mencari pekerjaan dalam tempoh 3 -6 bulan selepas tamat pengajian. Manakala 10% daripada pelajar pendidikan lanjutan dan baki pelajar yang lain tidak mendapat pekerjaan. Oleh itu, program siswazah dilihat sebagai satu mekanisma untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran, seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan kolej komuniti. Justeru, Jabatan Kolej Komuniti telah menyusun program lepasan kolej komuniti pada tahun 2012 secara terancang dan terperinci bagi memastikan program ini dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.

ISU

Bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan Program Kebolehpasaran Siswazah TVET Kolej Komuniti, pada tahun 2012, Jawatankuasa Program Teknikal Kolej Komuniti bersetuju untuk memberi tumpuan kepada program berimpak tinggi untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan seterusnya meningkatkan kadar pendapatan asas graduan ke peringkat yang lebih tinggi. Graduan program seharusnya dapat:

- Meningkatkan nilai tambah pengajian bagi pelajar sukar mendapat pekerjaan.
- Meningkatkan pendapatan berorientasikan matlamat pendapatan tinggi ekonomi negara.
- Meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang baru seperti teknologi hijau, minyak dan gas, petrokimia dan kawasan lain yang mengalami kekurangan kemahiran dalam industri.
- Menjadi tenaga ke rja mahir untuk pasaran kerja di lima koridor ekonomi.
- Meningkatkan kemahiran pelajar melalui penempatan di industri yang dikenali.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat akreditasi, pensijilan industri atau dari badan profesional samada di dalam mahupun di luar negara.

Oleh itu, hubungan antara industri dan pelajar harus dinilai keberkesanannya daripada program ini. Persepsi industri terhadap pelajar adalah penting untuk menentukan tahap penerimaan mereka kepada pelajar yang mengikuti kursus tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti persepsi industri terhadap sikap dan personaliti pelajar semasa mereka menjalani program siswazah.
2. Mengenal pasti persepsi industri terhadap tahap kemahiran pelajar semasa mereka mengikuti pengajian siswazah program.



METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis data kuantitatif. Data diperoleh dengan menyediakan Borang Penilaian Prestasi yang perlu diisi oleh pihak industri sebagai maklum balas kepada prestasi pelajar semasa program. Borang ini digunakan untuk merujuk kepada Perancangan & Pelaksanaan Prosedur Kerja Latihan Industri MS ISO 9001: 2008, yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kolej Komuniti (Lampiran A).

Responden

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar lepasan Kolej Komuniti Kluang yang masih mengikuti pengajian di Kolej Komuniti pada tahun 2014. Seramai 40 orang responden, di mana 30 orang adalah pelajar Kursus Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR) manakala 10 adalah pelajar yang mengikuti kursus Sijil Terapi Kecantikan dan Spa (STK). Pelajar-pelajar ini telah menjalankan kursus mereka dalam tempoh tiga bulan dengan industri terbabit.

Instrumen

Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan data kuantitatif yang diperoleh daripada industri yang telah menyediakan maklum balas prestasi pelajar. Borang ini terdiri daripada dua bahagian iaitu; Bahagian I: Persepsi Industri terhadap prestasi pelajar dari segi sikap dan personaliti Bahagian II: Persepsi Industri terhadap prestasi pelajar dari segi kemahiran semasa menjalankan kursus.

DAPATAN KAJIAN

Persepsi Industri terhadap Pelatih Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR)

Analisis persepsi majikan terhadap pelajar terbahagi kepada dua bahagian iaitu penilaian dalam segi sikap dan sahsiah pelajar dan penilaian kemahiran pelajar semasa melakukan latihan industri. Dapatan untuk pelajar program SKR diperincikan melalui paparan Jadual 1 dan 2. Majikan diberi pilihan untuk menilai pelajar berdasarkan skala 1 hingga 5, di mana 1 adalah 'Sangat Tidak Berpuas Hati' dan 5 adalah 'Sangat Puas Hati'. Berdasarkan skor min yang dicapai iaitu purata 4.75 di dalam penilaian keseluruhan adalah pada skala 'Tinggi' untuk pelajar yang mendapat markah dari skala 4 hingga 5.

Hasil daripada kajian tersebut, berdasarkan Jadual 1 didapati kesemua pelajar yang menjalani program SKR mendapat maklum balas positif tentang semua aspek Bahagian I dengan 100% 'Sangat Berpuas Hati' di mana 25% daripada pelajar menjawab pada skala 4 dan 75% pelajar menjawab skala 5 yang diterima daripada majikan terhadap sikap pelajar. Perkadaran tertinggi sebanyak 75% pada skala 5 ialah pada segi 'sedia menerima tugasan' menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang mendalam terhadap program yang sedang dijalankan.

Jadual 1: Maklumbalas Majikan terhadap Sikap/ Personaliti Pelajar (Program SKR)

No	Item	1		2		3		4		5		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Disiplin	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
2	Kedatangan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
3	Ketepatan Masa	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
4	Fleksibel dengan tugasan yang diberikan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
5	Siap tugasan dalam tempoh masa tertentu	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
6	Kerja Berpasukan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
7	Kemahiran berkomunikasi dengan kakitangan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
Prestasi keseluruhan pelajar											Tinggi	

Persepsi industri terhadap kemahiran prestasi pelajar juga mendapat maklum balas yang positif terhadap semua aspek industri yang dinilai dengan keputusan 100% 'Sangat Berpuas Hati'. Perkadaran tertinggi sebanyak 75% pada skala 5 ialah pada segi 'mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan atau tugas berkaitan' diperincikan dalam paparan Jadual 2 menunjukkan bahawa pelajar telah mempelajari pengetahuan asas yang mencukupi di kolej komuniti. Hal ini diikuti dengan keputusan 'keselamatan diutamakan' dan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah berkaitan kerja. Peratusan terendah pada skala 5 adalah keupayaan untuk bekerja secara bebas serta kualiti kerja yang dihasilkan.

Jadual 2: Maklum balas majikan terhadap kemahiran pelajar (Program SKR)

No	Item	1		2		3		4		5		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Bekerja secara berdikari dengan perhatian yang minimum	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
2	Mampu menyelesaikan masalah pekerjaan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
3	Mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran yang berkenaan dengan skop pekerjaan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75

4	Keselamatan diutamakan	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
5	Bersungguh menambah ilmu dan kemahiran	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
6	Kreatif dalam menyelesaikan masalah	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
7	Kualiti hasil kerja	0	0	0	0	0	0	10	25	30	75	4.75
Prestasi keseluruhan pelajar								Tinggi				

Persepsi Industri terhadap Pelatih Sijil Terapi Kecantikan dan Spa (STK)

Bagi pelajar STK, persepsi industri adalah pada skala 4 dan 5 untuk semua aspek daripada penilaian dan mencapai peratusan 100% pada tahap yang sangat memuaskan dari segi sikap pelajar yang menikmati pekerjaan mereka. Hal ini juga boleh dibuktikan berdasarkan skor min yang dicapai iaitu 4.73 di mana ia menunjukkan keputusan yang penilaian berada di tahap tinggi. Peratusan tertinggi pula dengan peratusan 100% pada skala 5 dalam aspek 'disiplin', kehadiran, dan ketepatan masa. Peratusan terendah pada skala 5 ialah kemahiran komunikasi sebagaimana yang diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Maklum balas majikan terhadap sikap/ personaliti pelajar (Program STK)

No	Item	1		2		3		4		5		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Disiplin	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
2	Kedatangan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
3	Ketepatan Masa	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
4	Fleksibel dengan tugas yang diberikan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
5	Siap tugas dalam tempoh masa tertentu	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
6	Kerja Berpasukan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
7	Kemahiran berkomunikasi dengan kakitangan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
Prestasi keseluruhan pelajar								Tinggi				

Dari segi kemahiran, persepsi industri juga telah mencapai 100% kepuasan pada skala 4 dan 5, dengan peratusan tertinggi iaitu 100% daripada aspek 'mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran yang diperlukan dalam tugas berkaitan pekerjaan' diperincikan melalui paparan Jadual 4. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan asas yang dipelajari di kolej komuniti.

Jadual 4: Maklum balas majikan terhadap kemahiran pelajar (Program STK)

No	Item	1		2		3		4		5		Min
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Bekerja secara berdikari dengan perhatian yang minimum	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
2	Mampu menyelesaikan masalah pekerjaan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
3	Mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran yang berkenaan dengan skop pekerjaan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
4	Keselamatan diutamakan	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
5	Bersungguh menambah ilmu dan kemahiran	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73

6	Kreatif dalam menyelesaikan masalah	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
7	Kualiti hasil kerja	0	0	0	0	0	0	8	26.7	22	73.3	4.73
Prestasi keseluruhan pelajar								Tinggi				

PERBINCANGAN

Secara umumnya, kajian mendapati bahawa industri yang mengendalikan program siswazah untuk pelajar Servis kenderaan Ringan (SKR) dan pelajar Terapi Kecantikan dan Spa (STK) berpuas hati dengan pencapaian yang diketengahkan oleh pelajar yang menyertai program ini, dengan peratusan pencapaian 100% dari segi kemahiran dan juga 100% dari segi sikap dan sahsiah pelajar.

Persepsi yang diberikan kepada pelajar membuktikan bahawa pelajar bersemangat untuk menambah ilmu dan kemahiran baru. Tidak seperti tahun 2011, pelajar mesti menjalani latihan industri untuk mendapatkan pengalaman yang lebih praktikal. Walau bagaimanapun, selepas program Sijil Modular Kebangsaan diperkenalkan, lebih banyak modul praktikal telah diperkenalkan dalam sukatan pelajaran di kolej. Oleh itu, pelajar lebih mahir dalam tugas bidang masing-masing. Di samping itu, oleh kerana tempoh program dagangan lebih pendek daripada latihan industri, pelajar lebih fokus kepada pembelajaran sepanjang tempoh program, sambil meningkatkan peratusan maklum balas industri.

Hasil daripada penemuan kajian, maklum balas daripada industri mendapati bahawa pelajar program SKR mempunyai aspek kreativiti yang kurang memberangsangkan dalam menyelesaikan masalah. Hal ini mungkin kerana pelajar masih belum didedahkan dengan industri sebenar dan masih kurang pengalaman. Latihan membaca dan belajar secara mendalam dalam bidang kepakaran mereka dapat membantu pelajar untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, pensyarah perlu berkongsi ilmu dalam proses pembelajaran di dalam kelas dan tidak terhad kepada sukatan pelajaran dan teori semata-mata. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar serta akan lebih bersedia ke peringkat pekerjaan sebenar.

Bagi pelajar program STK, mereka menunjukkan maklum balas yang kurang memberangsangkan terhadap sikap pelajar termasuk kurang kemahiran berkomunikasi dengan kakitangan syarikat, kurang kemahiran dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah. Pelajar mungkin tidak memahami apa yang diterangkan oleh industri dan justeru mereka hanya memilih untuk berdiam diri apabila ditanya soalan. Tetapi secara keseluruhannya, industri memberi maklum balas yang positif dan menunjukkan mereka berpuas hati dengan prestasi pelajar.

Secara konklusinya, pendidikan TVET merupakan platform yang amat penting bagi negara seperti Malaysia untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya. 2010. *Keberkesanan Menjalani Latihan Industri di Kalangan Pelajar*, Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/277990991>
- A Hasmori. 2011. Sistem Latihan Kemahiran Dua Hala di Malaysia: Satu Perbandingan dengan Negara Jerman, *Jurnal of Edupress*, Volume 1, pp 214-222.

- M. Jalil Ahmad. 2015. *TVET di Malaysia: Cabaran dan Harapan*, Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan Awam 2015
- Shahrulnizam et.al, E-Prosiding Persidangan Antarabangsa mengenai Penyelidikan Sains Sosial, ICSSR 2015 (e-ISBN 978-967-0792-04-0). 8 & 9 Jun 2015, Meliá Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. Anjuran <http://WorldConferences.net>
- Tracer & Alumni. 2012. *Division of Industrial Relations, Program Implementation Guide*. Program graduates. Ministry of Higher Education.
- Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional: Membentuk Pemimpin Masa Depan*, (n.d.). Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/11790041.pdf>
- <http://blog.baabtra.com/tech-news/advantages-of-industrial-training-or-importance-of-industrial-training.html>
- http://swinburne.edu.my/media/campus_beyond/2012/beyond_details120725.htm
- http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Tuesday/Rencana/20090728003944/Article, 28 Julai 2007
- Assurance Quality TVET Malaysia. 2020. Evaluation Program Polytechnic and Community College

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Norhidayah Md Saleh

Pensyarah Unit Pengajian Am,
Kolej Komuniti Kluang,
Jalan 7, Taman Delima,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim
nor.hidayah@kkkkluang.edu.my

Faridatuljana Mohd Noor

Pengarah
Kolej Komuniti Kluang,
Jalan 7, Taman Delima,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim
faridatuljana@gmail.com

Shaheela Abu Bakar

Pegawai Pengambilan Pelajar,
Kolej Komuniti Kluang,
Jalan 7, Taman Delima,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim
shaheela@kkkkluang.edu.my



**KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DALAM TALIAN (PdPDT) BAGI KURSUS LUKISAN KERJA 3 DI KOLEJ
KOMUNITI CAWANGAN HULU TERENGGANU (KKcHT)
*READINESS OF STUDENTS FOR ONLINE TEACHING AND LEARNING
(PdPDT) FOR WORKING DRAWING COURSE 3 AT HULU TERENGGANU
BRANCH COMMUNITY COLLEGE (KKcHT)***

Nor Suraya Aini Ngah^{1a} & Munirah Abd Manan^{1a}

^aKolej Komuniti Kuala Terengganu
cloudciksu@gmail.com & munirah@kkktu.edu.my

Tengku Azman Tengku Mohd^{1b}

^bPoliteknik Kuala Terengganu
tengkuazman78@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesediaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) di Unit Teknologi Senibina, Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu (KKcHT). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan penerimaan pelajar kepada PdPDT. Selain itu, kajian ini melihat kesan kemudahan sedia ada dalam pelaksanaan PdPDT. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada 26 dari 29 orang pelajar yang mengambil kursus Lukisan Kerja 3 (LK3) dari semester 3 Sijil Teknologi Senibina, KKcHT. Kajian menggunakan soal selidik dalam talian sebagaimana yang telah ditetapkan sebagai instrumen kajian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS 23.0. Kemudian, data tersebut dibentangkan dalam bentuk peratusan dan skor min. Kesemua data tersebut dipersembahkan dalam jadual. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar dalam menerima PdP norma baharu berada pada tahap sederhana. Kajian mendapati pengaruh faktor kemudahan sedia ada mempunyai pengaruh yang besar dalam pelaksanaan PdPDT.

Kata Kunci: Kesediaan Pelajar; Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian; Lukisan Kerja; Norma Baru.

ABSTRACT

This study explores students' readiness for online teaching and learning among Sijil Teknologi Senibina, Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu (KKcHT) students. This study focuses on identifying the students' acceptance level of this new norm Teaching and Learning process. This study also aims to uncover the aspect of current facilities that affect the execution of new-norm Teaching and Learning process. This study employed a quantitative method and involved a study sample consisting of 29 students who registered for the Working Drawing 3 course from the 3rd semester of Sijil Teknologi Senibina, KKcHT. The data was obtained using a set of online questionnaires which has been selected as the Malaysian Ministry of Education as a research instrument. Once the data has been obtained, it was analyzed descriptively using SPSS 23.0 software. Findings of this study are presented in the form of percentage and mean score which are then interpreted in the form of a table. Generally, this study uncovered that readiness among students to online Teaching and Learning is at a moderate level. Nevertheless, this study also found that the aspect of existing facilities has a great impact in the execution of online Teaching and Learning.

Keywords: *Students' Readiness; Online Teaching and Learning; Working Drawing; New Norm*

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 yang menular dengan pantas telah memberi impak besar kepada seluruh dunia. Tidak dinafikan, ianya menggugat norma kehidupan dan sosioekonomi global. Pandemik ini telah memaksa Malaysia menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mengakibatkan pelbagai sektor terjejas dan sektor pendidikan tidak terkecuali. Ekoran penularan wabak Covid-19 ini, pihak KPT telah membuat kenyataan media pada tarikh 27 Mei 2020. Menurut kenyataan media tersebut, semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) diarahkan untuk melaksanakan semua aktiviti PdP secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020. Pelbagai garis panduan telah diterbitkan oleh agensi-agensi kerajaan termasuklah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional yang berkaitan untuk menjamin IPT dapat meneruskan aktiviti PdP dengan lebih efisien dan efektif.

Saranan mengenai kaedah pelaksanaan kaedah PdPT di IPT semasa dan pasca PKP tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri bertarih 16 Mei 2020 seiring Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2020 (Abdillah, N., & Musa, M., 2021). Segala aktiviti PdP secara fizikal tidak dibenarkan sama sekali. Hanya PdP norma baharu atau PdPDT boleh berlangsung sebagai ganti pertemuan secara fizikal. Walaubagaimanapun terdapat pengecualian bagi pelajar yang berkeperluan untuk kembali ke IPT secara berperingkat. Namun, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan wajib sepenuhnya dipatuhi. Pelbagai platform digunakan dalam PdPDT seperti *Microsoft Team, Google Classroom, Google Meet, Zoom, Telegram* dan *Whatsapp* sebagai usaha agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses PdP. Pelaksanaan dan persekitaran PdPDT terus mendapat perhatian masyarakat lebih-lebih lagi dalam skop pendidikan di Malaysia. Isu ini semakin menarik lebih banyak perhatian masyarakat selepas pengumuman terbaharu yang diumumkan pada 8 November 2020 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkenaan penutupan sekolah sehingga hujung tahun 2020.

PENYATAAN MASALAH

Sepanjang tempoh kawalan pergerakan akibat Covid-19, PdPDT mula menjadi satu keperluan mendesak dan penting dalam proses untuk melengkapkan pengajian. Oleh itu, aplikasi panggilan video seperti *Skype, Google Meet, Telegram, MS Team, Zoom, Google Hangout, Whatsapp* dan pelbagai aplikasi lain menjadi pilihan dalam proses PdPDT bagi menyokong PdP norma baharu ini. Tidak dinafikan, sebilangan besar pensyarah dan pelajar masih kekok menggunakan platform-platform ini, mereka perlu dibantu dengan menyediakan latihan intensif bagi mencapai PdPDT yang efektif dan efisien. Menurut Zimmerman (2020), pandemik COVID-19 telah mewujudkan beberapa cabaran unik dan baharu bagi institusi pengajian tinggi. Pelajar terpaksa menyediakan diri bagi melalui cabaran-cabaran unik baharu dari pelbagai aspek yang merangkumi kesediaan kemudahan, kemahiran teknologi maklumat (IT), kemahiran mengendalikan aplikasi Autocad di rumah serta kesediaan emosi.

Tidak dapat dinafikan, wujud pelbagai cabaran terutama pensyarah dan pelajar perlu memahirkan diri dalam menggunakan platform-platform digital dan teknologi yang ada. Keperluan mendesak dalam mencapai PdPDT efektif telah memaksa para pelajar untuk segera membiasakan diri dengan semua platform yang ada. Selain itu, pensyarah juga perlu bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu seperti masalah ketiadaan akses kepada internet atau akses kepada internet yang terhad, ketiadaan peranti yang bersesuaian untuk belajar secara dalam talian serta motivasi sendiri dalam kalangan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- i) Mengetahui kesediaan pelajar dalam mengikuti pembelajaran secara dalam talian (PdPDT).
- ii) Mengetahui kesan faktor kemudahan sedia ada ke atas pelaksanaan PdPDT.
- iii) Mengetahui kemahiran pelajar dalam mengendalikan pelaksanaan PdPDT.
- iv) Mendapatkan cadangan pelajar bagi menjadikan PdPDT bagi kursus Lukisan Kerja 3 (LK3) lebih baik.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

- i) Adakah pelajar mempunyai kesediaan diri untuk mengikuti PdPDT?
- ii) Adakah pelajar mempunyai kemudahan yang sesuai untuk PdPDT?
- iii) Adakah pelajar mahir mengendalikan platform PdPDT?
- iv) Apakah cadangan bagi menjadikan PdPDT bagi kursus LK3 lebih baik?

KAJIAN LITERATUR

Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran ialah aktiviti dan tugas yang dijalankan oleh guru dan murid. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dan terperinci bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan kaedah dan teknik pedagogi yang sesuai, efektif dan memotivasikan pelajar. Pembelajaran pula merupakan aktiviti memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran. Robert M. Gagne (1995) mendefinisikan pembelajaran sebagai “perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut Woolfolk (2004) pula, pembelajaran merupakan perubahan dalaman seseorang dengan membentuk perkaitan yang baharu, atau sebagai kemampuan dalam menghasilkan tindak balas yang baharu. Pengajaran dan Pembelajaran merupakan proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka dan terus berkembang dan akhirnya mengamalkan pengetahuan dan kemahiran bagi kemajuan diri, komuniti dan negara. Dalam memilih proses pembelajaran yang efektif, guru dan murid perlu menitikberatkan keinginan individu untuk terus belajar serta *istiqomah* untuk menerap dari mempraktikkannya di dalam situasi yang perlu. Sifat-sifat keterbukaan, bertindakbalas dan berhalal tuju sangat perlu untuk menghasilkan pembelajaran yang berterusan.

Pengajaran dilihat sebagai satu kaedah penglibatan bersama pelajar bagi merealisasikan pemahaman dan pengetahuan, konsep dan proses berjaya diterapkan. Proses pengajaran termasuklah dalam merekabentuk, memilih kandungan, menyampaikan kandungan, menilai dan akhir sekali membuat refleksi. Pembelajaran pula adalah melibatkan kegiatan memperoleh pengetahuan termasuklah kemahiran melalui kaedah membuat latihan, pembelajaran sendiri, dibimbing atau melalui sesuatu pengalaman. Pembelajaran sebenarnya lebih fokus kepada aktiviti dijalankan oleh pelajar. Pembelajaran bukan mengenai apa yang guru lakukan.

Pengajaran mengikut Reigeluth (2016) adalah suatu proses yang sengaja dirancang dan dilakukan untuk memudahkan pembelajaran. Ia melibatkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran. Teori pengajaran dan pembelajaran melibatkan pelbagai kaedah dalam konstruktivisme yang memberi tumpuan kepada pelajar dan

pengajaran tradisional yang lebih fokus kepada guru. Konstruktivisme adalah sebahagian dari pengajaran kerana pembelajaran melibatkan penyampaian (pengajaran) serta pembinaan (konstruktivisme) maklumat atau pengetahuan. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Pengajaran adalah aktiviti-aktiviti bermatlamat yang dilakukan oleh guru secara sengaja dan disadari bagi membantu pengajaran (Shahabuddin et. al., 2007).

Menurut Ishak Baba (2009), pembelajaran merupakan proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka untuk berkembang secara berterusan dan kekal serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperoleh untuk kemajuan diri sendiri khususnya dan masyarakat atau negara amnya. Ia merupakan aktiviti mental, fizikal, atau rohani pada diri pelajar itu sendiri. Dalam menentukan proses pembelajaran, faktor penting yang perlu dititikberatkan ialah keinginan individu untuk terus belajar di samping berrminat untuk menerap dari mempraktikkannya di dalam situasi yang sesuai. Sifat-sifat keterbukaan, reflektif, dan objektiviti sangat perlu untuk menghasilkan pembelajaran yang berterusan. Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

E-learning dan PdPDT

Koran (2002) secara umumnya memberikan definisi *e-learning* sebagai sebarang proses PdP yang mengaplikasikan rangkaian elektronik bagi menyampaikan isi kandungan, mudahcara atau proses interaksi. Internet, Intranet, satelit, tape audio/ video, CD-ROM dan TV interaktif termasuk dalam kategori ini. Di era pandemik ini, PdPDT sesuai dipraktikkan bagi mengelakkan kemerebakan penyakit dan pada masa yang sama bagi memastikan kesinambungan pembelajaran ketika sekolah ditutup tanpa rela (Hodonga & Maphosa, 2020).

Menurut Azliza Yusof & Normilawati Hassan (2019), sumber ICT yang digunakan secara sistematik dan interaktif, kandungan pelajaran berkesan dan menarik akan melahirkan pelajar yang lebih bertanggung jawab terhadap pelajarannya, mampu memutuskan bahan pembelajaran perlu dan berinisiatif mencari maklumat yang perlu, sesuai dengan tahap pengetahuan dan pencapaian. Selain itu, pelajar mampu membina pengetahuan baru berdasarkan carian maklumat, komunikasi dua hala dan penemuan sendiri. Mahyoob (2020) pula merumuskan kelebihan pembelajaran secara dalam talian (PdPDT) termasuklah akses bahan rujukan yang banyak dari seluruh dunia, menjimatkan masa dan wang serta mudah memperoleh maklumat dengan efisien.

Technical and Vocational Education and Training (TVET)

Menurut Marope et. al., (2015), TVET merupakan satu kombinasi yang terdiri daripada pendidikan, latihan dan peningkatan kemahiran yang memfokuskan bidang-bidang kerjaya, pengeluaran, perkhidmatan dan pelbagai punca pendapatan. Maka, tidak hairanlah PdP secara bersemuka menjadi keutamaan dalam TVET kerana berfokuskan peningkatan dan pemerksaan kemahiran pelajar. TVET sangat penting dalam melatih tenaga kerja yang berfokuskan kepada sesuatu bidang tertentu. (Jalil et al, 2015). Mereka juga turut menekankan bahawa graduan TVET dapat melahirkan tenaga kerja yang berupaya menjadi terlatih dan kompeten, serta mempunyai nilai tambah. Ini secara tidak langsung memberi sumbangan positif kepada keperluan industri dan pasaran kerja dan mempertingkatkan usaha untuk menghasilkan pekerja berpendapatan tinggi.

Cabaran PdPDT

Koran (2002) telah merumuskan cabaran utama dalam pelaksanaan PdPDT adalah: akses kepada ICT di Malaysia. 60% masyarakat di kawasan bandar dan 83% di kawasan luar bandar bersetuju akses kepada ICT adalah terlalu mahal. 50% dari 1.5 juta rakyat Malaysia yang menggunakan internet berada di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Ini mencipta beza digital yang besar dalam kalangan masyarakat Malaysia (Education Quarterly, 2001). Bahan PdP di dalam Bahasa Melayu sangat kurang. Penggunaan Bahasa Inggeris meluas hampir 80% di laman web (Media Asia, 1999).

Hodonga & Maphosa (2020) dalam kajian mereka telah mengenal pasti tiga masalah pelajar dalam PdPDT TVET secara atas talian. Masalah tersebut ialah kekurangan akses kepada internet, kekurangan sumber laptop/ komputer, kurang kemahiran dalam mengendalikan platform pdpt (LMS). Selain itu, kajian mereka juga mendapati kebanyakan pelajar enggan berubah dari sistem pembelajaran konvensional secara bersemuka kepada PdPDT.

METODOLOGI

Kaedah kuantitatif secara deskriptif diaplikasikan dalam kajian ini bagi memperoleh data tentang sikap pelajar terhadap kursus Lukisan Kerja 3 (LK3), Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu (KKcHT). Kaedah persempelan ini dipilih kerana ciri-ciri sampel yang terlibat adalah berfokus kepada pelajar yang mengambil matapelajaran kursus tersebut di KKcHT sahaja. Untuk melihat persepsi pelajar Kolej Komuniti cawangan Hulu Terengganu terhadap PdPDT bagi kursus LK3, kajian kuantitatif telah digunakan bagi mengumpul data. Seramai 19 responden adalah pelajar semester dari sesi Jun 2020 yang telah melalui PdPDT bagi kursus tersebut semasa PKP 2.0 pada hujung tahun 2020 hingga Mac 2021. 10 lagi responden adalah pelajar semester 3 sesi Disember 2020 yang sedang melalui PdPDT bagi subjek yang sama pada PKP 3.0 yang bermula pada Jun 2021.

Instrumen kaji selidik secara atas talian menggunakan aplikasi *Google Form* yang mengandungi soalan tertutup dan soalan terbuka digunapakai bagi mendapatkan data yang diperlukan. Instrumen kaji selidik secara atas talian digunakan bagi mencapai dua matlamat iaitu; (1) mematuhi protokol penjarakan sosial dan SOP PKP dan (2) untuk menjimatkan masa dalam pengumpulan data. Untuk memastikan privasi dan kerahsian responden, mereka tidak diperlukan untuk menulis nama dan soalan yang diberikan hanyalah berfokus ke arah mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian semata-mata.

Mohd Majid (1990) menyatakan statistik deskriptif adalah struktur dan data ringkas yang dijana melalui pemprosesan data. Antara bentuk operasi yang boleh dijana adalah jadual, rajah ilustrasi atau graf berkaitan maklumat atau data. Untuk interpretasi data kajian adalah menggunakan skor min berdasarkan sumber Jamil Ahmad (2002). Beliau mencadangkan skala pemeringkatan skor min sepertimana dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pemeringkatan skala skor min

Skor Min		Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah	(Kurang setuju/kurang membantu/kurang mahir/kurang memenuhi/ tidak pasti/kadang-kadang/tiada/sebahagian kecil)
2.34 hingga 3.66	Sederhana	(Setuju/membantu/mahir/memenuhi/ separuh)
3.67 hingga 5.00	Tinggi	(Sangat setuju/sangat membantu/sangat mahir/sangat memenuhi/ sangat selalu/semua/sebahagian besar)

Item soalan dengan skala Likert 1 hingga 5 digunakan untuk merumuskan kesediaan pelajar, kesediaan kemudahan dan kemahiran pelajar bagi menjawab objektif 1, 2 dan 3 dalam tiga bahagian pertama soal selidik. Bagi mendapatkan cadangan pelajar dalam menjadikan PdPDT lebih baik (objektif 4), soalan terbuka disediakan pada bahagian terakhir kaji selidik.

Jadual 2 di bawah menunjukkan bahagian item pentaksiran yang terdapat di dalam instrumen kajian iaitu soal selidik dan soalan bertulis yang digunakan bagi mengukur respon dari responden selaras dengan objektif kajian yang ditetapkan. Dari 26 responden ini, dapat dirumuskan bahawa ia meliputi kesemua sasaran yang digariskan dalam objektif kajian serta turut menjawab soalan kajian.

Jadual 2: Bahagian Item Pentaksiran yang Terdapat di dalam Instrumen Kajian

Instrumen Kajian	Objektif Kajian			
	1	2	3	4
1) Soal Selidik				
i) Bahagian A: mengenalpasti kesediaan diri pelajar dalam melaksanakan PdPDT	/			
ii) Bahagian B: mengenalpasti kesediaan kemudahan yang mempengaruhi pelaksanaan PdPDT		/		
iii) Bahagian C: mengenalpasti kemahiran pelajar dalam mengendalikan pelaksanaan PdPDT			/	
iv) Bahagian D: mendapatkan cadangan pelajar bagi menjadikan PdPDT LK3 lebih baik				/

Instrumen kajian yang dibina secara atas talian dibahagikan kepada lima bahagian berikut:

1. Demografi: jantina responden
2. Bahagian A: Kesediaan Pelajar
3. Bahagian B: Kemudahan untuk mengikuti PdPDT
4. Bahagian C: Kemahiran mengendalikan platform PdPDT
5. Bahagian D: Cadangan penambahbaikan


Kebenaran untuk menjalankan kajian telah diperoleh daripada pihak pengurusan tertinggi Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang merupakan kampus induk bagi KKcHT. Pengkaji yakin bahawa pelajar-pelajar ini dan kursus sangat sesuai untuk dijadikan responden atas beberapa faktor termasuk kematangan pelajar dan juga kursus Lukisan Kerja merupakan subjek teras dengan mata kredit tertinggi berbanding kursus-kursus lain bagi pelajar STS sejak semester 1.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan dan perbincangan dibahagikan kepada lima bahagian iaitu demografi, objektif 1, 2, 3 dan 4.

Demografi

Rajah 1 menunjukkan carta pai bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada keseluruhan 29 orang pelajar yang mengambil kursus LK3, hanya 26 pelajar yang telah memberikan respon. Ini bermakna responden sebenar bagi kajian ini ialah 26. Tiga pelajar tidak memberi respon. Ini mewakili peratus responden sebanyak 89.6%. Dari segi jantina responden, 65.4% (17 orang) adalah terdiri dari pelajar lelaki manakala 34.6% (9 orang) adalah pelajar perempuan.



Rajah 1: Demografi Responden.

Objektif 1: Kesiediaan Pelajar

Berdasarkan kajian soal selidik yang dijalankan, daripada keseluruhan 29 pelajar hanya 26 pelajar yang telah memberikan respon atau mewakili 89.6%. Analisa respon kajian yang diterima pada Bahagian A (Kesiediaan Pelajar) adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Respon yang diterima untuk soalan Kaji Selidik Bahagian A.

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1	Saya berasa seronok mengikuti PdPDT	1	3	6	13	3	3.42
2	Saya sentiasa teruja mengikuti PdPDT	1	2	3	16	3	3.58
3	PdPDT pensyarah menarik minat saya	1	1	3	14	7	3.81

Bagi item pertama (seronok mengikuti PdPDT), terdapat 3 responden sangat bersetuju, 13 bersetuju, 6 kurang setuju, 3 tidak setuju dan 1 responden sangat tidak setuju dengan min keseluruhan adalah 3.42. Bagi item kedua (teruja mengikuti PdPDT), terdapat 3 responden sangat setuju, 16 bersetuju, 4 kurang bersetuju, 2 tidak bersetuju manakala 1 sangat tidak bersetuju dengan min keseluruhan 3.58. Untuk item ketiga (PdPDT menarik minat), 7 responden sangat bersetuju, 14 bersetuju, 3 kurang setuju, 1 tidak setuju dan 1 sangat tidak setuju dengan min keseluruhan 3.81. Secara puratanya, min berada tahap tinggi yang menunjukkan bahawa pelajar bersedia dari segi emosi bagi menjalani PdPDT.

Objektif 2: Kesiediaan Kemudahan

Jadual 4 di bawah menunjukkan analisa respon yang diterima pada soalan kaji selidik bahagian B (Kesiediaan Kemudahan).

Jadual 4: Respon yang diterima untuk soalan Kaji Selidik Bahagian B

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1	Saya mempunyai komputer	0	3	6	14	3	3.58
2	Saya mempunyai kemudahan internet	2	3	5	13	3	3.42
3	Tiada masalah kendali Perisian Autocad	4	4	7	10	1	2.96

Bagi item pertama (mempunyai komputer), terdapat 3 responden sangat bersetuju, 14 bersetuju, 6 kurang setuju, dan 3 tidak setuju dengan min keseluruhan adalah 3.58. Bagi item kedua (kemudahan internet), terdapat 3 responden sangat setuju, 13 bersetuju, 5 kurang bersetuju, 3 tidak bersetuju manakala 2 sangat tidak bersetuju dengan min keseluruhan 3.42. Untuk item ketiga (pengendalian Autocad), 1 responden sangat bersetuju, 10 bersetuju, 7

kurang setuju, 4 tidak setuju dan 4 sangat tidak setuju dengan min keseluruhan 2.96. Secara puratanya pelajar tiada masalah dalam menyediakan kemudahan komputer dan talian internet tetapi pelajar agak sukar dalam mengendalikan perisian Autocad di rumah.

Objektif 3: Kemahiran

Jadual 5 di bawah menunjukkan analisa respon yang diterima pada soalan kaji selidik bahagian C (Kemahiran).

Jadual 5: Respon yang diterima untuk soalan Kaji Selidik Bahagian C

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1	Mahir mengendalikan panggilan video	2	2	3	13	5	3.54
2	Mahir mengakses nota	3	1	4	13	5	3.58
3	Mahir menggunakan platform digital	3	2	3	15	3	3.46

Bagi item pertama (panggilan video), terdapat 5 responden sangat bersetuju, 13 bersetuju, 3 kurang setuju, 2 tidak setuju dan 2 sangat tidak setuju dengan min keseluruhan adalah 3.54. Bagi item kedua (akses nota), terdapat 5 responden sangat setuju, 13 bersetuju, 4 kurang bersetuju, 1 tidak bersetuju dan 3 sangat tidak bersetuju dengan min keseluruhan 3.58. Untuk item ketiga (platform digital), 3 responden sangat bersetuju, 15 bersetuju, 3 kurang setuju, 2 tidak setuju dan 3 sangat tidak setuju dengan min keseluruhan 3.46. Secara puratanya nilai min tinggi yang menunjukkan para pelajar tiada masalah dalam mengendalikan video, mengakses data dan menguasai platform digital bagi menyempurnakan tugas yang diberi oleh pensyarah.



Objektif 4: Cadangan

Berikut adalah rumusan cadangan yang diberikan oleh responden pada bahagian D bagi memperbaiki PdPDT Lukisan Kerja pada masa hadapan:

1. Sekiranya pelaksanaan PdPDT dilaksanakan, pihak Kolej Komuniti harus memastikan pelajar-pelajar memiliki komputer dan internet dirumah. Sekiranya tiada, pihak kolej haruslah berusaha agar pelajar dapat menyewa atau meminjam komputer riba samada hak milik kerajaan mahupun syarikat luar.
2. Pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami pembelajaran yang dibuat melalui PdPDT, maka selain dari kelas yang dibuat secara PdPDT pensyarah juga disarankan untuk membuat video secara tutorial bagaimana mengendalikan perisian Autocad.
3. Pelajar berharap pensyarah dapat memastikan pelajar mendapat informasi berkaitan kelas yang akan dilaksanakan memandangkan ada di sesetengah tempat jaringan internetnya kurang baik.
4. Pensyarah harus memastikan penerangan berkaitan topik-topik dengan jelas dan diulang beberapa kali memandangkan ada diantara pelajar yang mempunyai jaringan internet yang kurang baik.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa pelajar STS 3 bagi subjek Lukisan Kerja 3 dapat melaksanakan PdPDT dengan baik bagi melengkapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Kajian juga mendapati bahawa pelajar bersedia dari segi emosi, kemudahan dan kemahiran dengan pembuktian nilai min yang tinggi namun pelajar menghadapi sedikit kesukaran bagi mengendalikan aplikasi Autocad dirumah tanpa bersemuka dengan pensyarah.

Walaubagaimanapun pelajar mencadangkan agar pensyarah dapat membuat pemantauan berterusan dari masa ke semasa bagi memastikan pelajar dapat menyiapkan tugas dengan menggunakan PdPDT.

RUJUKAN

- A. Woolfolk. 2004. *Educational Psychology*, 9th Edition, USA.
- Abdillah, N., & Musa, M. 2021. Student Readiness to Teaching and Learning (PdP) New Norm in the Department of Information & Communication Technology (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). *International Journal of Modern Education*, 3, 114-124.
- Ahmad, J. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah Satu Penilaian. Ph.D. Thesis, Fakulti Pendidikan Universiti, Kebangsaan Malaysia, Bangi. - References - Scientific Research Publishing.
- Ahmad, M. J., Jalani, N. H., & Hasmori, A. A. 2015. *TEVT di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan Universiti Awam 2015, Malaysia.
- Azliza Yusof & Normilawati Hassan. 2019. *Kajian persepsi pensyarah terhadap aplikasi 'E-learning' sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran Di kolej komuniti Kuantan*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/12872262/KAJIAN_PERSEPSI_PENSYARAH_TERHADAP_APLIKASI_E_LEARNING_SEBAGAI_SUMBER_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_DI_KOLEJ_KOMUNITI_KUANTAN
- Education Quarterly. 2001. *Managing Knowledge*. 16 (May/June), 34-35.
- Gagne, R. M., & Medsker, K. L. 1995. *The Conditions of Learning: Training Applications* (1st ed.). Wadsworth Publishing.
- Hondonga, J., Chinengundu, T., & Kudzai, M. P. 2021, January 31. *Online Teaching of TVET Courses: A Case of Botswana Private Tertiary Education Providers Responsiveness to the Covid-19 Pandemic Learning Disruptions (Botswana) | TVET@Asia*. TVET@asia. Retrieved June 5, 2021.
- Ishak Baba. 2009. *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dan Kaitannya terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*, Geran Jangka Pendek, No. Vot: 0486, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Konting, M. M. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koran, J. K. C. 2001. *Aplikasi E-learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Malaysia*. E-Learning, 3.
- Mahyoob, M. 2020. Challenges of e-Learning during the COVID-19 Pandemic Experienced by EFL Learners. *Arab World English Journal*, 11(4), 351-362. <https://doi.org/10.24093/awej/vol11no4.23>
- Marope, P., Chakroun, B., & Holmes, K. 2015. *Unleashing the Potential: Transforming Technical and Vocational Education and Training*. UNESCO Publishing.
- Media Asia. 1999. *Cue*. Volume 26, Number 3, 176.
- Reigeluth, C. M. 2016. *Instructional Theory and Technology for the New Paradigm of Education*. *Revista de Educación a Distancia (RED)*, (50). <https://doi.org/10.6018/red/50/1b>
- Shahabuddin, H., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. 2007. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. PTS Professional.
- Zimmerman, J. 2020. *The Amateur Hour: A History of College Teaching in America*. Johns Hopkins University Press.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Nor Suraya Aini Ngah

Pensyarah Program Sijil Teknologi Senibina
Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu
NO 25-27, Blok C, Perkedaiian Pekan Ajil
21800 Ajil, Terengganu
cloudciksu@gmail.com

Munirah Abd Manan

Pegawai Pembangunan Pelajar
Kolej Komuniti Kuala Terengganu
Jalan Tengku Ampuan Mariam,
20200 Kuala Terengganu
munirah@kkktu.edu.my

Tengku Azman Tengku Mohd

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik
Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu
tengkuazman78@gmail.com



PERPADUAN DAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MALAYSIA *UNITY AND PATRIOTISM AMONG MALAYSIAN POLYTECHNIC STUDENTS*

Nor Hayati Fatmi Talib^{1a}

^aPoliteknik Nilai, Negeri Sembilan

yati_6709@yahoo.com

Suhaily Abdullah^{2b}

^bPoliteknik Jeli Kelantan

suhaily@pjk.edu.my

Marzuki Sepiaail^{3c}

^cPoliteknik Sultan Azlan Shah

marzuki@psas.edu.my

ABSTRAK

Keharmonian sesebuah negara secara amnya dipengaruhi oleh semangat kebersamaan oleh rakyat. Semangat ini juga dikenali sebagai elemen perpaduan dan patriotisme. Elemen ini sangat penting terutama sekali dalam masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama. Kajian bermatlamat untuk mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap perpaduan dan patriotisme, melihat perbezaan persepsi berdasarkan gender dan melihat hubungan antara perpaduan dan patriotisme. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini melibatkan 764 orang pelajar dari Politeknik Nilai, Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Jeli menggunakan soal selidik adaptasi daripada Abdul Rahim dan Siti Norashikin (2010). Hasil kajian mendapati, persepsi pelajar aspek perpaduan berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.99 (SP=0.71) manakala aspek patriotisme pula berada pada tahap tinggi iaitu dengan skor min 4.36 (SP=0.51). Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan gender aspek perpaduan dan patriotisme. Terdapat hubungan yang sederhana antara perpaduan dan patriotisme iaitu $r=0.469$, $p < 0.000$ dengan kecerunan positif (berkadar terus). Kajian berkala perlu dilakukan bagi melihat pembangunan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar dan melihat ruang penambahbaikan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU 21032).

Kata Kunci: Perpaduan; Patriotisme; Politeknik Malaysia; Kuantitatif

ABSTRACT

The harmony of a country is generally influenced by the spirit of togetherness by the people. This spirit is also known as an element of unity and patriotism. This element is very important, especially in a multi-racial, ethnic and religious society. The study aims to identify the level of students' perception of unity and patriotism, see the difference in perception based on gender and see the relationship between unity and patriotism. This quantitative study in the form of a survey involved 764 students from Nilai Polytechnic, Sultan Azlan Shah Polytechnic and Jeli Polytechnic using a questionnaire adapted from Abdul Rahim and Siti Norashikin (2010). The results of the study found that students' perception of the aspect of unity was at a moderately high level with a mean score of 3.99 (SP=0.71) while the aspect of patriotism was at a high level with a mean score of 4.36 (SP=0.51). The study also found that there was no significant difference in perception based on gender aspects of unity and patriotism. There is a moderate relationship between unity and patriotism which is $r=0.469$, $p < 0.000$ with a positive slope

(directly proportional). Periodic studies need to be done to see the development of unity and patriotism among students and to see room for continuous improvement in the teaching and learning process of the Appreciation of Ethics and Civilization (MPU 21032) course.

Keywords: Unity; Patriotism; Polytechnic Malaysia; Quantitative

PENDAHULUAN

Keharmonian Malaysia sebagai sebuah negara secara amnya dipengaruhi oleh semangat kebersamaan oleh rakyatnya. Semangat ini juga dikenali sebagai elemen perpaduan dan patriotisme. Elemen ini sangat penting terutama sekali dalam masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama. Usaha penyatuan sosial untuk membina hubungan baik antara rakyat berbilang kaum di negara ini telah lama wujud terutama sekali di peringkat kebangsaan (Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak, 2019). Bertitik tolak daripada peristiwa 13 Mei 1969, beberapa dasar dan juga agenda nasional diperkenalkan demi memperkukuhkan penyatuan sosial rakyat Malaysia.

Contoh usaha kerajaan yang terkini adalah membangunkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang telah diperkenalkan pada tahun 2018 (Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak, 2019) dan pelancaran Dasar Perpaduan Negara (2021-2030) oleh mantan Perdana Menteri sebagai misi nasional dalam menangani defisit sosial (Rafidah, 2021). Dalam kajian yang dijalankan, Mansor Mohd Noor dan Mohd Sobhi Ishak (2019) telah menyenaraikan kenyataan yang berbau sensitif terhadap kaum, kepercayaan dan perlembagaan, pemilihan pemimpin melalui pilihanraya, isu ekonomi, dasar/ hala tuju negara, kegagalan pembangunan dan tadbir urus yang tiada berintegriti serta rasuah sebagai defisit sosial. Oleh itu, pembudayaan untuk hidup dalam keadaan harmoni, bersatupadu dan cintakan negara di kalangan generasi muda amat penting bagi memastikan keamanan yang dikecapi berterusan.

Remaja merupakan aset dan harapan masa depan sesebuah peradaban. Mereka juga adalah bakal pemimpin dan penggerak ke arah kegemilangan sesebuah negara suatu hari nanti. Oleh itu, pembangunan sahsiah, pembudayaan pemikiran dan pembentukan sendiri mereka merupakan proses yang amat penting dalam menentukan kelestarian pentadbiran negara. Elemen perpaduan dan patriotisme perlu diterap dan dibaja dalam kalangan bakal pemimpin ini untuk mereka amalkan serta hayati sebagai sebahagian nilai kehidupan seharian bermula daripada peringkat pengajian termasuklah di politeknik (Aziz Ujang et al, 2017).

Perpaduan

Perpaduan adalah kesatuan (Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak, 2019). Ia merupakan matlamat utama dan akhir yang diidamkan oleh sebuah negara berbilang kaum. Tiga objektif utama yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara (2021-2030) dilihat sebagai usaha berterusan bagi membangun dan memelihara perpaduan rakyat (Rafidah, 2021): pertamanya, mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dengan meletakkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai teras; keduanya, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, cintakan negara, mengambil berat, toleransi, saling menghormati serta bertanggungjawab, dan Ketiganya, melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan. Tiga objektif utama yang digariskan berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian bagi menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Oleh yang demikian, usaha berterusan diperlukan bagi mengawal pengaruh persekitaran di kalangan generasi muda yang dikatakan semakin merosot (Aziz Ujang et al, 2014).

Dunia pendidikan dilihat sebagai antara teras utama membangunkan perpaduan sebagaimana pandangan Lee Molly (2002) dan Chai Hon Chai (1977). Tragedi hitam 13 Mei 1969 telah mengubah lanskap kehidupan bernegara di Malaysia. Ekoran daripada peristiwa berdarah ini Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di mana banyak aktiviti dan program memupuk perpaduan dilaksanakan. Diikuti pula dengan program Rukun Tetangga, Sekolah Wawasan, program Khidmat Negara, kongsi raya dan sebagainya.

Sistem pendidikan juga telah membuat anjakan paradigma dengan meletakkan keutamaan kepada melahirkan warganegara yang toleransi dan bersatupadu, menanam kesedaran serta nilai bersama rakyat Malaysia, menolak segala sentimen yang merugikan seperti perkauman dan sebarang perbezaan yang merugikan antara kaum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Antara mekanisme awal yang diambil adalah dengan menawarkan Pendidikan Sejarah bagi memupuk semangat cintakan negara, menghayati cita-cita unggul negara melalui Rukun Negara, menghargai warisan yang ada yang membawa kepada mendukung hasrat negara (Awang Had Salleh, 1983).

Sistem pendidikan negara juga telah menawarkan kursus-kursus yang berfokus kepada pemupukan perpaduan termasuklah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21032). Pendedahan dan pemupukan secara langsung nilai perpaduan, membincangkan isu-isu perpaduan, memberi kefahaman konsep-konsep penting dalam perpaduan dan cara bagaimana mengekalkan perpaduan dalam konteks negara berbilang kaum di Malaysia. Rakyat Malaysia perlu bersatu padu, mampu berintegrasi, bersedia untuk saling bertoleransi serta mengutamakan identiti nasional bangsa Malaysia yang makmur dan progresif serta dapat hidup dengan harmoni (Malaysia, 2001).

Patriotisme

Perkataan *patriotisme* berasal daripada bahasa Greek iaitu *patriotes* yang bermaksud rakan senegara dan *patrice* pula daripada perkataan *pater* (*father*) yang bermaksud tanah air atau negara (Saifuddin Abdullah, 2005 dalam Aziz Ujang, 2014). Selari dengan definisi oleh Nordi Kardi (2003) iaitu patriotisme bermaksud usaha mempertahankan atau memperjuangkan tanah air melalui pemahaman, pegangan atau kepercayaan yang berhubung dengan kecintaan dan kesetiaan. Patriotisme juga merupakan jati diri seorang rakyat kepada negara. Kekuatan jati diri inilah yang dapat membantu meletakkan negaranya dalam kedudukan terbaik. Totten (1998) menyatakan bahawa, dengan adanya semangat cintakan negara secara tidak langsung menjadikan institusi keluarga, pasukan, kumpulan, bangsa dan sebagainya dapat berfungsi dengan baik.

Ekspresi kecintaan biasanya ditonjolkan melalui perbuatan. Menurut Ayu Nor Azilah et al (2021), tindakan simbolik yang berunsurkan patriotisme boleh dizahirkan dengan mengibarkan bendera, nyanyian lagu kebangsaan, menyertai aktiviti-aktiviti berunsurkan kenegaraan, dan lain-lain cara untuk menyatakan kesetiaan kepada. Namun, generasi masa kini kurang berminat untuk turut serta dalam menzahirkan semangat cintakan negara disebabkan sifat ambil mudah dan kurang menghargai keamanan yang dikecapi hasil daripada perjuangan orang terdahulu. Hasilnya, jati diri mereka sebagai anak Malaysia sedikit demi sedikit terhakis (Ayu Nor Azilah et al., 2021).

Dengan realiti semasa yang berlaku dari segi gaya hidup yang mendorong kepada individualistik, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pesat membuka seluas-luasnya kepada dunia globalisasi, liberalisasi dan seumpamanya memerlukan pemugaran nilai patriotisme agar setiap warganegara sentiasa memiliki kefahaman nilai

bernegara, mencintai negara dan menjaga kepentingan bernegara. Setiap warga negara termasuk para pelajar bangga menjadi rakyat Malaysia, mempunyai semangat kekitaan, berdaya usaha menyumbang kepada negara, produktif, menguasai ilmu dan kemahiran untuk kesejahteraan hidup bersama, berdaya cipta dan inovasi serta bijak menterjemahkan cintakan negara kepada sesuatu yang bersifat konkrit untuk kekal harmoni, maju, makmur dan sejahtera dalam sebuah negara berbilang kaum, agama, budaya dan adat resam.

Pemupukan kepada penghayatan nilai patriotisme bermula seawal sekolah rendah dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum (Kementerian Pendidikan, 1994). Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir pernah menyatakan bahawa sewajarnya nilai patriotisme perlu ditanam dalam jiwa remaja kerana mereka akan menuju dewasa, patriotisme akan mengajar remaja tentang disiplin diri yang membantu mereka mencapai kejayaan dan negara memerlukan generasi yang berdisiplin dan produktif untuk mengemudi pembangunan dan kepimpinan negara pada masa akan datang (Saifuddin, 2002).

Kenyataan ini selari dengan pandangan Robiah dan Zahara (1992) yang menyatakan bahawa nilai patriotisme penting bagi semua ahli masyarakat terutamanya remaja kerana bakal menjadi pemimpin masa depan negara yang perlu diterapkan melalui saluran yang betul agar terhasil warganegara yang baik, berdisiplin, mempunyai rasa bertanggungjawab dan mampu menyumbang serta mempertahankan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Usaha mengukuhkan perpaduan dan mewujudkan platform penghayatan nilai patriotisme telah distrategikan melalui pelbagai skop, aspek dan lapangan melalui aktiviti, kempen, inisiatif dan sebagainya. Secara realitinya, masih terdapat isu berkaitan dengan perpaduan dan kurang penghayatan nilai perpaduan sebagaimana kajian oleh Aziz Ujang et al, (2014). Penemuan yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap kesedaran generasi muda terhadap patriotisme adalah rendah (66.5%). Peratusan ini dikategorikan sebagai tahap yang agak memrisaukan kerana ia telah melebihi 50 peratus. Sebagai analogi yang mudah, dari 10 orang golongan belia yang terlibat, hampir 6 orang mempunyai tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme yang rendah. Penyelesaian perlu dicari dan diimplemtasikan untuk meningkatkan kesedaran golongan ini yang akan menjadi tonggak kepada pembangunan bangsa Malaysia.

Sementara itu, kajian oleh Abdul Rahim Hamdan dan Siti Norashikin (2010) mendapati para pelajar tidak mempunyai kemahiran koperatif untuk bergaul secara berkesan dengan orang yang berlainan bangsa. Oleh itu, mereka gagal untuk mewujudkan kumpulan yang produktif dalam interaksi kerana kemahiran koperatif tidak wujud secara automatik apabila ia diperlukan. Oleh yang demikian, pelajar perlu diajar dan juga didorong untuk menggunakan kemahiran koperatif yang perlu bagi mewujudkan kumpulan yang produktif dan boleh saling berinteraksi secara berkesan di antara satu sama lain.

Dalam satu kajian lain, Ayu Nor Azilah et al., (2021) telah berjaya menilai keberkesanan pemerksaan lambang kenegaraan Malaysia sebagai mekanisme pemangkin patriotisme dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia. Implikasi kajian mendapati sokongan maksimum (min=4.29) telah ditunjukkan oleh mahasiswa. Walaubagaimanapun, masih ada lagi perbuatan yang kurang menghormati lambang-lambang negara yang berlaku dan perlu diberi perhatian sewajarnya kerana dikhuatiri melenyapkan semangat kecintaan terhadap negara dalam kalangan generasi bakal pemimpin negara. Kesudahannya, kesan yang maksimum kepada nilai kesetiaan kepada negara yang dapat dilihat

adalah kegagalan mempamerkan semangat patriotisme di kalangan mahasiswa (Ku Hasnita et al., 2018).

Dalam kajian Nor Hayati Fatmi et al., (2021) berkaitan dengan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar Politeknik Nilai mendapati bahawa skor min berada pada tahap sederhana tinggi 3.91 (SP=0.71) manakala aspek patriotisme pula berada pada tahap tinggi iaitu 4.33 (SP=0.52). Analisis perhubungan pula mendapati terdapat hubungan yang sederhana ($r=0.468$, $p<0.000$) berkadar terus dengan kecerunan positif antara perpaduan dan patriotism iaitu. Dapatan ini memperlihatkan bahawa kedua-dua konstruk ini saling berkaitan dan perlu terus diterapkan dengan penuh sistematik melalui pendidikan agar dapat menyediakan graduan yang memiliki kesediaan yang mantap untuk hidup harmoni dan sejahtera dalam sebuah negara berbilang kaum.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian bermatlamat untuk melihat tahap perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar politeknik yang mengambil kursus teras Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21032). Secara khususnya kajian ini bermatlamat:

1. Mengenalpasti tahap persepsi pelajar aspek perpaduan dalam kalangan pelajar.
2. Mengenalpasti tahap persepsi pelajar aspek patriotisme dalam kalangan pelajar.
3. Mengenalpasti perbezaan persepsi tahap perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.
4. Melihat tahap hubungan aspek perpaduan dengan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar.



METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Satu tinjauan telah dijalankan dalam kalangan 764 orang pelajar sesi Disember 2020 Politeknik Nilai (PNS), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Politeknik Jeli Kelantan (PJK). Instrumen soal selidik perpaduan yang digunakan dalam tinjauan ini telah diadaptasi daripada Abdul Rahim dan Siti Norashikin (2010) ($\alpha 0.921$ =mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi). Aspek patriotisme pula menggunakan instrumen adaptasi daripada Ku Hasnita et al., (2018) dengan nilai $\alpha 0.916$ juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1 memaparkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Soal selidik digunakan kerana ia mudah ditadbir (menggunakan *google form* dan ditadbirkan secara atas talian di PNS, PSAS Dan PJK), mudah mendapat maklumbalas dan respon sampel kajian kerana cadangan jawapan telah disediakan sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh Mohd. Majid (2000).

Jadual 1: Tahap Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	Cronbach's Alpha	Bilangan Item
Perpaduan	0.921	10
Patriotisme	0.916	13

Instrumen soal selidik terdiri daripada bahagian A (Demografi), Bahagian B (Perpaduan dan Bahagian C (Patriotisme) menggunakan 5 skala persetujuan Likert iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Data dianalisis menggunakan aplikasi SPSS versi 21.0 secara deskriptif (frekuensi, peratus, skor min (SM) dan

sisihan piawai (SP)) dan dianalisis secara inferensi (ujian *Independent Sample T Test* dan korelasi Pearson). Data deskriptif diinterpretasi menggunakan skala interpretasi oleh Nunally (1978) dan Azhar (2006) dan diperincikan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Skala kekuatan hubungan oleh Cohen et al (2011) digunakan untuk menginterpretasikan kekuatan hubungan antara perpaduan dan patriotisme dan dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kekuatan Hubungan Perpaduan dan Patriotisme

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
±.81 hingga 1.00	Sangat Kuat
±.51 hingga .80	Kuat
±.31 hingga .50	Sederhana
±.21 hingga .30	Lemah
±.01 hingga .20	Sangat lemah

DAPATAN KAJIAN

Demografi Sampel Kajian

Sampel kajian kebanyakannya terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 403 orang (52.7%) manakala pelajar lelaki pula seramai 361 orang (47.3%). 309 orang pelajar PNS (40.4%) memberikan maklumbalas kajian, diikuti 260 orang pelajar PJK (34.0%) dan 195 orang pelajar PSAS (25.5%). Instrumen yang ditadbir atas talian menyukarkan pengkaji mengawal maklumbalas dari para walaupun beberapa siri pemerolehan data telah dibuat. Bangsa Melayu didapati paling ramai memerikan maklumbalas iaitu seramai 580 orang pelajar (75.9%). Dapatan demografi dipaparkan secara terperinci dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Demografi Kajian

DEMOGRAFI	KEKERAPAN (N=764)	PERATUS
Jantina		
Lelaki	361	47.3%
Perempuan	403	52.7%
Politeknik		
PNS	309	40.4%
PSAS	195	25.5%
PJK	260	34.0%
Bangsa		
Melayu	580	75.9%
Cina	16	2.1%
India	161	21.1%
Lain-lain	7	0.9%

Sumber: Data Lapangan

Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar Aspek Perpaduan Kaum

Bagi menjawab persoalan kajian 1 iaitu mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap konstruk perpaduan dalam kalangan pelajar. Analisis secara deskriptif telah dibuat dan hasil analisis yang diperoleh dipaparkan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Persepsi Pelajar Aspek Perpaduan

Item	Kenyataan	Kekerapan (N=764) dan Peratus					SM	SP	THP
		STS	TS	KS	S	SS			
		1	2	3	4	5			
B1	Gemar melakukan kerja berkumpulan berlainan kaum	9	23	186	289	257	3.99	0.89	ST
B2	Gemar bertanya soalan kepada pelajar berlainan kaum	5	21	206	275	257	3.99	0.88	ST
B3	Tidak kekok bergaul dengan pelajar berlainan kaum	22	30	151	232	329	4.06	1.02	T
B4	Kumpulan belajar saya terdiri daripada pelbagai kaum	24	70	195	230	245	3.78	1.08	ST
B5	Melakukan aktiviti dengan pelajar berlainan kaum	17	47	198	241	261	3.89	1.01	ST
B6	Menerima pendapat daripada pelajar kaum yang lain	2	16	131	283	332	4.21	0.71	T
B7	Sentiasa berbincang pembelajaran dengan kaum yang lain	18	51	248	236	211	3.74	1.00	ST
B8	Mudah mesra bergaul dengan berlainan kaum	5	30	158	274	297	4.08	0.89	T
B9	bekerjasama semasa belajar walaupun berlainan kaum	4	30	173	278	279	4.04	0.89	T
B10	Gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum	2	13	162	289	298	4.13	0.82	T
KESELURUHAN						3.99	0.71	ST	

Sumber: Data Lapangan

Hasil analisis aspek perpaduan (10 item) mendapati 5 item berada pada tahap tinggi manakala 5 item lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Skor min keseluruhan adalah 3.99 dengan nilai sisihan piawai 0.71 berada pada tahap sederhana tinggi. Didapati skor Min tertinggi adalah bagi item B6 iaitu 'Menerima pendapat daripada pelajar kaum yang lain' dengan skor min 4.21 (SP=0.71). Skor Min terendah pula adalah bagi item B7 iaitu 'Sentiasa berbincang pembelajaran dengan kaum yang lain' dengan skor min 3.74 (SP=1.00). Hasil analisis ini memperlihatkan bahawa pelajar mempunyai persepsi terhadap aspek perpaduan pada tahap yang baik melalui maklumbalas persetujuan yang baik. Malaysia yang merupakan sebuah negara berbilang kaum, perpaduan merupakan elemen penting dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara sekaligus membuka ruang yang luas dalam pembangunan dan kemajuan negara. Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban berjaya menjadi salah satu penyumbang kepada perpaduan yang wujud dalam kalangan pelajar politeknik. Dalam masa yang sama pensyarah boleh melihat ruang penambahbaikan agar berupaya meningkat tahap perpaduan dalam kalangan pelajar seperti melibatkan perbincangan dalam kumpulan yang terdiri daripada berbilang kaum yang mempunyai skor min terendah.

Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar Aspek Patriotisme

Hasil analisis kajian aspek persepsi pelajar aspek patriotisme dipaparkan dalam Jadual 6 berikut sekaligus menjawab persoalan kajian kedua iaitu tahap persepsi pelajar aspek patriotisme. Jadual 6 memperincikan dapatan kajian aspek ini.

Jadual 6: Persepsi Pelajar tentang Patriotisme

Item	Kenyataan	Kekerapan (N=764)					SM	SP	THP
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
C1	Perlu berfikir secara menyeluruh untuk diri, keluarga dan negara untuk mencapai matlamat hidup		3 0.4	42 5.5	206 27.0	513 67.1	4.60	0.61	T
C2	Apabila tamat pengajian, saya akan rasa sangat berguna jika berkhidmat kepada negara	3 0.4	16 2.1	86 11.3	272 35.6	387 50.7	4.34	0.78	T
C3	Sebagai rakyat Malaysia, saya sentiasa melihat kebaikan disebalik kelahiran saya sebagai warganegara Malaysia	2 0.3	8 1.0	75 9.8	260 34.0	419 54.8	4.42	0.73	T
C4	Apabila saya cuba mencari kaitan kehidupan saya dengan suasana semasa di Malaysia, ia amat bermakna untuk hidup saya	2 0.3	11 1.4	112 14.7	301 39.4	338 44.2	4.25	0.77	T
C5	Saya seorang yang sangat bertanggungjawab	3 0.4	11 1.4	139 18.2	324 42.4	287 37.6	4.15	0.79	T
C6	Saya berupaya untuk menjadi warganegara yang baik dan mampu mencapainya	30 3.9	30 3.9	139 18.2	238 31.2	327 42.8	4.04	1.05	T
C7	Saya berkeinginan kuat untuk mencari identiti sebagai rakyat Malaysia		5 0.7	74 9.7	302 39.5	383 50.1	4.39	0.68	T
C8	Bersedia dan tidak takut menghadapi apa-apa kesan untuk mencetus perubahan	1 0.1	11 1.4	111 14.5	291 38.1	350 45.8	4.28	0.77	T
C9	Saya mempunyai motivasi tinggi	2 0.3	8 1.0	138 18.1	327 42.8	289 37.8	4.16	0.77	T
C10	Saya seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi untuk mencapai sesuatu	1 0.1	6 0.8	71 9.3	228 29.8	458 59.9	4.48	0.70	T
C11	Jika saya boleh memilih, saya akan mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik		7 0.9	100 13.1	289 37.8	368 48.2	4.33	0.73	T
C12	Saya sentiasa impikan mendapat kedudukan yang lebih baik bagi kehidupan saya selepas tamat pengajian.	5 0.7	7 0.9	58 7.6	190 24.9	504 66.0	4.54	0.73	T
C13	Saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperoleh sesuatu yang saya ingini	1 0.1	4 0.5	57 7.5	265 34.7	437 57.2	4.55	0.65	T
KESELURUHAN							4.36	0.51	T

Sumber: Data Lapangan

Analisis data mendapati bahawa keseluruhan 13 item berkaitan dengan patriotisme dipaparkan dalam Jadual 6 menunjukkan aspek ini berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.36 (SP=0.51) iaitu berada pada tahap tinggi. Item C1 menunjukkan skor min

tertinggi iaitu 'Perlu berfikir secara menyeluruh untuk diri, keluarga dan negara untuk mencapai matlamat hidup' dengan skor min 4.60 (SP=0.61). Item C6 iaitu 'Saya berupaya untuk menjadi warganegara yang baik dan mampu mencapainya' dengan skor min 4.04 (SP=1.05) merupakan skor terendah tetapi masih berada pada tahap tinggi.

Dapatan kajian aspek patriotism ini memperlihatkan bahawa pelajar mempunyai persepsi sangat baik. Penting bagi sesebuah negara mempunyai rakyat yang cintakan negaranya kerana ianya akan menjadi pemangkin penyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Rakyat yang cintakan negara akan menghargai kemudahan asas yang disediakan, bersedia berkhidmat untuk negara, melakukan perkara yang baik, betul dan bermanfaat untuk diri, keluarga, masyarakat dan negaranya, menjaga imej negara dan mementingkan negaranya mengatasi kepentingan lain.

Perbezaan Persepsi Tahap Perpaduan dan Patriotisme Berdasarkan Jantina

Analisis inferensi menggunakan independent Sample T Test telah dijalankan untuk melihat perbezaan antara jantina aspek perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar. Analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kedua-dua aspek. Tetapi skor min pelajar lelaki adalah 4.04 (SP=0.69) lebih tinggi daripada skor min pelajar perempuan iaitu 3.95 (SP=0.72) bagi aspek perpaduan. Bagi aspek patriotisme pula memperlihatkan skor min pelajar perempuan 4.37 (SP=0.48) lebih tinggi daripada skor min pelajar lelaki iaitu 4.34 (SP=0.53). Dapatan ini memaparkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi aspek perpaduan ($t=1.721$, $p=0.086$) dan patriotisme ($t=-0.800$, $p=0.424$). Maklumat sebegini penting bagi pemberi perkhidmatan terutamanya pensyarah yang mengajar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban MPU21032 untuk memberikan penekanan dan tumpuan yang sama kepada pelajar walaupun berlainan gender dalam melaksanakan kursus ini pada semester-semester yang berikutnya. Jadual 7 memerihalkan secara terperinci dapatan analisis perbezaan antara jantina aspek perpaduan dan patriotisme.

Jadual 7: Persepsi Tahap Perpaduan dan Patriotisme Berdasarkan Jantina

Konstruk	Jantina	N	Mean	SP	t-Value	df	Sig.
Perpaduan	Lelaki	361	4.043	0.694	1.721	762	0.086
	Perempuan	403	3.954	0.727			
Patriotisme	Lelaki	361	4.346	0.537	-0.800	762	0.424
	Perempuan	403	4.376	0.485			

Sumber: Data Lapangan

Hubungan antara Perpaduan dan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar

Analisis inferensi Korelasi Pearson digunakan untuk menjawab objektif kajian ke-4 iaitu melihat hubungan aspek perpaduan dengan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar kursus MPU21032.

Jadual 8: Hubungan antara Perpaduan dan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar

Pelajar (N=240)	r	Sig. P
Perpaduan * Patriotisme	0.469**	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Sumber: Data Lapangan

Jadual 8 memerihalkan dapatan kajian di mana terdapat hubungan yang sederhana antara aspek perpaduan dengan nilai patriotism menurut skala interpretasi kekuatan hubungan oleh Cohen et al (2011) dengan nilai $r=0.469$, $p < 0.000$ dengan kecerunan positif

menggambarkan hubungan aspek perpaduan dan nilai patriotisme adalah berkadar terus. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara perpaduan dan patriotisme yang signifikan. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa elemen perpaduan dan patriotisme adalah nilai yang perlu dibangunkan secara serentak kerana kedua aspek ini saling berhubung. Perpaduan boleh juga dianggap sebagai satu pemangkin kepada penghayatan nilai patriotisme. Semangat perpaduan melalui rasa kebersamaan, kesepunyaan dan kekitaan terhadap negara atas dasar cintakan negara boleh membawa kepada bersedia berbakti, menyumbang dan berkhidmat untuk pembangunan dan kemajuan negara

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Pelaksanaan kursus teras Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21032) dalam sistem pengajian politeknik bermatlamatkan untuk membangunkan nilai-nilai perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar. Bagi pembangunan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar memerlukan komitmen bersama semua pihak berkepentingan. Para pelajar seharusnya dilibatkan dalam pelbagai aktiviti pembangunan perpaduan dan patriotisme. Dapatan kajian ini memberi gambaran kepada hasil atau impak pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini dalam kalangan pelajar selain daripada data pencapaian pelajar dalam Penilaian Berterusan (PB) dalam membangunkan pelajar aspek perpaduan dan patriotisme.

Dapatan kajian diharap agar dijadikan sebagai sebahagian input penting dalam merancang dan menambahbaik pelaksanaan kursus ini dari masa ke semasa agar pelajar yang mengikuti kursus ini lebih berupaya menghayati perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia serta memiliki nilai patriotisme yang tinggi memenuhi tujuan penawaran kursus ini di Intitusi Pengajian Tinggi, memenuhi hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dan hasrat negara tercinta Malaysia terutama apabila para pelajar tamat pengajian dan memasuki dunia kerjaya.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Rahim Hamdan & Siti Norashikin Moin. 2010. Tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. Dimuat turun daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/10727/1/Tahap_Perpaduan_Pelajar_Pelbagai_Kaum_Dalam_Mata_Pelajaran_Kemahiran_Hidup_Bersepadu.pdf
- Awang Had Salleh. 1983. *Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Pencerobohan Strategi*. Konvensyen Pendidikan ke-8 Tanjung Malim.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis PhD, UKM
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Ariffin & Kadaruddin Aiyub. 2014. Kesedaran Generasi Muda terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2 (2), 31 - 39
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. 2021. Pemeraksanaan Lambang Kenegaraan Malaysia Sebagai Pemangkin Patriotisme dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. *Rabbanica* Vol. 2, No.1 (Mei 2021)
- Cohen, L., Manion, L., & Marrison, K. 2011. *Research methods in education (7th ed.)*. New York, USA: Routledge Taylor & Francis Group.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. KPM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1995. *Amalan-amalan ke Arah Perpaduan Kaum di Enam Buah Sekolah*, Kajian Kes. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Ratna Roshida Ab Razak, Lee Yok Fee, Zarina Muhammad. 2018. Tahap patriotisme mahasiswa di universiti awam, Malaysia. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Dimuat turun daripada http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_1127.pdf
- Malaysia. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Mansor Mohd Noor & Mohd Sobhi Ishak. 2019. *IPNas: Model integrasi kesepaduan nasional rakyat Malaysia*. Dimuat turun daripada https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Seminar%20IPNas_Prof.%20Dr%20Mansor%20dan%20PM%20Dr.%20Mohd%20Sobhi
- Mohd Iskandar Othman. (1 Disember 2017). Mahasiswa aset pembangunan negara. *Sinar Online*. Dimuat turun daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/kampus/mahasiswa-aset-pembangunannegara-1.764925>
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nordin Kardi. 2003. *Konsep Patriotisme*. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nor Hayati Fatmi Talib, Hasani Ghazali & Nor Wahida Dzalihi'zzabir. (2021). Perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar kursus penghayatan etika dan peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. 5(2). 24-35
- Nunnally, J. C. 1976. *Psychometric theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.
- Rafidah Mat Ruzki (15 Februari 2021). 3 Objektif Utama Dasar Perpaduan Negara – PM. *Berita Harian Online*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786274/3-objektif-utama-dasar-perpaduan-negara-pm>
- Robiah Sidin & Zahara Aziz. 1992. *Pendidikan Sivik Sejak Merdeka satu Penilaian dalam Jaffar dan Hazami Habib*. Isu-isu dalam Pendidikan Sivik. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Saifuddin Abdullah. 2002. *Patriotisme Alaf Baru*. Kertas kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia di Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Totten B. 1998. *Patriotisme of post war Japanese (Part 2)*. <http://www.billtotten.com>.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Nor Hayati Fatmi Talib, PhD

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Am
Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Nilai,
Bandar Enstek, 71760, Negeri Sembilan
yati_6709@yahoo.com

Suhaily Abdullah

Timbalan Pengarah Governan & Strategik
Politeknik Jeli Kelantan, Jalan Raya Timur-Barat,
17600, Jeli, Kelantan
suhaily@pjk.edu.my

Marzuki Sepiaail

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesyen, 35950, Behrang, Perak
marzuki@psas.edu.my

**ANALISIS TAHAP PENDIDIKAN TERHADAP KESEDIAAN GURU
MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN SECARA TERADUN BERASASKAN
KEMAHIRAN TEKNOLOGI**
***THE ANALYSIS OF THE LEVEL OF EDUCATION ON TEACHERS'
READINESS IN IMPLEMENTING BLENDED LEARNING BASED ON
TECHNOLOGICAL SKILL***

Sapie Sabilan^{1a}

^aFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
p90358@siswa.ukm.edu.my¹

**Suhana Mohamed Lip^{2b}, Mohamad Fuad Ishak^{3b}, Shazarina Zdainal Abidin^{4b} & Suziana
Hanani Sulaiman^{5b}**

^bFakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kesediaan guru-guru pendidikan Islam (GPI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi dan menganalisis perbezaan yang wujud berkaitan kesediaan tersebut berdasarkan tahap pendidikan guru. Justifikasi kajian ini dilaksanakan kerana terdapat keperluan untuk menilai tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pengajaran secara teradun berasaskan teknologi dan hubungannya dengan tahap pendidikan mereka. Keadaan guru yang pelbagai tahap dan ketiadaan ikhtisas pendidikan, menguatkan lagi justifikasi kajian ini dilaksanakan. Instrumen soal selidik diedarkan kepada 61 orang GPI JAIS yang terdiri daripada pelbagai jenis sekolah di Selangor. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), motivasi dan kemahiran teknologi. Perbincangan kajian ini hanya berfokus kepada aspek kemahiran teknologi dan faktor tahap pendidikan guru. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS melalui analisis kuantitatif secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan bahawa tahap GPI JAIS dalam menggunakan teknologi pengajaran berada di tahap yang sederhana tinggi. Melalui ujian ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara GPI JAIS dari aspek kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pengajaran secara teradun berasaskan teknologi dengan tahap pendidikan mereka. Melalui dapatan ini, boleh menjadi asas pertimbangan dan cadangan penambahbaikan pihak JAIS untuk guru-gurunya. Cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan boleh digunakan untuk proses penambahbaikan kualiti latihan guru sedia ada.

Kata Kunci: Kesediaan Guru; Kemahiran Teknologi

ABSTRACT

This study aims to analyze the level of readiness among Islamic education teachers (GPI) of Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) in implementing blended learning based on technological skill and to analyse the relationship that occurs related to readiness and teachers' level of education. The reason of conducting this study is due to the need to examine the level of readiness among GPI JAIS in implementing technology-based blended teaching and its relationship with their level of education. Teachers' from various levels of education and lacking in education specialisation, further strengthens the justification to conduct this study. Questionnaires were distributed to 61 GPI JAIS from various types of schools in Selangor. The questionnaire consists of three main

components dealing with teacher readiness in teaching and learning, motivation, and technological skill. The discussion of this study only focuses on the aspect of technological skill and the factor of the teachers' education level. The research data was analysed using SPSS software through descriptive and inferential quantitative analysis. The findings of the descriptive study shows that the level of GPI JAIS in using teaching technology is at a moderately high level. Through a one-way ANOVA test, it is indicated that there is a significant difference between GPI JAIS in the aspect of their readiness in implementing technology-based blended teaching with their level of education. It is hoped that this finding could be JAIS' based of consideration and recommendation for the improvement of GPI JAIS. It is also hoped that the recommendations could be benefited to improve the quality of existing teacher training.

Keywords: Teachers' Readiness, Technological Skill

PENGENALAN

Program pembangunan guru secara berterusan dalam ruang lingkup profesion perguruan adalah suatu perkara yang penting untuk dilaksanakan. Perubahan dunia dari aspek sistem pendidikan, teknologi, gaya hidup dan penyebaran maklumat memerlukan suatu anjakan baharu untuk para guru lebih bersedia menghadapi dunia pendidikan global tanpa sempadan dengan ilmu dan kemahiran yang bersepadu dan mampan (Hassan et al., 2015; Saedah & Norhayati, 2006). Fenomena wabak Covid-19 yang melanda dunia memberi kesan besar terhadap banyak sektor dan kelangsungan sistem pendidikan. Rentetan fenomena tersebut, pembelajaran secara atas talian dan teradun menjadi pilihan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk mengarahkan guru-guru melaksanakannya. Berpandukan dasar dan pekeliling pelaksanaan mod pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dikeluarkan, perbincangan hangat berkaitan aspek kesediaan guru untuk melaksanakannya telah terjadi. Menurut Squire & Morris (2006), tahap kesediaan guru dalam melaksanakan proses PdP masih di tahap sederhana. Lebih-lebih lagi, konsep pembelajaran secara teradun memerlukan kemahiran teknologi yang mencukupi dalam kalangan guru (Bluestone et al., 2012).

Dalam masa yang sama, menjadi keutamaan para guru merujuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) supaya elemen kejelasan pengajaran lebih dititikberatkan sebelum melaksanakan pengajaran (Abdul Ghafar et al., 2015; Mohammad Amir, 2017). Menurut Yusup, (2012) menjadi keperluan kepada para guru untuk mengetahui ilmu pedagogi, ilmu bidang dan kemahiran teknologi dalam pendekatan pengajaran masa kini. Selaras pendekatan ini, kerangka konseptual Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) menjadi kerangka asas kepada integrasi dan penggunaan e-Pembelajaran dalam program pendidikan dan latihan guru.

Pihak JAIS melaksanakan sistem pendidikan berdasarkan *Integrated Holistic Education System* (IHES) dan Pelan Strategik JAIS 2019-2023 dengan mengintegrasikan pendidikan bersumberkan ilmu *naqli* dan *aqli* secara bersepadu dan komprehensif yang berpaksikan FPK dan FPI JAIS. Pendekatan secara *outcome base education* menjadi pilihan dengan menggantikan konsep pembelajaran berpusatkan peperiksaan (*examination oriented*). Selaras dengan hasrat dan gagasan tersebut, menjadi satu keperluan untuk para guru menzahirkan hasrat tersebut menjadi kenyataan. Tambahan pula, konsep pembelajaran secara atas talian dan secara teradun menjadi pilihan ketika fasa pandemik dan pasca covid-19. Persoalan yang timbul ialah tentang tahap kesediaan guru melaksanakan pengajaran tersebut dan keupayaan guru-guru menggunakan teknologi dalam pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013, 2018; Mohammad Amir, 2017).

Kategori Guru Pendidikan Islam (GPI) JAIS yang pelbagai menjadi justifikasi utama penilaian tahap kesediaan guru-guru dalam pengajaran khususnya yang berhubungan dengan tahap pendidikan guru. Menurut Azizi & Supyan, (2009), guru-guru agama yang mendapat lantikan negeri kebanyakannya tidak mempunyai ikhtisas pendidikan dan latihan perguruan yang mencukupi. Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) yang diperolehi bermula tahun 2017 hingga 2019 menunjukkan berada di tahap yang sederhana (Unit Peperiksaan dan Penilaian Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019). Keputusan tersebut memberi tafsiran berkaitan keperluan latihan kepada guru-guru lantikan JAIS. Manakala dari aspek polisi kaedah pelaksanaan program latihan guru di JAIS tidak mewajibkan program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dijalankan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2004). Justeru itu, kajian kesediaan guru dalam pengajaran berasaskan kemahiran teknologi adalah satu keperluan untuk melihat keberkesanan mengajar. Sekiranya kesediaan guru dalam mengajar masih kurang berkesan, maka proses pembelajaran akan menjadi kurang berkesan, dan sudah tentu ini akan memberi kesan negatif kepada pencapaian pembelajaran pelajar (Maimun Aqsha et al., 2017; Squire & Morris, 2006) Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran teradun berasaskan kemahiran teknologi dan menganalisis perbezaan kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran teradun berasaskan kemahiran teknologi berdasarkan tahap pendidikan. Melalui dapatan ini, boleh menjadi asas perbincangan berkaitan kesediaan GPI JAIS menggunakan elemen teknologi dalam sesi PdP.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan berpandukan instrumen soal selidik sebagai alat kajian untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 untuk menganalisis data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif. Populasi kajian ini adalah seramai 96 orang guru yang menjadi peserta Kursus Profesionalisme Keguruan yang terdiri daripada GPI JAIS. Populasi kajian adalah daripada Pra Sekolah, Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Kelas Asas Fardu Ain Integrasi (KAFAI) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) yang terdiri daripada guru tetap, kontrak dan sambilan yang mengajar di Selangor. Guru-guru yang terlibat sebagai sampel kajian adalah keseluruhannya iaitu seramai 96. Namun responden kajian yang boleh dijadikan sampel kajian sebanyak 61 orang sahaja.

Kaedah pengumpulan data dilaksanakan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang tertumpu untuk menganalisis tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi. Selain itu, menganalisis perbezaan kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi berdasarkan tahap pendidikan. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A berkaitan demografi responden dan bahagian B merujuk kepada tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun. Item soalan mengandungi 20 soalan keseluruhannya yang menggunakan Skala Likert lima peringkat bagi menjawab item soal selidik tersebut. Pemerolehan data bagi kajian ini dilakukan sepenuhnya secara dalam talian dengan menggunakan medium *google form*.

Kaedah penganalisan data menggunakan kaedah statistik secara deskriptif dan inferensi. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi min yang dicadangkan oleh Azhar, (2006) daripada Nunnally dan Bernstein (1994) iaitu tinggi (min 4.01 hingga 5.00), sederhana tinggi (min 3.01 hingga 4.00), sederhana rendah (min 2.01 hingga 3.00) dan rendah (min 1.00 hingga 2.00) (Ahmad Munawwar, 2009; Azhar, 2006). Manakala ujian ANOVA digunakan untuk menganalisis perbezaan kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan

pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi berdasarkan tahap pendidikan guru.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian bahagian ini akan memaparkan data yang berkaitan profil responden kajian, menganalisis tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi dan menganalisis perbezaan yang wujud berkaitan kesediaan tersebut berdasarkan tahap pendidikan guru.

Profil Responden Kajian

Latar belakang responden kajian ini melibatkan seramai 61 orang responden dalam kalangan GPI JAIS yang bertugas di Selangor. Maklumat berkaitan responden akan diuraikan secara umum dalam bahagian ini berdasarkan jumlah sampel kajian meliputi aspek jantina, tahap pendidikan, status jawatan, tempoh jawatan, gaji, jenis sekolah dan daerah. Penyelidik telah berjaya mendapatkan jumlah responden yang berjumlah 61 orang (9.74%) daripada kumpulan sampel peserta Kursus Profesionalisme Keguruan GPI JAIS tahun 2022 yang berjumlah 96 orang. Maklumat terperinci seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Latar belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	14	23.0
	Perempuan	47	77.0
Tahap Pendidikan	SPM	12	19.7
	STPM/STAM	5	8.2
	Sijil/Diploma	29	47.5
	Sarjana Muda	15	24.6
Status Jawatan	Tetap	13	21.3
	Kontrak	36	59.0
	Sambilan	12	19.7
Tempoh Perjawatan	5 hingga 10 tahun	17	27.9
	11 hingga 15 tahun	16	26.2
	16 tahun dan ke atas	28	45.9
Gaji	RM500 – RM1,000	-	-
	RM1,001 – RM1,500	30	49.2
	RM1,501 – RM2,000	15	24.6
	RM2,001 dan ke atas	16	26.2
Jenis Sekolah	Pra Sekolah	3	4.9
	SRA	33	54.1
	SRAI	6	9.8
	KAFAI	18	29.5
	MITS	1	1.6
Daerah	Petaling	7	11.5
	Klang	9	14.8
	Kuala Langat	6	9.8
	Sepang	7	11.5
	Hulu Langat	4	6.6
	Gombak	9	14.8
	Kuala Selangor	6	9.8
	Sabak Bernam	7	11.5
	Hulu Selangor	6	9.8

Berdasarkan jadual 1, seramai 61 orang GPI JAIS menjadi responden kajian yang terdiri daripada 14 orang (23%) guru lelaki dan 47 orang (77%) guru perempuan yang mengajar di

Selangor. Tahap pendidikan mereka adalah berbeza-beza iaitu 12 orang (19.7%) guru mempunyai kelulusan SPM, 5 orang (8.2%) guru berkelulusan STPM/STAM dan 15 orang (24.6%) guru berkelulusan peringkat Sarjana Muda. Jumlah responden yang dominan adalah yang berkelulusan Sijil/Diploma iaitu seramai 29 orang (47.5%). Berkenaan status perjawatan, responden yang berstatus kontrak adalah yang paling ramai iaitu 36 orang (59%) berbanding yang berstatus tetap iaitu seramai 13 orang (21.3%) dan berstatus sambilan seramai 12 orang (19.7%). Sampel guru yang berkhidmat 16 tahun dan ke atas adalah paling ramai iaitu 28 orang (45.9%) berbanding guru-guru yang berkhidmat 5 hingga 15 tahun.

Guru-guru yang berkhidmat dengan JAIS akan menerima gaji dan sebahagiannya menerima elaun secara bulanan. Jumlah responden yang mendapat gaji RM1,000 hingga RM1,500 adalah yang paling ramai iaitu 30 orang (49.2%). Manakala sebahagian bakinya menerima gaji sebanyak RM1,501 hingga RM2,000 dan RM2,001 dan ke atas. Berdasarkan kategori sekolah, guru yang mengajar di SRA adalah paling ramai iaitu sebanyak 33 orang (54.1%) diikuti guru daripada KAFAI seramai 18 orang (29.5%). Manakala responden yang hadir daripada pra sekolah, SRAI dan MITS berada dalam jumlah yang sedikit iaitu sebanyak 16.3 peratus. Jumlah taburan sampel mengikut daerah dilihat dalam jumlah yang agak sekata iaitu antara 9.8 hingga 14.8 peratus.

Perbincangan berdasarkan faktor demografi responden menjelaskan bahawa jumlah taburan guru yang mempunyai diploma dan ke atas adalah lebih dominan berbanding peringkat pengajian lain. Namun demikian, terdapat percanggahan antara dominasi peringkat pendidikan dengan dapatan soal selidik yang sederhana tinggi. Berdasarkan penyelidikan yang lebih mendalam, mendapati bahawa GPI JAIS memahami kepentingan penggunaan bahan-bahan PdP berasaskan teknologi (Affezah et al., 2017).

Pihak pentadbir sekolah juga sangat menggalakkan penggunaan tersebut untuk kualiti pengajaran yang lebih berkesan. Sungguhpun demikian, pentadbir sekolah menyatakan bahawa bahan-bahan tersebut adalah terhad dan terdapat halangan lain seperti wifi sekolah yang lemah, kelas yang kurang kondusif dan keupayaan guru mengendalikan bahan-bahan tersebut (Ab. Halim et al., 2015). Keadaan ini menzahirkan permasalahan dan cabaran yang wujud di sekolah-sekolah agama JAIS dengan prasarana yang kurang mencukupi berbanding sekolah-sekolah di bawah KPM. Tambahan pula, keupayaan kewangan JAIS yang terhad untuk mengadakan kelengkapan pengajaran secara skala besar berasaskan jumlah sekolah dan guru sedia ada (Azizi et al., 2013; Nor Raudah et al., 2018).

Tahap Kesediaan GPI JAIS Melaksanakan Pembelajaran Secara Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan bahawa setiap item dalam subkonstruk tahap kesediaan GPI JAIS dalam pengajaran teradun berasaskan kemahiran teknologi berada pada tahap sederhana tinggi. Item yang mempunyai min paling tinggi ialah guru mengetahui untuk merakam audio atau video menggunakan telefon bimbit, tablet dan komputer (min=3.79; SP=0.859). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 14 orang (23%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 23 orang (37.7%) guru menyatakan setuju, seramai 21 orang (34.4%) guru menyatakan sederhana setuju dan tiga orang guru (4.9%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah guru mengetahui untuk menambahkan fail audio atau video dalam pembentangan (min=3.25; SP=1.011). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa, seramai 9 orang (14.8%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 12 orang (19.7%) guru menyatakan setuju, seramai 26 orang (42.6%) guru menyatakan sederhana setuju dan 13 orang guru (21.3%) menyatakan tidak setuju.

Jadual 2: Tahap Kesiapan GPI JAIS dalam Pengajaran Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi

Bil	Kemahiran Teknologi	Frekuensi (Peratusan)					Min	Sp.	Interpretasi
		STS	TS	ST	S	SS			
B11	Saya berkemahiran menggunakan email dan <i>google drive</i> untuk berkomunikasi secara dalam talian	0 (0.0)	6 (9.8)	25 (41.0)	20 (32.8)	10 (16.4)	3.56	0.886	Sederhana Tinggi
B12	Saya berkemahiran menggunakan pengurusan fail (file manager) dalam komputer seperti menyalin, menamakan dan menghapuskan fail	1 (1.6)	8 (13.1)	18 (29.5)	19 (31.1)	15 (24.6)	3.64	1.049	Sederhana Tinggi
B13	Saya berkemahiran menggunakan <i>browser</i> seperti <i>google chrome</i> dan <i>firefox</i> untuk mencari bahan-bahan pengajaran	0 (0.0)	7 (11.5)	17 (27.9)	24 (39.3)	13 (21.3)	3.70	0.937	Sederhana Tinggi
B14	Saya berkemahiran menggunakan <i>Microsoft Office</i> seperti <i>Word</i> , <i>Powerpoint</i> dan <i>Excel</i>	1 (1.6)	3 (4.9)	24 (39.3)	24 (39.3)	9 (14.8)	3.61	0.862	Sederhana Tinggi
B15	Saya berkemahiran menggunakan aplikasi atas talian seperti <i>Zoom</i> , <i>Microsoft Teams</i> dan <i>Google Meet</i> dalam pengajaran.	0 (0.0)	8 (13.1)	23 (37.7)	21 (34.4)	9 (14.8)	3.51	0.906	Sederhana Tinggi
B16	Saya tahu bagaimana menambahkan fail audio atau video pada pembentangan saya	0 (0.0)	13 (21.3)	26 (42.6)	12 (19.7)	9 (14.8)	3.25	1.011	Sederhana Tinggi
B17	Saya tahu bagaimana merakam audio atau video menggunakan telefon bimbit, tablet dan komputer	0 (0.0)	3 (4.9)	21 (34.4)	23 (37.7)	14 (23.0)	3.79	0.859	Sederhana Tinggi
Jumlah Keseluruhan						3.58	0.930	Sederhana Tinggi	

Berdasarkan kajian ini, menzahirkan bahawa tahap kesiapan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi masih di tahap

sederhana. Terdapat beberapa kemahiran guru yang dikenalpasti di tahap memuaskan antaranya cara berkomunikasi secara atas talian, pengurusan fail pembelajaran menggunakan medium teknologi, penggunaan perisian *Microsoft Office* dan penggunaan aplikasi seperti *Zoom*, *Microsoft Teams* dan *Google Meet* dalam pengajaran. Dalam masa yang sama, tempoh perkhidmatan GPI JAIS yang terlibat sebagai responden melebihi 5 tahun dan ramai dalam kalangan mereka 16 tahun pengalaman dalam pengajaran. Menurut Noraini et al., (2013) menjelaskan bahawa elemen keinovatifan khususnya teknologi maklumat memberi sumbangan paling besar dalam e-pembelajaran dan efikasi sendiri komputer. Dalam konteks ini, guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang tinggi lebih suka mengintegrasikan ICT dalam PdP berbanding guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri komputer yang rendah. Peredaran masa dan ledakan teknologi menuntut GPI JAIS untuk bersikap positif dalam menggunakan multimedia atau teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada bahan-bahan pengajaran (Maimun Aqsha et al., 2017).

Latihan-latihan pengajaran yang disertai tanpa pengamalan yang konsisten dalam pengajaran dan pemantauan berterusan daripada pihak pengurusan sekolah membuka ruang guru-guru untuk tidak mencuba teknologi dalam pendidikan sedia ada. Guru mungkin tidak dilatih menghubungkan antara teknologi dengan pengetahuan kandungan. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar dan pengetahuan yang kukuh dalam pedagogi, akan lebih mudah mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran tetapi sukar bagi mereka yang tidak mempunyai banyak pengetahuan mengenai alat teknologi tertentu (Yusup, 2012). Isu penolakan terhadap ICT dalam kalangan guru-guru bukanlah isu unik yang hanya berlaku di Malaysia tetapi di negara-negara lain. Penggunaan teknologi bertujuan memudahkan kerja guru dalam menyampaikan pengajaran supaya matlamat dan kehendak kurikulum dapat direalisasikan (Hapini Awang et al., 2020).

GPI JAIS yang kebanyakannya tidak mempunyai ikhtisas perguruan menyumbang kekurangan dalam pengajaran secara teradun. Keperluan ikhtisas pendidikan dalam kalangan GPI JAIS telah disuarakan suatu ketika kerana peri pentingnya pendidikan yang berkualiti (Sapie et al., 2015). Dalam konteks kerjaya 56engansi, ikhtisas merupakan aspek utama yang menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran (Mohd Faez et al., 2017). Dalam hal ini, keupayaan guru-guru menghasilkan suatu set pengajaran yang berkesan memerlukan guru tersebut mampu mengintegrasikan isu-isu semasa mengisi pelajaran serta pengalaman pengajaran yang dilaluinya (Tengku Sarina Aini & Fatimah Sahida, 2018). Menurut Khalid et al (2009), guru-guru yang mempunyai ikhtisas perguruan mempunyai efikasi yang tinggi dalam pengajaran. Ini kerana status ikhtisas perguruan memberi pengaruh kepada tahap kualiti guru dan pengajarannya serta pengalaman yang dilaluinya. Sehubungan itu, penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru. Pandangan ini juga selaras dengan Ab Halim, Muhamad Faiz, & Kamarul Azmi, (2012) bahawa latihan guru perlu memfokuskan kepada elemen personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran dan motivasi dalam PdP.

Perbezaan Tahap Kesediaan GPI JAIS dalam Melaksanakan Pembelajaran secara Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi Berdasarkan Tahap Pendidikan Guru

Berdasarkan jadual 3 melalui keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tingkahlaku guru antara ketiga-tiga status perjawatan adalah signifikan secara keseluruhannya [$F(3,57)=14.132$, $p=0.000$]. Maka pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi antara ketiga-tiga tahap pendidikan GPI JAIS. Dapatan ini menyebabkan hipotesis H_{01} berjaya ditolak. Justeru, ujian *Post Hoc Multiple Comparisons* dilakukan bagi mengesan kumpulan-kumpulan yang menyebabkan perbezaan tersebut.

Jadual 3: ANOVA Sehala Kesediaan Guru Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	df	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	3	14.132	0.000
Dalam kumpulan	57		
Jumlah	60		

Berdasarkan jadual 4, keputusan perbandingan pasangan (*Pairwise Comparisons*) dengan menggunakan kaedah Bonferroni menunjukkan bahawa nilai min kesediaan GPI JAIS melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi berdasarkan tahap pendidikan SPM, Sijil/Diploma dan Sarjana Muda adalah signifikan. Ini bererti perbezaan keseluruhan adalah disebabkan oleh perbezaan antara tiga tahap pendidikan guru tersebut. Berpandukan nilai min kumpulan tahap pendidikan SPM (min=3.03), Sijil/ Diploma (min=3.42) dan Sarjana Muda (min=4.44) menunjukkan kumpulan sarjana muda dalam kesediaannya melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi adalah lebih tinggi berbanding dua kumpulan tahap sijil/diploma (min=3.42) dan tahap pendidikan SPM (min=3.03).

Jadual 4: *Post Hoc Multiple Comparisons* Kesediaan GPI JAIS Melaksanakan Pembelajaran Secara Teradun Berasaskan Kemahiran Teknologi Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan (I)	Tahap Pendidikan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Signifikan
SPM	SPM	-.135	1.00
	Sijil/Diploma	-.387	.446
	Sarjana Muda	-1.41	.000
STAM/STPM	SPM	.135	1.00
	Sijil/Diploma	-.252	1.00
	Sarjana Muda	-1.27	.001
Sijil/Diploma	SPM	.387	.446
	Sijil/Diploma	.252	1.00
	Sarjana Muda	-1.02	.000
Sarjana Muda	SPM	1.41	.000
	Sijil/Diploma	1.27	.001
	Sarjana Muda	1.02	.000

Dapatan kajian ini juga menunjukkan GPI JAIS yang mempunyai tahap pendidikan Sijil/ Diploma dan Sarjana Muda adalah lebih tinggi kesediaannya melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi berbanding guru-guru peringkat SPM. Isu guru-guru yang tidak terlatih di Sekolah-sekolah Agama Negeri dan pemerksaan program latihan guru masih lagi wujud sehingga kini. Dapatan ini selaras dengan kupasan Nor Raudhah et al. (2013) dan Affezah et al., (2017) berkaitan halangan dan cabaran pemberian program latihan kepada guru-guru atas faktor kewangan, lantikan jawatan guru, status perjawatan, pengkhususan ilmu bidang dan lain-lain. Justeru itu, perlu suatu strategi terancang yang melibatkan semua bahagian di Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS untuk membugar sistem latihan guru dan peningkatan kualiti profesionalisme guru.

Pembelajaran secara teradun dan PdP secara dalam talian memberi jalan alternatif kelangsungan pendidikan yang dilaksanakan sebelum ini secara konvensional. Penularan wabak covid-19 menyemarakkan lagi penggunaan teknologi dalam pendidikan. Menurut Siti Azura et al., (2021) menjelaskan bahawa PdP secara dalam talian memberi peluang dan ruang kepada generasi baharu untuk belajar tanpa mengira masa dan tempat. Walaupun keadaan demikian, program pendidikan JAIS tetap menjurus kepada pembangunan insan yang seimbang berasaskan falsafah dan matlamat pendidikan Islam secara holistik. Teknologi adalah alat yang digunakan sebagai medium penyampaian. Konsep keberkatan ilmu dan pembangunan adab

tidak boleh dikesampingkan kerana pembangunan insan sifatnya menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

KESIMPULAN

Rumusan keseluruhan bagi tahap kesediaan GPI JAIS dalam melaksanakan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi masih ditahap yang sederhana tinggi. Melalui penganalisan data, terdapat beberapa item lagi yang perlu ditambahbaik dan tingkatkan dari semasa ke semasa iaitu aspek pengurusan latihan guru dan amalan pendidikan. Berikut disenaraikan cadangan untuk penambahbaikan kursus latihan guru GPI JAIS:

- a. Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI JAIS tentang keperluan penggunaan pembelajaran secara teradun berasaskan kemahiran teknologi perlu pemerkasaan dengan memberikan kursus dan latihan secara berkala dan berfokus. Amalan pencerapan dan refleksi guru dalam pengajaran perlu ditingkatkan dan pemantauan secara berterusan. Kekerapan GPI JAIS yang baharu merujuk guru berpengalaman dan mahir boleh ditingkatkan lagi.
- b. Tahap kemudahan prasarana dan sistem sokongan pembelajaran perlu penambahbaikan dengan menyediakan kemudahan seperti makmal komputer, bilik persediaan bahan bantu mengajar, wifi, perisian-perisian untuk pengajaran dan bilik multimedia. Keperluan penggunaan prasarana tersebut perlu untuk mengumpul maklumat-maklumat PdP, penyediaan bahan bantu mengajar, kemahiran-kemahiran pengajaran dan aplikasi ICT.



RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Mohamad Amir Danuri, Mohd Kamal Radiman, Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Zetty Nurzuliana Rashed, Abdul Basir Mohd Anuar, & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. 2015. *Laporan Akhir Penilaian Kepuasan Bekerja dan Kewajaran Kenaikan Elaun Guru dan Ketua/Penolong Ketua Guru Kafa Negeri Selangor*.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63. www.gjat.my
- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh. 2015. Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1–14.
- Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong, & Zukhuriatul H Mhd Yusof. 2017. Analisa Keperluan Latihan Guru-guru Sekolah Rendah Agama di Selangor. *National Pre Seminar*, 23, 116–129.
- Ahmad Munawwar Ismail. 2009. *Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. 2009. *Peranan Negeri dalam Memperkukuhkan Sistem Madrasah di Malaysia: Kajian ke atas Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. October 2015, 1–17.
- Azizi Umar, Supyan Hussin, Shahrudin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Basah, Mohd Kamal Radiman, & Abdul Fattah Pardon. 2013)0. Masalah Pengurusan dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat (SAR)/ Kelas Al-Quran & Fardu Ain (Kafa) Persendirian di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 1(5), 136–

161.

- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. 2004. *Perancangan Perkembangan Pendidikan*.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. 2013. *Pelan Strategik JAIS 2015-2019*.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. 2018. *Modul Latihan PKG JAIS: Kursus Pedagogi Pendidikan*.
- Bluestone, J., Johnson, P., Ruparelia, C., Stender, S., Thomas, U., & Yigsaw, T. 2012. *Effective Teaching Skills: A Blended Learning Approach*. www.jhpiego.org
- Hapini Awang, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini Sheik Osman, Erwani Kamaruddin, Abdulrazak F. Shahatha Al-Mashhadani, & Shakiroh Khamis. (2020). Cabaran dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog Serta Strategi untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1), 1–19.
- Hassan, Z. bin, Som, M. Z. bin M., & Aziz, N. A. binti A. 2015. Perkembangan dan Reformasi Sistem Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Nusantara Indonesia*, 1(1), 110–123. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Haslan, & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan dan Kediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1–13.
- Mohammad Amir Danuri. 2017. Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. In *Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*.
- Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. 2017. Penilaian terhadap Perlaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS. *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*, 1–23.
- Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil, & Azrin Ab Majid. 2018. Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 13(1), 45–56. <https://doi.org/10.22452/jat.vol13no1.5>
- Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiaah Abdul Halim. 2013. Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. *Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung*, 206–221. https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227_98528.pdf
- Noraini Mohamed Noh, Hani Merylina Ahmad Mustafa, Mahizer Hamzah, Mohd Arif Ismail, & Norazilawati Abdullah. 2013. Penggunaan Inovasi Teknologi dalam Pengajaran: Cabaran Guru dalam E-Pembelajaran. *Proceedings of The 7th International Malaysian Educational Technology Convention (IMETC 2013), Technology Enhanced Global Classroom Environment*, 1–12.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. 1994. *Psychometric Theory* (Edisi Pert, Vol. 1). McGraw-Hill, Inc.
- Saedah Siraj & Norhayati Sulaiman. 2006. Jangkaan Masa Depan terhadap Keperluan Tenaga Kerja dan Penambahbaikan Sistem Pendidikan. *Jurnal Pendidikan*, 189–210.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Zetty Nurzuliana Rashed, Rekkeman Kusut, Suziana Hanini Sulaiman, & Siti Nga'ishah Mohni. 2015. Tahap Kesesuaian Matlamat dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis: Satu Tinjauan Awal. *Tamu*, 1(1(1) Jun 2015), 118–128.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin, & Zulkurnain Hassan. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (E- Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 2(10), 1–14.
- Squire, W. H., & Morris, S. 2006. *Philosophy of Education and the Training of Teachers*.

- Educational Review*, 17(3), 181–188. <https://doi.org/10.1080/0013191650170302>
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Fatimah Sahida Abdurajak. 2018. Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru (Islamic Education Novice Teachers' Teaching Experiences: Implications towards Teacher Training Curriculum Design). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 59–66. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.01-08>
- Unit Peperiksaan dan Penilaian Bahagian Pendidikan Islam JAIS. 2019. *Analisa Kelulusan PSRA Negeri Selangor 2014-2015*.
- Yusup Hshim. 2012. Penggunaan e-Pembelajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru, October 2012*, 1–25.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:

Sapie Sabilan

Pelajar Pascasiswazah (P90358)
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi Selangor
p90358@siswa.ukm.edu.my

Suhana Mohamed Lip

Pensyarah
Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Bahasa,
Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.
suhana@kuis.edu.my



Mohamad Fuad Ishak

Pensyarah
Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.
fuadishak@kuis.edu.my

Shazarina Zdainal Abidin

Pensyarah
Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.
shazarina@kuis.edu.my

Suziana Hanini Sulaiman

Pensyarah
Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Bahasa,
Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.
suziana@kuis.edu.my

MASTERY LEARNING SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN JAWI BERKESAN DALAM KERANGKA PEMBENTUKAN KOMPETENSI GURU: SATU KAJIAN KES

Naquiah Nahar^{1a}, Jimaain Safar^{2a}, Aminudin Hehsan^{2b} & Juhazren Junaidi^{2b}

^aAkademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM Johor

^bPusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (Cfirst), UTM Johor

naquiah2@live.utm.my

ABSTRAK

Penguasaan murid secara komprehensif terhadap sesuatu topik pembelajaran adalah pengukur kepada keberkesanan pengajaran guru. Kefahaman yang mendalam serta penguasaan tuntas dalam kalangan murid mampu direalisasikan melalui implementasi pendekatan *Mastery Learning*. Namun, pendekatan ini sering kali tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh guru kerana pelbagai faktor kekangan. Kajian ini mengupas tentang ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif ke atas tujuh orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Melaka. Pengumpulan data dijalankan menerusi proses temu bual mendalam, pemerhatian serta analisis dokumen dan dianalisis menggunakan perisian NVivo 12.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang diimplemenkan oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Melaka. Ciri-ciri tersebut keseluruhannya mencapai tahap pola iaitu 'berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid', 'mengajar isi aras rendah dan mudah dahulu', 'mengajar isi sukar selepas mengajar isi yang mudah', dan 'memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu'. Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini menghasilkan metod yang boleh dijadikan garis panduan kepada para guru untuk mengaplikasikan pengajaran yang berkesan dan seterusnya melahirkan guru yang kompeten.

Kata kunci: *Mastery Learning*, Pengajaran Berkesan, Penguasaan Murid, Guru Pendidikan Islam, Kompetensi Guru

ABSTRACT

A student's comprehensive mastery towards a particular learning topic is a gauge to the effectiveness of a teacher's instruction. In depth understanding as well as definitive mastery amongst students can be realized through the implementation of Mastery Learning. However, the said approach often cannot be fully implemented by teachers due to various hindering factors. This study mentions on the Mastery Learning approach implemented by Islamic Education teachers at primary schools in the teaching and learning process for Jawi. This study had used the qualitative approach towards seven Islamic Education teachers in Malacca. Data collection was performed through in depth interview, observation as well as document analysis and analyzed using NVivo 12.0. The findings show that there are four characteristics of Mastery Learning approach implemented by primary school Islamic Education teachers in Malacca. All the characteristics achieved a pattern, which are 'focused to students' understanding and mastery', 'teaching lower and easier level first', 'teaching difficult topics after the easier ones', and 'ensure students have mastered the topic before progressing to new unit'. In general, the finding of this study brought up a method capable to serve as a guideline for teachers in the implementation of effective instructions and subsequently producing competent teachers.

Keywords: *Mastery Learning*, effective instruction, students' mastery, Islamic Education teacher, teacher competency

PENGENALAN

Pendidikan merupakan penanda aras kepada tahap ketamadunan dan kualiti sesebuah negara dalam sejarah peradaban manusia. Seajar dengan perkembangan pendidikan bertaraf dunia di abad 21 ini, Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan bagi mencapai aspirasi negara. Pelbagai usaha transformasi dan pembaharuan dilakukan agar memastikan kualiti pendidikan negara di tahap terbaik dan bergerak seiring perkembangan pendidikan dunia sebagai persediaan menghadapi persaingan di peringkat global. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan transformasi secara agresif dengan melakukan rombakan kurikulum pendidikan kebangsaan agar selaras dengan tuntutan pendidikan di abad 21. Secara asasnya, konsep pendidikan dalam konteks pembelajaran abad ke-21 (PAK21) amat bergantung kepada kecekapan dan kebolehan guru untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan bagi memastikan proses penyampaian ilmu dan maklumat berlaku secara optimum kepada setiap murid tanpa mengira aras kebolehan murid tersebut. Keupayaan guru bertindak sebagai pemudahcara dalam memastikan penguasaan murid melalui elemen-elemen pembelajaran abad ke-21 merupakan tunjang kepada kejayaan pendidikan negara.

Konsep *Mastery Learning* dalam Konteks Pengajaran Jawi Berkesan

Pengajaran adalah satu seni yang memperlihatkan set tingkah laku guru dalam proses penyampaian ilmu kepada murid-murid di kelas. Proses pemindahan ilmu tentang Jawi boleh berlaku dalam pelbagai pendekatan dan kaedah bergantung kepada kreativiti dan kecekapan guru yang menyampaikannya. Prinsip pembelajaran pula berpaksikan kepada kefahaman, penguasaan ilmu, kemahiran serta kemenjadian dalam kalangan murid sebagai matlamat akhir yang harus dicapai. Tidak kira apa jua kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Jawi, penguasaan murid adalah titik tumpu yang sangat diberi perhatian dan dijadikan ukuran kejayaan sesebuah pengajaran. Dalam konteks pedagogi pengajaran, *Mastery Learning* merupakan pendekatan yang memenuhi kriteria tersebut yang mengutamakan pembentukan kefahaman konseptual yang menyeluruh dalam kalangan murid.

Mastery Learning secara umumnya merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berprinsipkan kepada penguasaan murid dalam sesuatu topik yang dipelajari (Eli Farikha, 2021; Suandi *et al.*, 2017; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Bloom, 1968). Penguasaan dan kefahaman murid merupakan fokus utama dalam pembelajaran berasaskan masteri. Proses pengajaran dan pembelajaran termasuk bagi subjek Jawi dianggap berjaya apabila fokus utama iaitu murid menguasai sepenuhnya konsep dan kemahiran Jawi yang diajar. Berdasarkan pendekatan ini, kejayaan sesebuah pengajaran yang menggunakan pendekatan *Mastery Learning* diukur melalui pencapaian semua murid terhadap objektif pembelajaran yang telah ditetapkan oleh guru (Siti Noridah *et al.*, 2018). Hal ini bermakna apabila semua murid telah menguasai topik dan mencapai keseluruhan objektif yang ditetapkan maka konsep pembelajaran masteri telah berjaya terbentuk dan pengajaran Jawi yang berkesan juga berjaya dihasilkan.

Secara asasnya, setiap murid mempunyai kebolehan, minat dan aras kognitif yang berbeza walaupun berada dalam satu kelompok kelas yang sama. Keperluan setiap daripada murid juga sudah tentu berbeza dan memerlukan kepada strategi serta pendekatan pengajaran yang paling sesuai yang menepati keupayaan mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Keperluan-keperluan berbeza ini perlu dipenuhi dengan penuh bijaksana oleh guru melalui satu pendekatan khusus mengikut tahap kebolehan murid. Pendekatan *Mastery Learning* berasaskan

kepercayaan bahawa setiap guru boleh membantu pelajar mereka belajar dengan lebih baik, menguasai ilmu dengan lebih cepat serta membentuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri mereka (Isytiaq & Qaiser, 2016). Hal ini kerana melalui pendekatan ini murid dipandu untuk menguasai pembelajaran mengikut kadar kemampuan dan kebolehan kognitif mereka.

Selain daripada keupayaan murid menguasai ilmu dan kemahiran dengan baik, Bloom (1968) pula memberikan penekanan terhadap aspek waktu pembelajaran yang mencukupi sebagai salah satu elemen yang membantu murid dalam menguasai topik pembelajaran. Pendekatan *Mastery Learning* dikatakan berpegang kepada kepercayaan bahawa setiap murid mempunyai potensi untuk menguasai sesuatu kemahiran dengan baik jika murid diberi waktu secukupnya untuk menguasai ilmu yang diajar oleh guru. Faktor masa pembelajaran yang mencukupi untuk murid menguasai kemahiran-kemahiran dalam Jawi amat dititik beratkan sebagai satu pra syarat penguasaan yang maksimum selain daripada faktor keadaan dan persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan murid. Dalam erti kata lain, *Mastery Learning* merupakan suatu pendekatan yang memerlukan waktu yang panjang untuk diimplemenkan dalam aktiviti pengajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif dan sistematik.

Mastery Learning juga berasaskan prinsip bahawa setiap murid yang normal dan tidak mempunyai masalah pembelajaran berpotensi untuk mempelajari apa yang disampaikan oleh guru mereka jika pengajaran dilakukan dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan aras kebolehan murid. Keupayaan murid untuk belajar adalah amat bergantung kepada keberkesanan pendekatan dan cara bagaimana penyampaian ilmu dikendalikan oleh guru. Menurut Dayang Julida dan Muhd Izwan (2021), keberkesanan penyerapan ilmu dalam kalangan murid adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru memilih kaedah dan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan murid. Kegagalan guru memilih kaedah dan aktiviti pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian akan menyebabkan kegagalan murid untuk menguasai isi pelajaran (Subdrah & Sakunthala, 2014). Sebaliknya, kecekapan dan kompetensi guru memilih dan menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan dalam pengajaran terutamanya pengajaran Jawi merupakan tunggak utama kepada pendekatan *Mastery Learning* yang menghasilkan pengajaran guru yang berkesan dan berkualiti.

Justeru, salah satu komponen yang ditetapkan dalam pendekatan *Mastery Learning* untuk memastikan penguasaan yang tuntas dalam kalangan murid ialah memberi penekanan supaya guru memecahkan pembelajaran kepada beberapa unit kecil supaya lebih mudah dipelajari oleh murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Bloom, 1971) dalam usaha untuk menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan. Pecahan isi pelajaran kepada beberapa unit yang lebih kecil ini akan membantu murid memahami topik dengan lebih jelas, mudah dan mengikut pemeringkatan aras kesukaran. Menurut Rosny dan Kamariah (2021), penyampaian isi yang tersusun dan efektif merupakan faktor utama penguasaan murid serta menjamin objektif pembelajaran tercapai secara optimum. Tanpa kesinambungan unit dan pembahagian isi yang tersusun secara sistematik, penguasaan murid sukar dicapai dan objektif pembelajaran juga tidak tercapai sepenuhnya. Oleh yang demikian, kecekapan guru khususnya guru Pendidikan Islam merangka dan menyusun pecahan unit dalam setiap topik pembelajaran Jawi menjadi faktor pembantu kepada kefahaman dan penguasaan ilmu dalam kalangan murid sekaligus membuktikan keberkesanan pengajarannya.

Pecahan pembelajaran kepada unit-unit kecil ini juga memerlukan guru menentukan hasil pembelajaran yang ingin dicapai mengikut kesesuaian murid. Objektif pembelajaran ditentukan berdasarkan kepada susunan atau turutan unit-unit kecil yang telah dibahagikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran mencapai tahap masteri apabila objektif pembelajaran ini berjaya dicapai oleh murid. Penguasaan murid atau pencapaian objektif pembelajaran Jawi lazimnya diukur melalui keputusan ujian diagnostik atau Ujian Rujukan Kriteria yang dilaksanakan selepas tamat

pembelajaran setiap satu unit. Berdasarkan pernyataan Block dan Burns (1976), peratusan menguasai dalam kalangan murid haruslah mencapai sekurang-kurangnya 80% untuk membolehkan guru berpindah kepada pengajaran unit seterusnya. Sekiranya peratus menguasai tidak mencapai minimum 80%, guru dikehendaki mengulang semula pengajaran dan tidak akan berpindah kepada unit seterusnya. Skor peratusan ujian diagnostik ini merupakan pengukur kepada tahap penguasaan murid dan juga keberkesanan pengajaran guru Pendidikan Islam serta tahap kecekapannya dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran Jawi kepada pelajar.

Oleh kerana pendekatan *Mastery Learning* berkonsepkan penguasaan dan kefahaman murid, mereka yang belum mencapai tahap masteri tidak dibiarkan begitu sahaja sebaliknya diberikan pemulihan sehingga mereka berjaya mencapai tahap penguasaan yang ditetapkan. Bagi murid yang telah mencapai pembelajaran tahap masteri, kelompok ini diberikan latihan yang berbentuk pengayaan dan pengukuhan untuk memantapkan lagi penguasaan mereka. Keunikan dan kekuatan pendekatan *Mastery Learning* ialah menggabungkan elemen pemulihan, pengayaan dan pengukuhan di bawah satu pengajaran yang sama. Aspek ini bertepatan sekali dengan falsafah *Mastery Learning* iaitu menghapuskan jurang penguasaan antara murid yang lemah dengan murid yang berada di aras tinggi (Thorndike, 1976; Bloom, 1974; Carroll, 1963). Pendekatan *Mastery Learning* mendukung prinsip bahawa setiap murid tidak kira tahap kognitif yang rendah atau tinggi mempunyai hak untuk mempelajari ilmu sesuai dengan tahap kebolehan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan agar berupaya menghasilkan pengajaran yang berkesan kerana keberkesanan pengajaran guru memberi impak yang besar terhadap penguasaan murid (Norazizah & Khairul Farhah, 2022).

Faktor Penghalang Pengajaran Berkesan

Keberkesanan pengajaran seseorang guru dipengaruhi oleh kecekapan, gaya pengajaran dan pembelajaran yang ditunjukkan yang terhasil daripada pengetahuan serta kemahiran yang dimilikinya. Takrifan pengajaran yang berkesan amat luas, namun tidak lari daripada penghasilan akhir iaitu penguasaan ilmu serta pencapaian objektif pembelajaran dalam kalangan murid. Penguasaan yang optimum dalam kalangan murid terhadap topik yang diajar merupakan penentu kepada kejayaan atau kegagalan seorang guru, juga pengukur kepada tahap kecekapannya dalam menjalankan tugas mengajar.

Setiap guru mengimpikan kemampuan untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan, namun dalam masa yang sama terpaksa berdepan dengan pelbagai kekangan yang menghalang agenda tersebut daripada direalisasikan. Umum mengetahui, kelas di Malaysia mempunyai jumlah murid yang padat dan terlalu ramai berbanding sekolah-sekolah di negara lain. Hal ini malah diakui sendiri oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Dr. Radzi Jidin yang menyatakan bahawa purata murid dalam sebuah kelas ialah 35 orang dan belum menepati bilangan murid yang ideal bagi sesebuah kelas iaitu sekitar 20 hingga 25 orang (Zulkifli, 2022).

Jumlah murid yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas hingga mencecah 40 orang sangat menyukarkan guru menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Jumlah murid dalam sesebuah kelas haruslah sesuai dengan keluasan kelas, reka bentuk serta sistem pengudaraan yang baik (Shera & Mohd Hanafi, 2022). Menurut kajian Che Nidzam *et al.* (2016), keadaan bilik darjah yang padat dengan bilangan murid yang ramai akan menghalang pencapaian matlamat proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Akibatnya, objektif pembelajaran sukar dicapai disebabkan kesukaran guru untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan.

Kepadatan kelas dan jumlah murid yang ramai ini juga bererti wujudnya kepelbagaian aras kebolehan, kognitif serta minat yang berbeza dalam kalangan murid. Kelas yang terdiri daripada murid pelbagai aras iaitu aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi menyukarkan guru untuk merangka aktiviti pembelajaran yang menepati keseluruhan aras murid. Aktiviti

pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru mungkin berkesan kepada sebahagian aras murid, tetapi kurang sesuai untuk murid pada aras yang berbeza. Hal ini menyebabkan pengajaran guru menjadi kurang berkesan dan tidak mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, guru disaran supaya bijak memilih pendekatan yang berupaya mencakupi aras penguasaan semua murid untuk diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas (Rathaneswaary & Ruhizan, 2022).

Kepelbagaian aras kebolehan dan kognitif dalam kalangan murid juga berkait rapat dengan kerencaman gaya pembelajaran yang dimiliki oleh mereka. Secara asasnya, murid dalam sesebuah kelas memiliki kebolehan dan potensi yang berbeza (Noor Muslieah *et al.*, 2022), dan kepelbagaian potensi ini menuntut supaya guru lebih kreatif dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Gaya pembelajaran murid yang berbeza-beza merupakan suatu cabaran yang terpaksa ditangani oleh guru dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan. Menurut Dayang Julida dan Muhd Izwan (2021), kegagalan guru memahami kepelbagaian gaya pembelajaran murid menjadikan pengajaran guru membosankan dan sukar diterima oleh keseluruhan murid. Cabaran-cabaran seperti jumlah murid yang terlalu ramai dan padat dalam sesebuah kelas, gaya pembelajaran murid yang berbeza, kepelbagaian aras kognitif, minat serta kebolehan murid walaupun dilihat sebagai sesuatu yang lumrah dalam dunia pendidikan dan dihadapi oleh guru setiap subjek dan tidak terkecuali bagi Pelajaran Jawi. Namun cabaran-cabaran ini berupaya merencatkan matlamat penguasaan murid dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran dan menyukarkan guru menghasilkan pengajaran yang berkesan serta mempengaruhi tahap kecekapan dan kompetensi guru.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah rendah.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perkara paling asas yang menentukan kualiti bagi sesebuah penyelidikan yang dijalankan. Aspek yang akan diberi penekanan bagi metodologi kajian ini ialah pendekatan kajian, reka bentuk kajian dan sampel kajian. Menurut David (2018), kepentingan metodologi kajian tidak dapat dinafikan oleh kerana peranannya sebagai suatu entiti yang memandu penyelidik menentukan reka bentuk yang paling sesuai digunakan dalam penyelidikan yang dijalankan. Bagi kajian ini, pendekatan secara kualitatif yang berbentuk deskriptif telah dipilih dan digunakan untuk menerangkan fenomena yang berlaku. Oleh kerana kajian ini dijalankan di pelbagai tempat yang berbeza, kajian pelbagai kes atau *multiple case studies* merupakan reka bentuk kajian yang digunakan.

Negeri Melaka telah dipilih sebagai lokasi kajian dan guru Pendidikan Islam sekolah rendah merupakan populasi bagi kajian ini. Kajian ini juga menggunakan teknik persampelan *purposive sampling* bagi proses memilih sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada tujuh orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang telah dicadangkan oleh Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan telah dikenal pasti sebagai guru yang kompeten dalam menjalankan tugas. Pemilihan teknik persampelan ini adalah bertepatan dengan pernyataan Chua (2014) dan Merriam dan Tisdell (2016) yang berpandangan bahawa *purposive sampling* telah digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif bagi membantu mengenal pasti ciri-ciri responden yang dikehendaki penyelidik agar selari dengan matlamat kajian.

Pengumpulan data utama bagi kajian ini dilaksanakan melalui kaedah temu bual mendalam. Data utama ini kemudiannya diperkaya dan diperkukuh pula dengan dapatan daripada data pemerhatian dan analisis dokumen sebagai data sokongan. Pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen juga diperlukan sebagai triangulasi kepada data temu bual yang berperanan sebagai data utama bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahannya. Berdasarkan pernyataan Patton (2015), nilai kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu data akan semakin tinggi apabila semakin banyak data yang ditriangulasi oleh penyelidik.

Proses analisis bagi data yang telah dikumpulkan dilaksanakan melalui beberapa peringkat. Langkah pertama sebelum data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen ini dianalisis ialah proses menyalin data terlebih dahulu ke dalam bentuk teks. Data yang telah ditranskrip kemudiannya dianalisis melalui beberapa peringkat menggunakan perisian NVivo versi 12. Peringkat pertama dalam proses analisis data kualitatif ialah proses pengekodan dan diikuti dengan proses pengkategorian sebelum tema dihasilkan. Proses ini bertepatan dengan langkah yang dinyatakan oleh Miles (2014) bahawa proses analisis bagi data kualitatif lazimnya melibatkan pengekodan dan pengkategorian data bagi menghasilkan tema. Pola yang terbentuk daripada tema-tema yang terhasil seterusnya diterjemah ke dalam bentuk rajah pokok bagi memperjelas dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Data yang diperoleh melalui kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo 12.0. Bagi kajian ini, sampel kajian yang terdiri daripada tujuh orang guru Pendidikan Islam telah dilabelkan sebagai GPIS1 hingga GPIS7. GPI mewakili 'Guru Pendidikan Islam', manakala S ialah 'sekolah' dan nombor 1 hingga 7 mewakili bilangan sekolah. Hasil dapatan menunjukkan terdapat empat ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran Jawi. Ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang dilaksanakan ialah 'berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid', 'mengajar isi aras rendah dan mudah dahulu', 'mengajar isi sukar selepas mengajar isi yang mudah', dan 'memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu'. Ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang dilaksanakan oleh GPIS1-GPIS7 dalam pengajaran Jawi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1: Pendekatan *Mastery Learning* GPIS1-GPIS7

Bil	Pendekatan <i>Mastery Learning</i>	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7
1	Berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid	X	X	X	X	X	X	X
2	Mengajar isi aras rendah dan mudah dahulu	X	-	X	X	X	X	X
3	Mengajar isi aras tinggi dan lebih kompleks selepas mengajar isi yang mudah	X	-	X	X	X	X	X
4	Memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu	X	X	-	X	-	X	X

Berfokus kepada Kefahaman dan Penguasaan Murid

Aspek 'berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid' merupakan ciri utama dalam pengajaran menggunakan pendekatan secara *Mastery Learning* yang dilaksanakan oleh GPIS1-GPIS7. Ciri ini telah mencapai tahap pola dan telah ditemui dalam data temu bual kesemua GPIS1-GPIS7 (TBGPIS1, 2018: 2563; TBGPIS2, 2018: 990; TBGPIS3, 2018: 2478; TBGPIS4, 2018: 1194; TBGPIS5, 2018: 1545; TBGPIS6, 2018: 785; TBGPIS7, 2018: 1488) serta data pemerhatian yang dilakukan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran mereka (PGPIS1, 2018: 179;

PGPIS2, 2018: 587; PGPIS3, 2018: 601; PGPIS4, 2018: 259; PGPIS5, 2018: 364; PGPIS6, 2018: 243; PGPIS7, 2018: 710). Aspek 'berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid' ini dapat dilihat pada contoh data temu bual GPIS4 dan data pemerhatian GPIS7 iaitu:

"saya pentingkan penguasaan pelajar, saya pastikan murid dah betul-betul faham isi pelajaran yang saya ajar. Bukan setakat faham, tetapi telah kuasai sepenuhnya tajuk pada hari itu. Saya akan ajar hingga saya pasti murid telah menguasai"
(TBGPIS4, 2018: 1192)

Guru: *Eja batu semua! (guru meminta murid mengeja perkataan lain yang berbeza untuk memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran mengeja dua suku kata terbuka).*

Murid: *'ba' + 'alif', ba.. 'ta + wau', tu.. Batu! (murid mengeja beramai-ramai perkataan yang disebut oleh guru)*
(PGPIS7, 2018: 216)

Kefahaman dan penguasaan murid merupakan matlamat utama yang amat dititik beratkan bagi memastikan objektif pembelajaran Jawi tercapai (TBGPIS2, 2018: 1905; TBGPIS4, 2018: 872; TBGPIS7, 2018: 2639). Tercapainya objektif pembelajaran membuktikan keberkesanan pengajaran guru dan menggambarkan tahap kompeten seseorang guru dalam menjalankan tugas menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran Jawi kepada murid. Namun begitu, GPIS1-GPIS7 mengakui terpaksa berhadapan dengan cabaran dalam usaha untuk memastikan semua murid mampu menguasai sepenuhnya topik yang diajar. Hal ini kerana faktor kepelbagaian aras dan jurang kebolehan murid dalam sesebuah kelas (TBGPIS1, 2018: 704; TBGPIS3, 2018: 2719; TBGPIS4, 2018: 902; TBGPIS6, 2018: 1740) menyukarkan kefahaman dan penguasaan murid berlaku secara sekata. Oleh itu guru terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerangkan isi pelajaran (TBGPIS1, 2018: 723; TBGPIS3, 2018: 2703; TBGPIS5, 2018: 2614) bagi memastikan murid aras rendah dapat memahami dan menguasai sepenuhnya isi pelajaran. Cabaran ini telah dinyatakan oleh GPIS1 dalam temu bual bersama beliau iaitu:

"Bukan senang nak bagi semua murid kuasai. Kelas yang saya ajar 3 Arif tu muridnya ada pelbagai aras, yang pandai tak ada masalah nak kuasai, tapi murid lemah saya ambil masa lama terpaksa ulang banyak kali betul-betul faham dan kuasai"
(TBGPIS1, 2018: 735)

Mengajar Isi Aras Rendah dan Mudah Dahulu

Bagi memastikan murid memahami dengan baik dan menguasai sepenuhnya pembelajaran, GPIS1-GPIS7 mengambil pendekatan mengajar isi aras rendah dan mudah dahulu. Ciri ini telah ditemui dalam data temu bual dan diakui dilaksanakan oleh mereka (TBGPIS1, 2018: 887; TBGPIS3, 2018: 2317; TBGPIS4, 2018: 2332; TBGPIS5, 2018: 517; TBGPIS6, 2018: 1628; TBGPIS7, 2018: 1484) semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Jawi. Aspek 'mengajar isi aras rendah dan mudah dahulu' ini tidak ditemui pada data temu bual GPIS2, tetapi berdasarkan pemerhatian terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran, didapati GPIS2 ada melaksanakan ciri ini dalam pengajaran beliau (GPIS2, 2018: 380).

Berdasarkan temu bual, GPIS1-GPIS7 menyatakan penyampaian isi aras rendah dan mudah ini dilakukan untuk memudahkan semua murid yang terdiri daripada pelbagai tahap dan kebolehan memahami sepenuhnya isi pelajaran yang diajar. Mengajar isi yang mudah dahulu akan membantu murid yang berada di aras rendah menguasai konsep asas dan ini akan memudahkan penguasaan mereka terhadap konsep yang lebih kompleks. Contoh pelaksanaan

pengajaran peringkat aras rendah dan isi yang mudah dahulu ini ialah melalui temu bual GPIS3 dan GPIS6 iaitu:

“Bila masuk tajuk baharu, saya akan ajar isi yang mudah dahulu. Saya ajar ikut tahap, mula dengan isi yang aras rendah dahulu” (TBGPIS3, 2018: 1310)

“Saya ajar isi aras rendah dahulu, saya ajar ikut pemeringkatan aras supaya murid senang faham. Dalam satu kelas ada murid lemah, sederhana dan murid pandai, jadi untuk pastikan semua murid pelbagai aras ini faham saya ajar isi yang mudah dahulu” (TBGPIS6, 2018: 2187)

Data daripada temu bual ini telah diperkukuh pula oleh data pemerhatian yang dilakukan ke atas sesi pengajaran dan pembelajaran GPIS1-GPIS7. Berdasarkan pemerhatian, didapati kesemua GPIS1-GPIS7 mengajar dengan melaksanakan aktiviti yang melibatkan penyampaian isi pelajaran dari aras rendah dan mudah dahulu (PGPIS1, 2018: 291; PGPIS2, 2018: 380; PGPIS3, 2018: 215; PGPIS4, 2018: 247; PGPIS5, 2018: 306; PGPIS6, 2018: 318; PGPIS7, 2018: 173). Aspek ini boleh dilihat dalam data pemerhatian terhadap GPIS4 iaitu:

Guru: Okay mula-mula kita belajar yang paling senang dulu, kita belajar satu imbuan di awal sahaja dulu..lepas itu baru kita belajar perkataan yang ada imbuan di depan dan belakang ni. (PGPIS4, 2018: 371)

Mengajar Isi Aras Tinggi dan Lebih Kompleks Selepas Mengajar Isi yang Mudah

Aspek ‘mengajar isi aras tinggi dan lebih kompleks selepas mengajar isi yang mudah’ merupakan ciri pendekatan *Mastery Learning* yang ketiga tertinggi dan mencapai tahap pola. Ciri ini ditemui pada kesemua data temu bual kecuali data temu bual GPIS2 (TBGPIS1, 2018: 887; TBGPIS3, 2018: 2317; TBGPIS4, 2018: 2332; TBGPIS5, 2018: 517; TBGPIS6, 2018: 1628; TBGPIS7, 2018: 1484). Pengajaran secara berperingkat dari aras rendah ke aras tinggi dan lebih kompleks ini seperti yang dinyatakan oleh GPIS5 dalam temu bual bersama beliau iaitu:

“Saya ajar ikut peringkat..mula-mula ajar yang asas dan mudah dulu, selepas itu baru saya masuk peringkat kedua ajar yang susah sikit, isi dia lebih tinggi arasnya dari yang awal tadi” (TBGPIS5, 2018: 2803)

Aspek ‘mengajar isi aras tinggi dan lebih kompleks selepas mengajar isi yang mudah ini juga telah ditemui pada data pemerhatian kesemua GPIS1-GPIS7. Berdasarkan pemerhatian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran mereka ketika mengajar Jawi di kelas, kesemua GPIS1-GPIS7 didapati memulakan pengajaran dengan mengajar konsep yang asas dahulu dan setelah itu barulah menyampaikan isi pelajaran aras tinggi dan lebih sukar (PGPIS1, 2018: 291; PGPIS2, 2018: 380; PGPIS3, 2018: 215; PGPIS4, 2018: 247; PGPIS5, 2018: 306; PGPIS6, 2018: 318; PGPIS7, 2018: 173). Sebagai contoh, berdasarkan data pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran Jawi GPIS5 iaitu:

Guru meningkatkan aras pelajaran kepada yang lebih tinggi dengan melaksanakan aktiviti membina ayat mudah setelah mengajar kemahiran membina rangkai kata dan setelah mendapati semua murid berjaya membina rangkai kata dengan betul berdasarkan gambar yang diberi. (PGPIS5, 2018: 189)

Memastikan Murid telah Menguasai Topik sebelum Berpindah ke Unit Baharu

Ciri terakhir pengajaran berasaskan pendekatan *Mastery Learning* yang diaplikasikan oleh GPIS1-GPIS7 ialah ‘memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit

baharu'. Walaupun ciri ini tidak ditemui pada kesemua data temu bual GPIS1-GPIS7, namun ciri ini tetap mencapai tahap pola kerana hanya GPIS3 dan GPIS5 sahaja yang tidak menyatakan ciri ini dalam temu bual mereka. GPI mengakui mereka hanya mengajar topik baharu setelah memastikan murid telah menguasai topik sedia ada (TBGPIS1, 2018: 2561; TBGPIS2, 2018: 988; TBGPIS4, 2018: 1191; TBGPIS6, 2018: 785; TBGPIS7, 2018: 1490). Ciri ini dinyatakan oleh GPIS4 dalam temu bual bersama beliau iaitu:

"Saya pastikan murid dah betul-betul faham dan kuasai, baru saya pindah tajuk lain pula" (TBGPIS4, 2018: 837)

GPIS1-GPIS7 merekod penguasaan murid bagi setiap tajuk untuk mengenal pasti bilangan murid yang telah menguasai topik tersebut (TBGPIS1, 2018: 2794; TBGPIS2, 2018: 1021; TBGPIS4, 2018: 1263; TBGPIS7, 2018: 1628). Proses perekodan dalam rekod transit ini dilakukan setelah selesai pengajaran bagi setiap unit pembelajaran dan ketetapan untuk berpindah ke tajuk baharu adalah berdasarkan kepada perekodan tersebut. Jika rekod menunjukkan masih ramai yang belum menguasai, GPIS1-GPIS7 menegaskan mereka akan mengajar semula tajuk tersebut sehingga keseluruhan murid menguasainya (TBGPIS1, 2018: 2801; TBGPIS2, 2018: 1025; TBGPIS4, 2018: 1257). Walau bagaimanapun, GPIS1-GPIS7 mengakui mereka tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk mengajar semula tajuk yang tidak difahami disebabkan terikat dengan silibus yang perlu dihabiskan (TBGPIS2, 2018: 1032; TBGPIS4, 2018: 1263). Sebagai contoh, hal ini telah dinyatakan dalam temu bual bersama GPIS2 iaitu:

"Biasanya saya tetapkan mengajar satu-satu topik tu dalam dua minggu paling lama untuk pastikan semua murid dah betul-betul kuasai. Kalau dah dua minggu ada dua tiga orang masih tak kuasai saya akan pindah terus ke topik baru sebab takut silibus tak habis nanti. Yang belum kuasai tu saya akan bimbing mereka di luar waktu pembelajaran" (TBGPIS2, 2018: 1296)

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan *Mastery Learning* yang dilaksanakan dalam pengajaran Jawi Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah merangkumi empat ciri utama iaitu berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid, mengajar isi rendah dan mudah dahulu, mengajar isi sukar selepas mengajar isi yang mudah, dan memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu. Kesemua ciri ini mencapai tahap pola walaupun terdapat tiga ciri yang tidak ditemui sepenuhnya pada data temu bual GPIS1-GPIS7. Aspek mengajar isi rendah dan mudah dahulu serta aspek mengajar isi sukar selepas mengajar isi yang mudah tidak ditemui dalam data temu bual GPIS2, manakala aspek memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu pula tidak dinyatakan dalam temu bual GPIS3 dan GPIS5. Walau bagaimanapun, ciri tersebut tetap mencapai tahap pola kerana jumlah peserta bagi kajian ini ialah tujuh orang, dan tahap pola dikira apabila bilangan data terdapat pada empat atau lebih peserta kajian

Aspek 'berfokus kepada kefahaman dan penguasaan murid' dikenal pasti sebagai ciri pendekatan pengajaran *Mastery Learning* yang paling utama dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi. Dapatan ini menjelaskan bahawa sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran hanya akan mencapai tahap *Mastery Learning* apabila terhasilnya kefahaman dan penguasaan murid terhadap isi pelajaran. Penyataan ini bertepatan dengan kajian Cundiff *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran masteri bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman murid terhadap pembelajaran. Penguasaan dan kefahaman murid pula adalah bergantung kepada keberkesanan pemindahan ilmu oleh guru ketika menyampaikan pengajaran (KPM, 2012). Proses pengajaran dan pembelajaran guru

yang mengimplemenkan pendekatan *Mastery Learning* di dalamnya akan menghasilkan kefahaman dan penguasaan isi pelajaran serta kemahiran dalam kalangan murid, seterusnya membuktikan keberkesanan pengajaran guru tersebut. Tidak dinafikan bahawa pengajaran guru yang berkesan akan memberi impak yang signifikan terhadap pembelajaran dan penguasaan murid dan merupakan suatu indikator kepada tahap kompetensi seseorang guru. Hal ini bermakna pendekatan *Mastery Learning* merupakan medium kepada penguasaan murid, bukti keberkesanan pengajaran guru serta agen kepada pembentukan kompetensi guru.

Namun begitu, sesebuah pengajaran hanya akan dianggap berjaya apabila objektif pembelajaran tercapai sepenuhnya dan keseluruhan murid memahami serta menguasai topik yang diajar dengan baik. Bagi menjayakan sesebuah pengajaran, masalah kerencaman aras kognitif dan gaya pembelajaran merupakan kekangan utama terpaksa dihadapi oleh guru yang menghalang kefahaman dan penguasaan ilmu dalam kalangan murid. Guru terpaksa memikirkan kaedah pengajaran yang menepati semua aras kognitif dan gaya pembelajaran muridnya dalam satu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini diperkukuh oleh kajian Masita *et al.* (2021) yang menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan hanya akan dapat dicapai apabila guru berjaya memahami gaya pembelajaran murid dan menyusun strategi pengajaran yang sesuai dengannya. Guru yang gagal memahami dan mengenal pasti gaya pembelajaran muridnya akan menyebabkan aktiviti pembelajaran yang dipilih kurang sesuai dan mematikan minat murid untuk mengikuti pengajaran guru (Dayang Julida & Muhd Izwan, 2021). Justeru, guru yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi akan menggunakan daya kreativiti untuk merancang aktiviti pengajaran mengikut kesesuaian dan kepelbagaian aras murid bagi memastikan penguasaan murid mencapai tahap pembelajaran masteri.

Dalam konteks kajian ini, kekangan yang sama iaitu kerencaman aras kognitif dan gaya pembelajaran murid turut dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam ketika mengajar Jawi dan menyukarkan tercapainya matlamat pembelajaran pada tahap masteri. Dapatan ini selari dengan kajian Bernard Tahim *et al.* (2021) yang menghadapi kesukaran untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menepati kesemua keperluan murid yang terdiri daripada pelbagai aras kognitif. Pada dasarnya, kekangan ini akan membantutkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap topik yang diajar. Walau bagaimanapun, masalah ini mampu diatasi melalui kecekapan guru memilih dan mengkaji terlebih dahulu aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan semua aras murid. Dalam erti kata lain, guru yang kompeten akan membuat perancangan yang rapi setiap aktiviti yang bakal dijalankan agar pengetahuan dan kemahiran sesuatu topik itu dapat difahami oleh semua murid walaupun terdiri daripada aras kebolehan yang berbeza.

Kecekapan guru dalam membuat justifikasi dan memilih aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk semua aras murid merupakan salah satu penanda aras kepada tahap kompetensi seseorang guru. Berdasarkan kajian ini, kompetensi Guru Pendidikan Islam diterjemah melalui kecekapan mereka menjustifikasi dan memilih isi pelajaran yang mudah dan rendah dahulu untuk diajar kepada murid. Aspek 'mengajar isi mudah dan rendah' dahulu ini membentuk pola kedua tertinggi dan merupakan salah satu daripada ciri-ciri pendekatan *Mastery Learning* yang telah diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi. Aspek ini menunjukkan bahawa pengenalan kepada pengetahuan paling dasar dan mudah dalam pengajaran sesuatu topik adalah asas pembinaan pengetahuan murid yang paling fundamental. Mengajar kemahiran daripada yang paling mudah dahulu ini bertepatan dengan kajian Intan Nur Syuhada dan Zamri (2021) yang mendapati bahawa melalui pendekatan mengajar yang mudah dahulu ini terbukti membantu kefahaman murid terhadap isi pelajaran dengan lebih berkesan. Apabila murid telah menguasai isi pelajaran yang mudah dengan baik, bermakna mereka telah membina asas pengetahuan yang kukuh dalam topik tersebut yang akan membantu kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang lebih sukar.

Tidak dapat dinafikan, pembinaan asas yang kukuh ini sudah tentu bakal menjadi pemangkin kepada kefahaman dan penguasaan ilmu dalam kalangan murid ke tahap yang paling optimum. Murid akan lebih mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan guru pada pemeringkatan yang seterusnya. Justeru, Guru Pendidikan Islam dalam kajian ini telah menggunakan pendekatan 'mengajar isi aras tinggi yang lebih kompleks pula selepas mengajar isi yang mudah'. Melalui pendekatan ini, murid yang lemah tidak ketinggalan kerana guru terlebih dahulu telah memperkenalkan isi pelajaran yang mudah dan dapat dikuasai oleh mereka. Manakala murid aras tinggi yang telah sedia menguasai pula secara tidak langsung mendapat pengukuhan. Hal ini bertepatan dengan kajian Thorndike (1976), Carroll (1963) dan Bloom (1974) yang telah melakukan penambahbaikan terhadap konsep *Mastery Learning* yang terdahulu sebagai medium menyamaratakan jurang penguasaan ilmu dalam kalangan murid aras rendah dengan murid aras tinggi. Pemeringkatan isi pelajaran daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks ini telah mengurangkan kadar tidak menguasai dalam kalangan murid aras rendah dan sekaligus menyeimbangkannya dengan penguasaan murid aras tinggi.

Menerusi pendekatan pengajaran isi aras sukar dan kompleks setelah mengajar isi yang mudah ini guru secara tidak langsung dapat memastikan semua murid telah menguasai keseluruhan isi pelajaran dan kemahiran sebelum meninggalkan topik tersebut. Bagi kajian ini, aspek 'memastikan murid telah menguasai topik sebelum berpindah ke unit baharu' turut diberi penekanan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Jawi. Kefahaman dan penguasaan murid amat dititikberatkan dan merupakan salah satu daripada ciri-ciri pembelajaran masteri yang diterapkan oleh mereka. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Eli Farikha (2021) yang menyatakan bahawa guru yang mengaplikasikan pembelajaran masteri hanya akan mengajar topik yang baharu setelah diyakini semua murid telah menguasai topik pelajaran yang diajar pada hari tersebut. Hal yang sama turut bertepatan dengan pernyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) bahawa *Mastery Learning* merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang direka bentuk untuk memastikan semua murid telah mencapai objektik pembelajaran yang telah ditetapkan dalam sesuatu topik sebelum mempelajari topik baharu di unit seterusnya. Pernyataan ini membuktikan betapa pentingnya penguasaan murid terhadap sesuatu topik sebelum guru memulakan pelajaran baharu.

Namun begitu, realiti dan dilema yang dihadapi oleh guru ialah kesukaran untuk memperuntukkan waktu pengajaran yang panjang untuk satu-satu topik bagi memastikan semua murid berjaya memahami serta menguasai isi pelajaran yang disampaikan. Menurut Mohamad Nurul Azmi *et al.* (2017), ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang sesuatu topik hendaklah disampaikan secara bersepadu ke dalam aktiviti pembelajaran. Tetapi malangnya peruntukan waktu sedia ada bagi pengajaran Jawi selama 30 minit (KPM, 2015) menyukarkan guru Pendidikan Islam untuk memastikan penyerapan ilmu serta penguasaan ilmu secara maksimum benar-benar berlaku dalam kalangan setiap murid serta merealisasikan pembelajaran masteri. Tempoh waktu 30 minit yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi bagi murid menguasai sepenuhnya topik yang diajar, apatah lagi jika guru menggunakan kaedah permainan untuk mengajar kemahiran Jawi. Hal ini turut ditemui dalam kajian terdahulu yang dijalankan oleh Ramlah (2013) yang mendapati penguasaan sesuatu kemahiran melalui teknik bermain memerlukan sekurang-kurangnya 30 minit waktu pengajaran bagi membolehkan perkembangan penyerapan ilmu ke arah yang lebih kompleks berlaku dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kekangan ini menyebabkan berlaku penyerapan ilmu yang tidak sekata dalam kalangan murid daripada aras dan keupayaan yang berbeza. Murid aras tinggi berjaya menguasai walaupun dalam tempoh waktu pengajaran yang singkat, tetapi murid yang berada dalam aras kognitif yang rendah menghadapi kesukaran menyebabkan pembelajaran masteri kurang berjaya dilaksanakan. Bagi mengenal pasti murid yang belum menguasai, guru Pendidikan Islam dalam kajian ini merekod penguasaan setiap murid dalam rekod transit yang dibina sendiri

setelah selesai pengajaran setiap topik. Hal ini selaras dengan pernyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) yang memberi kelonggaran kepada guru untuk merekod penguasaan murid dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai seperti templat pelaporan Excel, rekod transit dan lain-lain lagi. Pengajaran semula akan dilaksanakan pada sesi pengajaran dan pembelajaran seterusnya jika didapati terdapat masih ramai murid yang belum menguasai topik tersebut. Proses perekodan ini dijadikan panduan dan kayu ukur bagi guru membuat ketetapan sama ada mengulang pengajaran atau berpindah ke topik baharu. Walau bagaimanapun, pengajaran semula dilaksanakan dalam tempoh yang singkat dan padat kerana guru terikat dengan sukatan pelajaran yang perlu dihabiskan dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

PENUTUP

Keberkesanan pengajaran guru serta penguasaan ilmu dan kemahiran dalam kalangan murid saling berkait antara satu sama lain. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan *Mastery Learning* terbukti mampu meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap sesuatu topik. Penguasaan murid juga menunjukkan tahap kecekapan dan daya kompetensi seseorang guru dalam menyampaikan ilmu. Tidak dapat dinafikan, kualiti guru merupakan faktor penentu keberhasilan produk akhir pendidikan iaitu kecemerlangan murid (Norazizah & Khairul Farhah, 2022). Peranan para pendidik adalah amat besar dalam sistem pendidikan negara. Justeru, para pendidik haruslah menggalas tanggungjawab dan memainkan peranan secara agresif sebagai nadi penggerak utama terhadap penguasaan, kecemerlangan serta pembentukan kemenjadian pelajar.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat sokongan dana dari Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) grant (FRGS/1/2020/SS03/UTM/02/1, Cost Center No. R.J130000.7853.5F386). Penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan kajian ini

ACKNOWLEDGEMENT

This work was supported by a Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) grant (FRGS/1/2020/SS03/UTM/02/1, Cost Center No. R.J130000.7853.5F386) from the Ministry of Higher Education, Malaysia. The authors would like to thank all the individuals who have contributed in this paper.

RUJUKAN

- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. 2021. Analisis Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran, Pengajaran & Pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. 5(1): 100-119.
- Block J. H. & Anderson L. W. 1975. *Mastery Learning in Classroom Instruction*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Block, J. H. & Burns, R. B. 1976. Mastery Learning. In L. S. Shulman (Ed.), *Review of Research in Education*. Vol.4: 3-49. Itasca, IL: Peacock.
- Bloom, B. S. 1968. Learning for mastery. *Evaluation Comment*, 1(2).

- Bloom, B. S. 1971. Mastery learning. In Block. J. H. (Ed.). *Mastery learning: Theory and Practice*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Bloom, S. E. 1974. Current Knowledge about the Avian W Chromosome. *BioScience*, 24(6): 340-344. <https://doi.org/10.2370/1276239>.
- Carroll, J. B. 1963. A Model of School Learning. *Teachers College Record*. <http://garfield.library.upenn.edu/classic1982/A1982NF3730001.pdf>
- Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim dan Asmayati Yahaya. 2016. Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar dan Keselesaan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. 6(1): 101-120.
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Cundiff, P. R., McLaughlin, O. and Brown. K. 2020. In Search of Greater Understanding: The Impact of Mastery Learning on Social Science Education. *Sage Journals*, 48(2): 107-119.
- David, S. 2018. *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. 5th ed. London: Sage Publications.
- Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan. 2021. Minat, Tingkah Laku Distraktif dan Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(4): 49-64.
- Eli Farikha. 2021. Penerapan Pendekatan *Mastery Learning* pada Mata Pelajaran IPA kelas 8 untuk Meningkatkan Hasil Belajar Siswa di SMP Negeri 39 Surabaya. *Journal Education and Development*. 9(2): 255-260.
- I K Suandi, N N Aryaningsih & I M Abdi. 2017. The Implementation of Mastery Learning Concept and Cognitive Entry Behavior to Increase The Students' Competency in Accordance with Iqf Qualification. *Journal of Physics: Conf. Series* 953, 012094.
